Ikuti arahan berikut untuk menghidupkan kamera, menangkap imej pegun atau filem dan kemudian melihatnya.

## Memegang Kamera

Untuk mendapatkan imej yang tajam, pegang kamera dengan pegun untuk meminimumkan goncangan kamera.



Penangkapan mendatar Penangkapan menegak

(1) Pegang cengkaman kamera dengan kemas menggunakan tangan kanan anda.

(2) Pegang bawah lensa dengan tangan kiri anda.

(3) Letakkan jari telunjuk anda dengan perlahan pada butang pengatup.

(4) Tekankan lengan dan siku anda dengan lembut pada hadapan badan anda.

(5) Untuk mengekalkan kedudukan yang stabil, letakkan satu kaki lebih hadapan sedikit daripada yang lain.




- Apabila merakam filem, berhati-hati supaya tidak menutup mikrofon (1).
- Apabila anda menekan pengatup separuh ke bawah di lokasi yang gelap, lampu depan (2) mungkin akan menyala untuk memperbaik fokus. Pastikan lampu ini tidak dihalang oleh apa-apa.

## Menangkap dalam Mod Auto Pintar Pemandangan

Untuk pemilihan tetapan optimum secara automatik penuh untuk suasana tertentu, biarkan kamera menentukan subjek dan keadaan penangkapan.



**1 Hidupkan kamera.**

- Tekan butang kuasa.






**2 Masuk ke mod [A+].**

- Tetapkan dail mod ke [A+].
- Ikon pemandangan (1) dipaparkan di sebelah kiri bahagian atas skrin.
- Bahagian atas skrin menunjukkan bilangan tangkapan (2) dan panjang filem (3) yang boleh anda ambil menggunakan kad semasa.
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar wajah atau subjek lain yang dikesan menandakan wajah dan subjek tersebut sedang dalam fokus.



**3 Gubah tangkapan.**

- Jika lensa anda menyokong pengezuman, putar gelang zum pada lensa dengan jari anda untuk mengezum.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## 4 Tangkap.

### Menangkap Imej Pegun




**1) Fokus.**

- Tekan butang pengatup dengan perlahan, separuh ke bawah. Kamera akan berbunyi bip dua kali setelah fokus dan bingkai AF dipaparkan untuk menunjukkan kawasan imej yang berada dalam fokus.





- Jika [⚡] menyala pada skrin, gerakkan suis [⚡] untuk menaikkan denyar. Denyar akan menyala semasa penangkapan. Jika anda lebih suka tidak menggunakan denyar, tekannya ke bawah dengan jari anda sehingga dalam kamera.




**2) Tangkap.**

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap. Dalam keadaan cahaya malap, denyar menyala secara automatik apabila anda telah menaikkan denyar.
- Imej yang ditangkap akan dipaparkan selama kira-kira 2 saat pada skrin.
- Walaupun tangkapan sedang dipaparkan, anda boleh mengambil gambar lain dengan menekan butang pengatup sekali lagi.

### Merakam Filem



**1) Mula merakam.**

- Tekan butang Filem untuk memulakan rakaman. [● Rec (Rakaman)] dipaparkan dengan masa berlalu.



- Memaparkan bar hitam di hujung atas dan bawah skrin. Bar hitam menunjukkan kawasan imej yang tidak dirakam.
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar wajah yang dikesan menandakan wajah dikesan sedang dalam fokus.
- Sebaik sahaja rakaman bermula, jauhkan jari anda dari butang filem.



**2) Selesai merakam.**

- Untuk menamatkan rakaman filem, tekan butang filem sekali lagi.

> **!**
> - Bingkai AF jingga dipaparkan dengan [!] jika kamera tidak boleh memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Tiada gambar diambil, walaupun jika anda menekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.
> - Jika menggunakan lensa yang menyokong IS Dinamik (📖78), kamera melaraskan julat yang dipaparkan pada skrin untuk menjadikan subjek lebih besar sebaik sahaja anda memulakan rakaman filem.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Melihat

Selepas menangkap imej pegun dan merakam filem, anda boleh melihatnya pada skrin seperti berikut.



### 1 Masuk ke mod Main balik.

- Tekan butang [▶].
- Tangkapan terakhir anda dipaparkan.





### 2 Pilih imej.

- Untuk melihat imej sebelumnya, tekan butang [◀] atau putar dail [◉] melawan arah jam. Untuk melihat imej berikutnya, tekan butang [▶] atau putar dail [◉] mengikut arah jam.
- Tekan dan tahan butang [◀][▶] untuk menyemak lalu imej dengan cepat.




- Untuk mengakses mod Paparan Tatal, putar dail [◉] dengan cepat. Dalam mod ini, putar dail [◉] untuk menyemak lalu imej.
- Tekan butang [Q/SET] untuk kembali ke paparan imej tunggal.



- Filem dikenal pasti dengan ikon [SET ▶]. Untuk memainkan filem, pergi ke langkah 3.




### 3 Main filem.

- Tekan butang [Q/SET], tekan butang [▲][▼] untuk memilih [▶] dan kemudian tekan butang [Q/SET] sekali lagi.
- Main balik kini bermula dan selepas filem tamat, [SET ▶] dipaparkan.
- Untuk melaraskan volum semasa main balik, tekan butang [▲][▼].

- Untuk menukar kepada mod pengangkapan daripada mod main balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah (📖28), tekan butang [▶] atau putar dail mod.

- Anda boleh juga memulakan main balik filem dengan menyentuh [▶]. Untuk melaraskan volum, seret ke atas atau ke bawah dengan cepat pada skrin ketika main balik.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Memadamkan Imej

Anda boleh memilih dan memadamkan imej yang tidak diperlukan satu demi satu. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan.






### 1 Pilih imej untuk dipadamkan.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◉] untuk memilih imej.

### 2 Padam imej.

- Tekan butang [▼].
- Selepas [Erase? (Padam?)] dipaparkan, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◉] untuk memilih [Erase (Padam)] dan kemudian tekan butang [Q/SET].
- Imej semasa kini dipadamkan.
- Untuk membatalkan pemadaman, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◉] untuk memilih [Cancel (Batal)] dan kemudian tekan butang [Q/SET].

- Anda boleh memilih berbilang imej untuk dipadamkan sekali gus (📖105).

- Anda juga boleh memadamkan imej semasa dengan menyentuh [Erase (Padam)] pada skrin dalam langkah 2.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Panduan Lanjutan 1

## Asas Kamera

Operasi asas yang lain dan lebih banyak cara untuk menikmati kamera anda, termasuk pilihan penangkapan dan main balik

## Hidupkan/Matikan



### Mod Penangkapan

- Tekan butang kuasa untuk menghidupkan kamera dan bersedia untuk penangkapan.
- Untuk mematikan kamera, tekan butang kuasa sekali lagi.



### Mod Main balik

- Tekan butang [▶] untuk menghidupkan kamera dan melihat tangkapan anda.
- Tekan butang [▶] sekali lagi untuk pergi ke mod penangkapan.
- Untuk mematikan kamera, tekan butang kuasa.

- Apabila lensa EF-M dipasang pada kamera dan kuasa dimatikan, apertur mengecil untuk mengurangkan jumlah cahaya yang memasuki kamera dan melindungi komponen dalaman kamera. Sebagai hasilnya, apabila anda menghidup atau mematikan kamera, apertur menghasilkan bunyi perlahan apabila ia membuka atau menutup.
- Apabila anda menghidup atau mematikan kamera, pembersihan pengesan akan dilaksanakan secara automatik. (Bunyi perlahan mungkin dapat didengari.) Selepas menghidupkan kamera, monitor LCD akan memaparkan ikon [⁺▭⁺] sementara pengesan dibersihkan. Ikon [⁺▭⁺] mungkin tidak dipaparkan jika anda menghidup dan mematikan kamera dengan cepat dalam tempoh yang singkat.
- Untuk menukar kepada mod penangkapan daripada mod main balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah (📖28), tekan butang [▶] atau putar dail mod.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Ciri Jimat Kuasa (Mati secara Auto)

Sebagai cara untuk menjimatkan kuasa bateri, kamera akan menyahaktifkan skrin secara automatik (Paparan Dimatikan) dan kemudian terpadam dengan sendiri selepas tempoh ketidakaktifan yang tertentu.

### Jimat Kuasa dalam Mod Penangkapan

Skrin dinyahaktifkan secara automatik selepas ketidakaktifan selama kira-kira satu minit. Dalam kira-kira dua minit, kamera mematikan diri sendiri. Untuk mengaktifkan skrin dan bersedia untuk penangkapan apabila skrin dimatikan tetapi lampu penunjuk (di belakang) masih hidup, tekan butang pengatup separuh ke bawah (📖28).

### Jimat Kuasa dalam Mod Main Balik

Kamera mematikan sendiri secara automatik selepas ketidakaktifan selama kira-kira lima minit.

- Anda boleh menyahaktifkan Mati secara Auto dan melaraskan masa Paparan Dimatikan, jika anda suka (📖140).
- Jimat kuasa tidak aktif semasa kamera disambung ke peranti lain melalui Wi-Fi (📖115) atau disambung ke komputer (📖159).

# Butang Pengatup

Untuk memastikan bahawa anda memfokus pada subjek yang diinginkan apabila menangkap, tekan butang pengatup separuh ke bawah dengan perlahan untuk memfokus terlebih dahulu dan kemudian tekan butang ke bawah untuk menangkap.
Dalam manual ini, operasi butang pengatup diterangkan sebagai menekan butang *separuh* atau *sepenuhnya ke bawah*.




**1 Tekan separuh ke bawah. (Tekan dengan perlahan untuk fokus.)**

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Kamera akan berbunyi bip dua kali dan bingkai dipaparkan di sekeliling kawasan imej yang berada dalam fokus.




**2 Tekan sepenuhnya ke bawah. (Dari posisi separa, tekan sepenuhnya untuk menangkap.)**

- Tangkapan diambil.

- Subjek yang anda inginkan mungkin di luar fokus jika anda menangkap tanpa menekan butang pengatup separuh ke bawah terlebih dahulu.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Mod Penangkapan

Gunakan dail mod untuk mengakses setiap mod penangkapan.




(1) Mod Pemandangan Auto Pintar/ Mod Auto Hibrid
Penangkapan automatik penuh, dengan tetapan yang ditetapkan oleh kamera (📖35, 📖37).

(2) Mod Bantuan Kreatif
Dapatkan hasil dan kesan yang diingini dengan cepat dan mudah. Tetapan juga boleh disimpan dan dimuatkan (📖48).

(3) Mod Pemandangan Khas
Tangkap dengan tetapan optimum untuk pemandangan tertentu (📖51).

(4) Mod **P**, **Tv**, **Av**, **M**, **C**
Ambil pelbagai jenis gambar menggunakan tetapan kegemaran anda (📖60, 📖82, 📖83, 📖84, 📖90).

(5) Mod Filem
Untuk merakam filem (📖57, 📖86). Anda juga boleh merakam filem apabila dail mod tidak ditetapkan ke mod Filem, hanya dengan menekan butang filem.

(6) Mod Penuras Kreatif
Tambah pelbagai kesan pada imej semasa menangkap (📖52).

- Anda boleh memutar dail mod untuk menukar kepada mod penangkapan daripada mod main balik.

# Melaraskan Sudut Monitor LCD

Anda boleh melaraskan orientasi dan sudut skrin supaya sesuai dengan pemandangan atau cara anda menangkap.

## Mencondongkan Skrin ke Bawah



- Tarik bahagian atas skrin ke bawah terhadap anda.
- Skrin boleh dicondongkan ke bawah sehingga kira-kira 45°.

## Mencondongkan Skrin ke Atas







- Tarik bahagian bawah skrin ke hadapan sehingga ia berbunyi klik (1), luncurkan skrin ke bawah (2), dan kemudian putarkan ia ke atas (3).
- Skrin boleh dicondongkan ke atas sehingga kira-kira 180°.
- Apabila anda ingin menangkap dari hadapan kamera, putar monitor LCD ke atas untuk melihat skrin dari sisi lensa. Imej cermin pemandangan dipaparkan (imej diputar 180° pada paksi menegak).
- Apabila selesai, putarkan skrin ke bawah (1) dan kemudian luncurkannya ke atas sambil menolak ke dalam sehingga ia berbunyi klik (2).

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

- Pastikan skrin ditutup apabila kamera tidak digunakan.
- Jangan cuba membuka skrin sehingga luar sudut yang diterangkan, kerana ini boleh merosakkannya.

- Pergi ke Menu (📖32) dan tetapkan [Reverse Disp. (Paparan Terbalik)] kepada [Off (Mati)] pada tab [📷1] untuk mematikan fungsi imej cermin.

# Pilihan Paparan Penangkapan

Tekan butang [INFO] untuk menukar antara paparan garisan grid dan tahap.
Ini boleh ditentukan dengan lebih terperinci pada tab [📷1], di bawah [Shooting information display (Paparan maklumat penangkapan)] (📖87).

- Kecerahan skrin bertambah secara automatik oleh fungsi pandangan malam apabila anda menangkap dalam cahaya malap, menjadikannya lebih mudah untuk memeriksa bagaimana tangkapan digubah. Walau bagaimanapun, kecerahan imej pada skrin mungkin tidak sepadan dengan kecerahan tangkapan anda. Sila ambil perhatian bahawa apa-apa herotan imej pada skrin atau gerakan subjek yang tersentak-sentak tidak akan mempengaruhi imej yang dirakam.
- Bagi pilihan paparan main balik, lihat “Menukar Mod Paparan” (📖95).

## Menggunakan Menu Tetapan Cepat

Fungsi yang biasa digunakan boleh dikonfigurasikan dalam menu [Q] (Tetapan Cepat).
Sila ambil perhatian bahawa item menu dan pilihan berbeza bergantung pada mod penangkapan (181) atau mod main balik (188).




**1 Akses menu [Q].**

- Tekan butang [SET].




**2 Pilih item menu.**

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih item menu (1).
- Pilihan yang tersedia (2) ditunjukkan di bahagian bawah skrin.




**3 Pilih pilihan.**

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [ ][ ] untuk memilih pilihan.
- Pilihan yang dilabelkan dengan ikon [INFO.] boleh dikonfigurasi dengan menekan butang [INFO.].




**4 Tamatkan proses penyediaan.**

- Tekan butang [SET].
- Skrin sebelum anda menekan butang [SET] pada langkah 1 akan dipaparkan semula, menunjukkan pilihan yang anda konfigurasi.

- Untuk membatalkan apa-apa perubahan tetapan yang tidak disengajakan, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera (145).
- Pilih [↩] dalam menu dan tekan butang [SET] untuk menutup pilihan.

## Menggunakan Operasi Skrin Sentuh untuk Mengkonfigurasi Tetapan




- Sentuh butang [Q] di sebelah kanan bahagian atas skrin untuk membuka menu Tetapan Cepat.
- Sentuh pilihan menu pada skrin untuk membuat pilihan.
- Sentuh [↩] dalam pilihan menu, atau sentuh pilihan semasa, untuk kembali ke skrin sebelumnya.
- Anda boleh mengakses skrin untuk pilihan yang dilabelkan dengan ikon [INFO.] dengan menyentuh [INFO.].

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Menggunakan Skrin Menu

Konfigurasikan pelbagai fungsi kamera melalui skrin menu seperti berikut.



## 1 Akses skrin menu.

- Tekan butang [MENU].







## 2 Pilih tab.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [dail].
untuk memilih tab.
- Terdapat dua jenis tab: Tab sistem (1) berkaitan dengan penangkapan [kamera], main balik [▶], tetapan [tetapan] dan banyak lagi, serta tab halaman individu (2) di bawah setiap tab sistem. Panduan ini merujuk kepada kedua-dua jenis tab bersama dalam teks (contoh: "tab [tetapan1]").



## 3 Pilih item menu.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉] untuk memilih item menu dan kemudian tekan butang [Q SET].
- Untuk item menu dengan pilihan yang tidak ditunjukkan, tekan butang [Q SET] untuk menukar skrin terlebih dahulu dan kemudian sama ada tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉] untuk memilih item menu.
- Untuk kembali ke skrin sebelumnya, tekan butang [MENU].






## 4 Pilih pilihan.

- Untuk pilihan yang tersedia dengan menu pilihan menegak, tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉] untuk memilih pilihan.
- Untuk pilihan dengan menu mendatar, tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan.

## 5 Tamatkan proses penyediaan.

- Apabila selesai, tekan butang [Q SET] untuk kembali ke pemilihan pilihan.
- Tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin yang dipaparkan sebelum anda menekan butang [MENU] dalam langkah 1.

- Untuk membatalkan apa-apa perubahan tetapan yang tidak disengajakan, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera (145).
- Item menu yang tersedia bergantung pada mod penangkapan atau main balik yang dipilih (181 – 188).

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Operasi Skrin Sentuh

- Untuk mengakses tab, tekan butang [MENU] untuk mengakses menu, sentuh tab sistem dan kemudian tab halaman untuk memilih tab menu.
- Sentuh tetapan yang diingini untuk memilihnya dan kemudian sentuh ia sekali lagi.
- Apabila selesai, sentuh pilihan untuk kembali ke skrin menu.
- Untuk mengkonfigurasi item menu yang pilihannya tidak ditunjukkan, mula-mula sentuh item menu untuk mengakses skrin tetapan. Untuk kembali ke skrin sebelumnya, sentuh [MENU⮌].
- Anda juga boleh menyentuh unsur input (seperti kotak semak atau medan teks) untuk memilihnya dan anda boleh memasukkan teks dengan menyentuh papan kekunci pada skrin.
- Butang [INFO] dan [MENU] pada skrin mempunyai fungsi yang sama seperti butang [INFO] dan [MENU].
- Untuk menutup menu, tekan butang [MENU] sekali lagi.

# Papan Kekunci Pada Skrin

Gunakan papan kekunci pada skrin untuk memasukkan maklumat bagi sambungan Wi-Fi (📖115). Sila ambil perhatian bahawa panjang dan jenis maklumat yang anda boleh masukkan berbeza bergantung pada fungsi yang sedang anda gunakan.

(1)




### Memasukkan Aksara

- Sentuh aksara untuk memasukkannya.
- Jumlah maklumat yang boleh anda masukkan (1) berbeza bergantung pada fungsi yang sedang anda gunakan.

### Menggerakkan Kursor

- Sentuh [⬅][➡].

### Memasukkan Garis Pemisah

- Sentuh [↵].

### Menukar Mod Input

- Sentuh [⌂] untuk menukar antara nombor dan simbol.
- Sentuh [⇧] untuk memasukkan huruf besar.
- Mod input yang tersedia berbeza bergantung pada fungsi yang sedang anda gunakan.

### Memadamkan Aksara

- Sentuh [⌫] untuk memadam aksara sebelumnya.

### Mengesahkan Input dan Kembali ke Skrin Sebelumnya

- Sentuh [MENU⮌].

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] atau putar dail [◉] untuk memilih aksara dan ikon. Tekan butang [SET] untuk membuat pemasukan. Putar dail [⚙] untuk menggerakkan kursor secara langsung antara aksara. Tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin sebelumnya.

# Paparan Penunjuk

Penunjuk di belakang kamera (📖29) menyala atau berkelip bergantung pada status kamera.

| Warna | Status Penunjuk | Status Kamera |
|---|---|---|
| Hijau | Hidup | Bersambung ke komputer (📖159) atau paparan dimatikan (📖28, 📖139, 📖140) |
| | Berkelip | Sedang bermula, merekod/membaca/menghantar imej, menangkap pendedahan lama (📖82, 📖84) atau menyambung/menghantar melalui Wi-Fi |

- Apabila penunjuk berkelip hijau, jangan matikan kamera, buka penutup kad memori/bateri, goncang atau gerakkan kamera, ini mungkin merosakkan imej, kamera atau kad memori.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

2

# Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod senang bagi tangkapan mudah dengan kawalan penangkapan yang lebih baik

## Menangkap dengan Tetapan yang Ditentukan oleh Kamera

Untuk pemilihan tetapan optimum secara automatik penuh untuk suasana tertentu, biarkan kamera menentukan subjek dan keadaan penangkapan.

### Penangkapan (Pemandangan Auto Pintar)

▶ Imej Pegun ▶ Filem



**1 Hidupkan kamera.**

- Tekan butang kuasa.





**2 Masuk ke mod [A+].**

- Tetapkan dail mod ke [A+].
- Ikon pemandangan dipaparkan di sebelah kiri bahagian atas skrin (📖39).
- Bingkai dipaparkan di sekeliling wajah dan subjek yang dikesan, menunjukkan bahawa mereka berada dalam fokus.



**3 Gubah tangkapan.**

- Jika lensa anda menyokong pengezuman, putar gelang zum pada lensa dengan jari anda untuk mengezum.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## 4 Tangkap.

### Menangkap Imej Pegun




**1) Fokus.**

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Kamera akan berbunyi bip dua kali setelah fokus dan bingkai AF dipaparkan untuk menunjukkan kawasan imej yang berada dalam fokus.





- Jika [⚡] menyala pada skrin, gerakkan suis [⚡] untuk menaikkan denyar. Denyar akan bernyala apabila menangkap. Jika anda lebih suka tidak menggunakan denyar, tekannya ke bawah dengan jari anda sehingga dalam kamera.




**2) Tangkap.**

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap. Dalam keadaan cahaya malap, denyar menyala secara automatik apabila anda telah menaikkan denyar.
- Imej yang ditangkap akan dipaparkan selama kira-kira 2 saat pada skrin.
- Walaupun tangkapan sedang dipaparkan, anda boleh mengambil gambar lain dengan menekan butang pengatup sekali lagi.

### Merakam Filem





**1) Mula merakam.**

- Tekan butang filem. Rakaman bermula, [● Rec (Rakaman)] akan dipaparkan dengan masa berlalu.
- Bar hitam yang dipaparkan di hujung atas dan bawah skrin menunjukkan kawasan imej yang tidak dirakam.
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar wajah yang dikesan menandakan wajah dikesan sedang dalam fokus.
- Sebaik sahaja rakaman bermula, jauhkan jari anda dari butang filem.

**2) Tukarkan saiz subjek dan gubah semula rakaman mengikut keperluan.**

- Untuk menukar saiz subjek, ulangi operasi dalam langkah 3.
  Walau bagaimanapun, ambil perhatian bahawa bunyi operasi kamera akan dirakam.
- Apabila anda menggubah semula rakaman, fokus, kecerahan dan warna akan dilaraskan secara automatik.



**3) Selesai merakam.**

- Untuk menamatkan rakaman filem, tekan butang filem sekali lagi.
- Rakaman akan berhenti secara automatik apabila kad memori menjadi penuh.

## Merakam dalam Mod Auto Hibrid

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menghasilkan filem pendek bagi sesuatu hari hanya dengan menangkap imej pegun. Kamera merakam klip pemandangan selama 2 – 4 saat sebelum setiap tangkapan, yang kemudian akan digabungkan menjadi satu filem ikhtisar.





**1 Masuk ke mod [ ].**

- Ikuti langkah 2 dalam "Penangkapan (Pemandangan Auto Pintar)" (35) dan pilih [ ].

**2 Gubah tangkapan.**

- Ikuti langkah 3 – 4 dalam "Penangkapan (Pemandangan Auto Pintar)" (35) untuk menggubah tangkapan dan fokus.
- Untuk merakam filem ikhtisar yang lebih menarik, halakan kamera ke subjek selama kira-kira empat saat sebelum menangkap imej pegun.

**3 Tangkap.**

- Ikuti langkah 4 dalam "Penangkapan (Pemandangan Auto Pintar)" (36) untuk menangkap imej pegun.
- Kamera akan merakam imej pegun dan juga klip filem. Klip tersebut yang berakhir dengan imej pegun dan bunyi pengatup akan membentuk satu bab tunggal dalam filem ikhtisar.

- Hayat bateri lebih pendek dalam mod ini berbanding dengan mod [ ], kerana filem ikhtisar dirakam untuk setiap tangkapan.
- Filem ikhtisar mungkin tidak dirakam jika anda menangkap imej pegun sebaik sahaja menghidupkan kamera, memilih mod [ ] atau mengendalikan kamera dengan cara yang lain.
- Bunyi dan getaran daripada pengendalian kamera atau lensa akan dirakam dalam filem ikhtisar.

- Kualiti filem ikhtisar adalah [ 29.97P] (dalam NTSC) atau [ 25.00P] (dalam PAL). Ini bergantung pada format tetapan video anda (139).
- Bunyi tidak akan dimainkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah atau mencetus pemasa kendiri.
- Filem ikhtisar disimpan sebagai fail filem berasingan dalam keadaan berikut walaupun ia dirakam pada hari yang sama dalam mod [ ].
  - Saiz fail filem ikhtisar mencapai kira-kira 4 GB atau jumlah masa rakaman mencapai kira-kira 13 minit dan 20 saat.
  - Filem ikhtisar dilindungi (102).
  - Waktu jimat siang (18), sistem video (139), tetapan zon masa (141) atau maklumat hak cipta (144) diubah.
  - Folder baharu dicipta (137).
- Bunyi pengatup yang dirakam tidak dapat diubah suai atau dipadamkan.
- Jika anda lebih suka merakam filem ikhtisar tanpa imej pegun, laraskan tetapan terlebih dahulu. Pilih MENU (32) > tab [ 4] > [Digest Type (Jenis Ikhtisar)] > [No Stills (Tiada Pegun)] (32).
- Bab-bab individu boleh diedit (114).

## Main Balik Filem Ikhtisar

Paparkan imej pegun yang ditangkap dalam mod [ ] untuk memainkan filem ikhtisar yang dicipta pada hari yang sama atau tentukan tarikh filem ikhtisar untuk dimainkan (96).

## Imej Pegun/Filem

- Jika kamera dihidupkan ketika butang [MENU] ditahan ke bawah, kamera tidak akan berbunyi lagi. Untuk mengaktifkan bunyi sekali lagi, tekan butang [MENU] dan pilih [Beep (Bip)] pada tab [ ] dan kemudian tekan butang [▲][▼] untuk memilih [On (Hidup)].


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Imej Pegun

- Bingkai AF jingga dipaparkan dengan [!] jika kamera tidak boleh memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Tiada gambar diambil, walaupun jika anda menekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.
- Apabila tiada orang atau subjek dikesan, apabila subjek adalah gelap, tidak mempunyai kontras atau dalam keadaan yang sangat terang, ia mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk mencapai fokus atau fokus yang betul tidak boleh dicapai.
- Ikon [ ] yang berkelip memberi amaran bahawa imej mungkin kabur akibat goncangan kamera. Jika demikian, pasangkan kamera pada tripod atau gunakan cara yang lain untuk mencegah kamera bergerak.
- Jika tangkapan anda gelap walaupun denyar menyala, gerak lebih dekat ke subjek itu. Untuk butiran tentang julat denyar, lihat “Panduan Julat Denyar Dalaman” (197).
- Untuk mengurangkan mata merah dan membantu fokus, lampu mungkin dinyalakan apabila menekan butang pengatup separuh ke bawah dalam keadaan cahaya malap.
- Jika denyar menyala, kesan kabur tepi mungkin berlaku bergantung pada lensa yang sedang digunakan.
- Ikon [ ] yang berkelip dipaparkan apabila anda cuba menangkap, menunjukkan bahawa tangkapan tidak boleh dilakukan sehingga denyar telah dicas semula. Penangkapan boleh diteruskan ketika denyar bersedia, maka tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah dan tunggu atau lepaskan butang pengatup dan tekan sekali lagi.
- Walaupun anda boleh menangkap semula sebelum skrin penangkapan dipaparkan, tangkapan anda yang sebelumnya mungkin menentukan fokus, kecerahan dan warna yang digunakan.

- Paparan yang ditunjukkan sejurus selepas tangkapan dan sebelum imej disimpan dipaparkan akan menampilkan pinggir samar.
- Anda boleh menukar jangka masa imej yang dipaparkan selepas tangkapan (47).

## Filem

- Kamera mungkin menjadi panas apabila merakam filem berulang kali buat jangka masa yang lama. Ini tidak menandakan kerosakan.
- Jangan halang mikrofon (1) dengan jari anda ketika merakam filem. Menghalang mikrofon mungkin akan menghalang bunyi daripada dirakam atau mungkin menyebabkan rakaman suara teredam.




- Elakkan menyentuh kawalan kamera selain daripada butang filem dan kawalan skrin sentuh apabila merakam filem. Bunyi yang dihasilkan oleh kamera akan dirakam. Kawalan skrin sentuh disyorkan apabila melaraskan tetapan semasa penangkapan filem.
- Bunyi lensa dan kamera beroperasi juga akan dirakam. Ini boleh dikurangkan dengan menggunakan mikrofon luaran (dijual berasingan) (157).
- Jika menggunakan lensa yang menyokong IS Dinamik (78), kawasan paparan imej berubah dan subjek dibesarkan sebaik sahaja rakaman filem bermula untuk membolehkan pembetulan goncangan kamera yang ketara. Untuk merakam subjek pada saiz sama yang dipaparkan sebelum merakam, laraskan tetapan penstabilan imej (78).


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

- Audio akan dirakam sebagai stereo.
- Fokus akan dilaraskan secara automatik semasa merakam filem dan mungkin menyebabkan bunyi operasi lensa tersebut dirakam. Menggunakan mikrofon luar (dijual berasingan) dapat membantu mengurangkan bunyi lensa. Jika anda tidak mahu merakam bunyi, pergi ke menu (32), pilih tab [5] dan tetapkan [Sound recording (Rakaman bunyi)] kepada [Disable (Lumpuh)].
- Pergi ke Menu (32), pilih tab [5] dan tetapkan [Movie Servo AF (AF Servo Filem)] kepada [Disable (Lumpuh)] untuk memastikan fokus kekal tetap semasa rakaman filem.
- Filem yang mengambil lebih daripada 4 GB ruang dalam satu rakaman tunggal dibahagikan kepada berbilang fail. Masa rakaman filem pada skrin penangkapan berkelip selama kira-kira 30 saat sebelum filem mencapai saiz 4 GB. Jika anda terus merakam dan melebihi 4 GB, kamera mencipta fail filem baru secara automatik dan berhenti berkelip. Fail filem yang dibahagikan tidak boleh dimainkan dengan berurutan secara automatik. Setiap filem mesti dilihat secara berasingan.

## Ikon Pemandangan

▶ **Imej Pegun** ▶ **Filem**

Dalam mod [] dan [], pemandangan penangkapan yang ditentukan oleh kamera ditunjukkan oleh ikon yang dipaparkan dan tetapan berkaitan akan dipilih secara automatik untuk fokus optimum, kecerahan subjek dan warna.

| Latar belakang | Apabila Menangkap Orang | | Warna Latar belakang Ikon |
|---|---|---|---|
| | Orang | Sedang Bergerak | |
| Cerah | | | Kelabu |
| Cerah dan Cahaya belakang | | | |
| Dengan Langit Biru | | | Biru Muda |
| Langit Biru dan Cahaya belakang | | | |
| Lampu sorot | | | Biru Tua |
| Gelap | | | |
| Gelap, Menggunakan Tripod | | – | |

| Latar belakang | Apabila Menangkap Subjek Lain | | | Warna Latar belakang Ikon |
|---|---|---|---|---|
| | Subjek Lain | Sedang Bergerak | Dalam Julat Dekat | |
| Cerah | | | | Kelabu |
| Cerah dan Cahaya belakang | | | | |
| Dengan Langit Biru | | | | Biru Muda |
| Langit Biru dan Cahaya belakang | | | | |
| Matahari terbenam | | | – | Jingga |
| Lampu sorot | | | | Biru Tua |
| Gelap | | | | |
| Gelap, Menggunakan Tripod | | – | – | |

- Ikon "Sedang Bergerak" tidak dipaparkan apabila pemasa kendiri (40) dihidupkan, apabila dalam mod [] atau apabila merakam filem.
- Ikon "Apabila Menangkap Gambar Orang" dan "Sedang Bergerak" tidak dipaparkan apabila lensa ditetapkan kepada MF atau anda menggunakan lensa yang tidak boleh autofokus.

- Cuba menangkap dalam mod [P] (60) jika ikon pemandangan tidak padan dengan keadaan sebenar penangkapan atau jika tidak dapat menangkap dengan kesan, warna atau kecerahan yang anda jangkakan.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Bingkai Pada Skrin

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Selepas anda menghalakan kamera ke arah subjek dan kamera mengesan subjek tersebut, pelbagai bingkai akan dipaparkan.

- Bingkai putih dipaparkan di sekeliling subjek (atau wajah seseorang) yang ditentukan oleh kamera sebagai subjek utama. Bingkai mengikuti subjek yang bergerak dalam julat tertentu untuk mengekalkan mereka dalam fokus.
- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Apabila pemandangan berada dalam fokus, bingkai akan bertukar hijau.
- Dalam mod [A+], jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah apabila subjek ditentukan sebagai sedang bergerak, bingkai akan bertukar menjadi biru dan fokus serta kecerahan akan ditentukurkan semula (AF servo). Sebaik sahaja kembali dalam fokus, bingkai akan bertukar hijau.
- Bingkai AF jingga dipaparkan dengan [!] jika kamera tidak boleh memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.

- Cuba menangkap dalam mod [P] (60) jika tiada bingkai dipaparkan, jika bingkai tidak dipaparkan di sekeliling subjek diingini atau jika bingkai dipaparkan di latar belakang atau kawasan serupa.

- Tetapkan [AF auto switch (Suis auto AF)] kepada [Disable (Lumpuh)] pada tab [4] untuk mematikan AF servo. Ini mematikan ikon “Sedang Bergerak”(39). [AF auto switch (Suis auto AF)] secara automatik ditetapkan kepada [Disable (Lumpuh)] jika pemasa kendiri (40) ditetapkan kepada tetapan selain [OFF].

- Untuk memilih subjek yang akan difokuskan, sentuh subjek yang diinginkan pada skrin. [ ] dipaparkan dan kamera memasuki mod AF Sentuh.

# Ciri-Ciri Mudah dan Biasa

▶ Imej Pegun ▶ Filem

## Menggunakan Pemasa Kendiri

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Dengan pemasa kendiri, anda boleh memasukkan diri sendiri ke foto berkumpulan atau tangkapan pemasa lain. Kamera akan menangkap kira-kira 10 saat selepas anda menekan butang pengatup.





**1 Konfigurasikan tetapan.**

- Tekan butang [Q/SET], pilih [OFF] dalam menu dan kemudian pilih [10] (31).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [10] dipaparkan.

**2 Tangkap.**

- Untuk imej pegun: tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk fokus pada subjek dan kemudian tekan butang itu sepenuhnya ke bawah.
- Untuk filem: tekan butang filem.




- Sebaik sahaja anda memulakan pemasa kendiri, lampu akan berkelip dan kamera akan memainkan bunyi pemasa kendiri.
- Dua saat sebelum tangkapan, kelipan dan bunyi akan dipercepatkan. (Lampu akan kekal bercahaya jika denyar bernyala.)
- Untuk membatalkan penangkapan selepas anda mencetuskan pemasa kendiri, tekan butang [MENU].
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [OFF] pada langkah 1.

## Menggunakan Pemasa Kendiri untuk Mengelakkan Goncangan Kamera

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Pilihan ini menangguhkan pelepasan pengatup hingga kira-kira dua saat selepas anda telah menekan butang pengatup. Jika kamera bergoncang ketika anda menekan butang pengatup, tangkapan anda tidak akan terjejas.




- Ikuti langkah 1 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (📖40) dan pilih [2].
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [2] dipaparkan.
- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (📖40) untuk menangkap.

## Menangkap dengan Menyentuh Skrin (Pengatup Sentuh)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Dengan pilihan ini, anda tidak menekan butang pengatup, sebaliknya anda hanya perlu menyentuh skrin dan melepaskan jari anda untuk menangkap. Kamera akan memfokus pada subjek dan melaraskan kecerahan imej secara automatik.







**1 Aktifkan fungsi pengatup sentuh.**

- Tekan butang [MENU], pilih [Touch Shutter (Pengatup Sentuh)] pada tab [📷] dan kemudian pilih [Enable (Aktif)] (📖32).



**2 Tangkap.**

- Sentuh subjek pada skrin untuk mengambil gambar.
- Untuk membatalkan pengatup sentuh, pilih [Disable (Lumpuh)] dalam langkah 1.

> ❗
> - Jika fokus tidak dicapai, bingkai AF bertukar jingga dan imej tidak dapat diambil.
> - Walaupun semasa tangkapan sedang dipaparkan, anda boleh membuat persediaan untuk tangkapan berikutnya dengan menyentuh [↩].

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Penangkapan Berterusan

▶ **Imej Pegun** ▶ Filem

Dalam mod [A+], tahan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap secara berterusan.
Untuk butiran tentang kelajuan penangkapan berterusan, lihat “Mod Pemacu, Pemasa kendiri” (📖192).







**1 Konfigurasikan tetapan.**

- Tekan butang [Q/SET], pilih [□] dalam menu dan kemudian pilih [▣] (📖31).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [▣] dipaparkan.

**2 Tangkap.**

- Tahan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap secara berterusan.

(!)

- Semasa penangkapan berterusan, fokus, pendedahan dan ton warna dikunci di posisi/aras yang ditentukan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Tidak boleh digunakan dengan pemasa kendiri (📖40).
- Penangkapan mungkin berhenti sebentar atau penangkapan berterusan mungkin menjadi perlahan bergantung pada keadaan penangkapan, tetapan kamera dan posisi zum.
- Apabila lebih banyak imej ditangkap, penangkapan mungkin menjadi perlahan.
- Mungkin terdapat penangguhan selepas penangkapan berterusan sebelum anda boleh menangkap lagi, bergantung pada jenis kad yang digunakan dan bilangan imej yang ditangkap.
- Penangkapan mungkin menjadi perlahan jika denyar menyala.
- Dengan Pengatup Sentuh (📖41), kamera akan menangkap secara berterusan apabila anda menyentuh skrin. Fokus, pendedahan dan ton warna ketika penangkapan berterusan akan kekal malar selepas ditentukan untuk tangkapan pertama.
- Imej yang dipaparkan pada skrin semasa penangkapan berterusan berbeza daripada imej sebenar dan mungkin kelihatan luar dari fokus. Juga, bergantung pada lensa yang digunakan, imej yang dipaparkan pada skrin mungkin kelihatan lebih gelap semasa penangkapan berterusan. Walau bagaimanapun, imej direkod dengan kecerahan standard.

- Jika bilangan imej yang boleh ditangkap secara berterusan (kiraan letusan imej) ialah 1 – 9, jumlah baki penangkapan berterusan dipaparkan di sebelah kanan jumlah baki tangkapan di bahagian atas skrin (📖174). Ini tidak ditunjukkan jika anda boleh menangkap 10 atau lebih imej berterusan.
- Bilangan imej berterusan yang boleh anda tangkap mungkin berkurangan bergantung pada pemandangan penangkapan atau tetapan kamera anda.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Ciri Penyesuaian Imej

## Menukar Kualiti Imej

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Anda boleh memilih resolusi (saiz) dan kualiti (nisbah kemampatan) imej direkod dari gabungan 8 jenis. Anda juga boleh menentukan sama ada untuk menyimpan imej RAW (📖43) atau tidak. Untuk panduan tentang jumlah tangkapan pada setiap tetapan kualiti yang boleh disimpan dalam satu kad memori, lihat “Bilangan Tangkapan bagi Setiap Kad Memori” (📖196).






- Tekan butang [Q/SET], pilih [L] dalam menu dan pilih pilihan yang diingini (📖31).
- Pilihan yang anda konfigurasikan kini dipaparkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [L].

- [◢] dan [▟] menunjukkan tahap kualiti imej berbeza yang disebabkan oleh kadar kemampatan yang berbeza. Jika menggunakan resolusi yang sama, [◢] akan menghasilkan kualiti imej yang lebih baik. [▟] akan menghasilkan imej yang rendah sedikit, tetapi akan membolehkan anda merekod lebih banyak imej. [S2] dan [S3] mempunyai kualiti imej [◢]
- Tidak tersedia dalam mod [ ].

Jika memilih resolusi berdasarkan saiz kertas, gunakan jadual berikut sebagai panduan (apabila menggunakan nisbah bidang 3:2).

| | |
|---|---|
| L | A2 (16.5 x 23.4 inci) |
| M | A3 (11.7 x 16.5 inci) |
| S1 | A4 (8.3 x 11.7 inci) |
| S2 | 3.5 x 5 inci, 5 x 7 inci, Poskad |
| S3 | Untuk menghantar e-mel dan tujuan yang serupa |

## Menyimpan Imej RAW

Kamera ini boleh merekod imej dalam format JPEG dan RAW.

| | |
|---|---|
| Imej JPEG | Imej diproses dalam kamera untuk kualiti imej yang optimum dan dimampatkan untuk mengurangkan saiz fail. Walau bagaimanapun, proses pemampatan tidak dapat dibalikkan dan imej tidak boleh dikembalikan kepada keadaan asal, yang masih belum diproses. Pemprosesan imej juga mungkin menyebabkan kehilangan sedikit kualiti imej. |
| Imej RAW | Data “raw” (tidak diproses), yang direkod tanpa kehilangan kualiti imej daripada pemprosesan imej kamera. Data ini tidak boleh digunakan dalam keadaan ini untuk melihat pada komputer atau pencetakan. Anda mesti menggunakan perisian (Digital Photo Professional) (📖158) terlebih dahulu untuk menukar imej kepada fail JPEG atau TIFF biasa. Imej boleh dilaraskan dengan kehilangan minimum kualiti imej. |

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks





- Tekan butang [] dan pilih [] dalam menu (31).
- Jika anda ingin menyimpan hanya imej RAW, pilih [RAW].
- Untuk menyimpan kedua-dua imej JPEG dan RAW, pilih kualiti imej yang diingini dalam skrin tetapan dan kemudian tekan butang [INFO.] untuk menambah [✓] pada [RAW]. Untuk kembali ke kaedah menyimpan yang asal, buang [✓] daripada [RAW].

- Apabila memindahkan imej RAW (atau imej RAW dan JPEG yang direkod bersama) ke komputer, sentiasa menggunakan perisian khusus "EOS Utility" (158).

- Untuk butiran tentang resolusi dan bilangan tangkapan yang boleh disimpan pada kad, lihat "Bilangan Tangkapan bagi Setiap Kad Memori" (196).
- Sambungan fail bagi imej JPEG ialah .JPG dan sambungan bagi imej RAW ialah .CR2. Imej JPEG dan RAW yang direkod bersama akan mempunyai nombor imej yang sama dalam nama failnya.
- Rujuk kepada "Perisian" (158) untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perisian Digital Photo Profesional dan EOS Utility.

## Menggunakan Menu







- Tekan butang [MENU], pilih [Image quality (Kualiti imej)] pada tab [1] dan tekan butang [] (32).
- Putar dail [] untuk memilih [RAW] dalam [RAW]. Ini akan menyimpan fail RAW bersama fail JPEG. Pilih [–] dan kamera akan menyimpan fail JPEG sahaja.
- Tekan butang [][] atau putar dail [] untuk menukar [JPEG], memilih resolusi dan nisbah kemampatan simpanan pilihan anda. Pilih [–] dan kamera akan menyimpan fail RAW sahaja.
- Setelah selesai, tekan butang [] untuk kembali ke skrin menu.

- Anda tidak boleh menetapkan kedua-dua tetapan imej [RAW] dan [JPEG] kepada [–] pada masa yang sama.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Menukar Nisbah Bidang

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Tukar nisbah bidang (nisbah lebar dan ketinggian) imej seperti berikut.






- Tekan butang [Q SET], pilih [3:2] dalam menu dan pilih pilihan yang diingini (📖31).
- Sebaik sahaja tetapan telah selesai, nisbah bidang skrin akan dikemas kini.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [3:2].

| | |
|---|---|
| 16:9 | Digunakan untuk dipaparkan pada HDTV skrin lebar atau peranti paparan serupa. |
| 3:2 | Nisbah bidang yang sama dengan filem 35 mm, digunakan untuk mencetak imej saiz 5 x 7 inci atau saiz poskad. |
| 4:3 | Digunakan untuk mencetak imej saiz 3.5 x 5 inci atau saiz siri A. |
| 1:1 | Nisbah bidang segi empat sama. |

- Tidak tersedia dalam mod [ ].
- Ini juga boleh ditentukan dalam menu (📖32) dengan memasuki tab [📷1] dan memilih pilihan [Still Image Aspect Ratio (Nisbah Bidang Imej Pegun)].

## Menukar Kualiti Imej Filem

▷ Imej Pegun ▶ **Filem**

Anda boleh menetapkan kualiti (saiz imej dan kadar bingkai) filem. Kadar bingkai (bilangan bingkai yang dirakam setiap saat) ditentukan oleh tetapan format video anda (📖139). Untuk panduan tentang panjang maksimum filem pada setiap aras kualiti imej yang boleh dimuatkan pada kad memori, lihat "Masa Rakaman bagi setiap Kad Memori" (📖196).





- Tekan butang [Q SET], pilih [Movie rec. size (Saiz rakaman filem)] dalam menu dan pilih pilihan yang diingini (📖31).
- Pilihan yang anda konfigurasikan kini dipaparkan.

Format video ditetapkan kepada [NTSC]

| Kualiti Imej | Resolusi | Kadar Bingkai | Terperinci |
|---|---|---|---|
| FHD 29.97P | 1920 x 1080 | 29.97 fps | Untuk rakaman dalam Full HD. [FHD 29.97P] membolehkan filem bergerak dengan lebih lancar |
| FHD 23.98P | 1920 x 1080 | 23.98 fps | |
| HD 59.94P | 1280 x 720 | 59.94 fps | Untuk rakaman dalam HD |
| VGA 29.97P | 640 x 480 | 29.97 fps | Untuk rakaman dalam definisi standard |


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

Format video ditetapkan kepada [PAL]

| Kualiti Imej | Resolusi | Kadar Bingkai | Terperinci |
|---|---|---|---|
| FHD 25.00P | 1920 x 1080 | 25.00 fps | Untuk rakaman dalam Full HD |
| HD 50.00P | 1280 x 720 | 50.00 fps | Untuk rakaman dalam HD |
| VGA 25.00P | 640 x 480 | 25.00 fps | Untuk rakaman dalam definisi standard |

- [VGA 29.97P] dan [VGA 25.00P] akan memaparkan bar hitam di sebelah kiri dan kanan skrin. [FHD 29.97P], [FHD 23.98P], [HD 59.94P], [FHD 25.00P] dan [HD 50.00P] akan memaparkan bar hitam pada bahagian atas dan bawah skrin. Bar hitam menunjukkan kawasan imej yang tidak dirakam.
- Ini boleh disediakan dalam menu (32) dengan memasuki tab [5] dan memilih pilihan [Movie rec. size (Saiz rakaman filem)].

# Menggunakan Aras Elektronik Dual Paksi

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Aras elektronik boleh dipaparkan sebagai garisan panduan untuk memastikan kamera mendatar dari depan ke belakang dan dari kiri ke kanan.




**1 Paparkan aras elektronik.**

- Tekan butang [INFO.] beberapa kali untuk memaparkan aras elektronik.




**2 Tegakkan kamera.**

- (1) menunjukkan orientasi depan belakang dan (2) orientasi kiri kanan.
- Jika kamera condong, gerakkan kamera sehingga garisan merah bertukar menjadi hijau.

- Jika aras elektronik tidak dipaparkan dalam langkah 1, pergi ke menu (32) dan periksa tetapan anda dalam pilihan [Shooting information display (Paparan maklumat penangkapan)] pada tab [1] (87).
- Aras elektronik tidak dipaparkan semasa rakaman filem.
- Jika anda memegang kamera dengan menegak, orientasi aras elektronik akan dikemas kini secara automatik untuk sepadan dengan orientasi kamera.
- Tentukur aras elektronik jika ia tidak berkesan dalam membantu anda memaras kamera (139).

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Menyesuaikan Operasi Kamera

Sesuaikan fungsi penangkapan pada tab [📷] bagi skrin menu seperti berikut.
Untuk arahan tentang fungsi menu, lihat “Menggunakan Skrin Menu” (📖32).

## Menghalang Lampu Pengurangan Mata Merah daripada Menyala

**Imej Pegun** Filem

Anda boleh menyahaktifkan lampu pengurang mata merah yang menyala untuk mengurangkan mata merah apabila denyar digunakan dalam keadaan cahaya malap.




**1 Akses skrin [Flash Control (Kawalan Denyar)].**

- Tekan butang [MENU], pilih [Flash Control (Kawalan Denyar)] pada tab [📷] dan tekan butang [SET] (📖32).

**2 Konfigurasikan tetapan.**

- Pilih [Red-eye reduc. (Pengurangan mata merah)] dan kemudian pilih [Off (Mati)] (📖32).
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [On (Hidup)].

## Menukar Jangka Paparan Imej selepas Tangkapan

**Imej Pegun** Filem




- Tekan butang [MENU], pilih [Image review (Semakan imej)] pada tab [📷1], dan kemudian pilih pilihan yang diingini.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [2 sec. (2 saat)].

| | |
|---|---|
| 2 sec., 4 sec., 8 sec. (2 saat, 4 saat, 8 saat) | Memaparkan imej sehingga masa yang ditentukan. Walaupun tangkapan sedang dipaparkan, anda boleh mengambil gambar yang lain dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah sekali lagi. |
| Hold (Tahan) | Memaparkan imej hingga anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. |
| Off (Mati) | Tiada imej dipaparkan selepas tangkapan. |

- Dengan menekan butang [INFO] sambil imej dipaparkan selepas penangkapan, anda boleh menukar maklumat paparan.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# 3

# Mod Penangkapan Lain

Tangkap secara lebih berkesan dalam pelbagai pemandangan dan ambil gambar dengan kesan imej unik atau dengan menggunakan fungsi khas



## Menangkap dengan Tetapan Kesukaan Anda (Bantuan Kreatif)

Walaupun anda tidak tahu banyak mengenai fotografi, anda boleh memilih daripada pilihan pada skrin yang ditulis dalam bahasa biasa untuk menukar kecerahan, mengaburkan latar belakang dan mengambil gambar yang kesemuanya milik anda. Anda juga boleh menyimpan tetapan kesukaan anda dan memuatkannya kemudian dengan mudah. Tetapan juga boleh digunakan daripada imej yang ditangkap dalam mod [★]. Apabila anda memaparkan imej yang ditangkap dalam mod [★], kamera boleh menunjukkan anda tetapan kamera yang sepadan dengan tetapan mod [★], menjadikannya lebih mudah untuk meningkatkan kepada mod penangkapan Auto Kreatif ([P], [Tv], [Av] atau [M]).
Pilihan berikut boleh diubah.

| | |
|---|---|
| Background (Latar belakang) | Ini membolehkan anda menentukan kekaburan latar belakang. Semakin tinggi nilai ini, semakin kabur latar belakang. Semakin rendah nilai, semakin tajam latar belakang. |
| Brightness (Kecerahan) | Ini membolehkan anda melaraskan kecerahan imej. Semakin tinggi nilai ini, semakin cerah imej. |
| Contrast (Kontras) | Ini membolehkan anda melaraskan kontras. Semakin tinggi nilai ini, semakin kuat perbezaan antara warna terang dan gelap. |
| Saturation (Penepuan) | Ini membolehkan anda menentukan keterangan warna. Semakin tinggi nilai ini, semakin berwarna-warni imej itu; semakin rendah nilai, semakin lembut dan halus. |
| Color tone (Ton warna) | Ini membolehkan anda menentukan ton warna. Nilai yang tinggi menghasilkan warna yang lebih panas, manakala nilai yang lebih rendah membuatkan warna kelihatan lebih sejuk. |
| Monochrome (Monokrom) | Anda boleh memilih daripada lima ton warna dalam Monokrom: [BW B/W (Hitam/Putih)], [S Sepia], [B Blue (Biru)], [P Purple (Ungu)] dan [G Green (Hijau)]. Tetapkan ini kepada [OFF] untuk menangkap dalam warna. Sekiranya ia ditetapkan kepada tetapan selain [OFF], [Saturation (Penepuan)] dan [Color tone (Ton Warna)] tidak tersedia. |


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks



## 1 Masuk ke mod [★].

- Tetapkan dail mod ke [★].




## 2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [SET] dan kemudian tekan butang [▲][▼] untuk memilih pilihan. Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [dail] [dail] untuk menukar pilihan (31).
- Sebaik sahaja semua disediakan, tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin penangkapan.

## 3 Tangkap.

- Apabila menangkap dengan denyar, [Background (Latar belakang)] tidak boleh ditetapkan.

- Laraskan nilai pilihan yang memaparkan [dail] di sebelahnya dalam skrin penangkapan dengan memutarkan dail [dail]. Tekan butang [▲][▼] untuk menggerakkan [dail] dan pilih pilihan untuk dilaraskan.
- Tetapan anda ditetapkan semula apabila kuasa dimatikan, tetapi tetapkan [Keep ★ setting (Simpan tetapan ★)] dalam [📷4] kepada [Enable (Aktif)] untuk menyimpan tetapan anda walaupun selepas mematikan kamera.
- Sentuh [Q] di sebelah kanan bahagian atas skrin untuk menunjukkan tetapan. Anda juga boleh menyentuh pilihan dalam skrin tetapan untuk melaraskannya. Sentuh [↩] untuk kembali ke skrin penangkapan.

# Menyimpan/Memuatkan Tetapan

Anda boleh menyimpan tetapan kesukaan anda dan memuatnya semula kemudian untuk kegunaan berulang kali.

## Menyimpan Tetapan




- Ikuti langkah 1 dan 2 dalam "Menangkap dengan Tetapan Kesukaan Anda (Bantuan Kreatif)" (49) untuk memilih [★] dan menyediakan pilihan keutamaan anda.
- Tekan butang [SET], tekan butang [▲][▼] untuk memilih [★] dan kemudian tekan butang [◀][▶] atau putarkan dail [dail][dail] untuk memilih lokasi bagi menyimpan tetapan anda.
- Anda boleh menyimpan sehingga enam set tetapan.
- Jika anda memilih set yang disimpan sebelum ini, [INFO Compare (INFO Banding)] akan dipaparkan. Dalam mod ini, apabila anda menekan butang [INFO], tetapan yang disimpan sebelum ini akan dipaparkan pada skrin, membolehkan anda membandingkannya dengan tetapan baru anda.
- Tekan butang [SET]; skrin pengesahan akan dipaparkan. Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [dail] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [SET].


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Memuatkan



- Ikuti langkah 1 dalam "Penangkapan dengan Tetapan Kesukaan Anda (Membantu Kreatif)" (📖49) untuk memilih [★].
- Tekan butang [SET], tekan butang [▲][▼] untuk memilih [★] dan kemudian tekan butang [◀][▶] atau putarkan dail [●][●] untuk memilih tetapan yang ingin dimuatkan.
- Tekan butang [SET] untuk menggunakan tetapan yang disimpan.
- Pilih [–] dan tekan butang [SET] untuk kembali tanpa menggunakan apa-apa tetapan.

## Menggunakan Tetapan Skrin

Anda boleh memuatkan tetapan daripada imej yang ditangkap dalam mod [★] dan menggunakannya untuk menangkap gambar anda sendiri.




- Ikuti langkah 1 dalam "Menangkap dengan Tetapan Kesukaan Anda (Bantuan Kreatif)" (📖49) untuk memilih [★].
- Tekan butang [▶] untuk memasuki mod Main balik, dan kemudian pilih imej yang ditangkap dalam [★] untuk dipaparkan.
- Tekan butang [SET], pilih [★] dalam menu dan tekan butang [SET] sekali lagi.
- Tetapan digunakan dan kamera memasuki mod penangkapan.

- Mesej dipaparkan jika anda cuba untuk menggunakan tetapan apabila mod dail ditetapkan kepada apa-apa selain [★]. Kamera tidak kembali ke mod penangkapan. Putarkan mod dail kepada [★] untuk menggunakan tetapan.
- Imej yang ditangkap dalam apa-apa selain mod [★] tidak akan ditunjukkan dalam mod [★].

## Memainkan Balik Imej



- Apabila memaparkan imej yang ditangkap dalam mod [★], tekan butang [INFO] untuk memaparkan skrin yang ditunjukkan di sebelah kiri, membolehkan anda melihat tetapan yang digunakan semasa gambar diambil.

## Tetapan Mod [★] dan Zon Kreatif




| Tetapan mod [★] | Tetapan Auto Kreatif |
|---|---|
| (A) Latar belakang | (a) Nilai apertur (📖83) |
| (B) Kecerahan | (b) Pampasan pendedahan (📖61)<br>Masa denyar adalah (b') Pampasan pendedahan denyar (📖76) |
| (C) Ton warna | (c) Pembetulan WB (📖65) |
| (D) Kontras | (d) Kontras Gaya Gambar (📖68) |
| (E) Penepuan | (e) Penepuan Gaya Gambar (📖68) |
| (F) Monokrom | (f) Kesan penuras dan pengetonan [M] Gaya Gambar (📖68) |


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Pemandangan Tertentu

Pilih mod yang sepadan dengan pemandangan penangkapan dan kamera akan mengkonfigurasi tetapan secara automatik untuk tangkapan optimum.




**1 Masuk ke mod [SCN].**

- Tetapkan dail mod ke [SCN].



**2 Pilih mod penangkapan.**

- Tekan butang [SET], pilih [ ] dalam menu dan kemudian pilih mod penangkapan (📖31).

**3 Tangkap.**



### Menangkap Potret (Potret)

▶ Imej Pegun ▷ Filem

- Ambil gambar orang dengan kesan melembut.



### Menangkap Landskap (Landskap)

▶ Imej Pegun ▷ Filem

- Anda boleh menangkap landskap terbuka luas dengan fokus jarak dekat atau jauh, membolehkan anda menangkap gambar langit yang terang dan pemandangan semula jadi.



### Menangkap Bunga dan Objek Kecil (Jarak dekat)

▶ Imej Pegun ▷ Filem

- Mengambil gambar bunga dan objek lain dari jarak dekat untuk menjadikan mereka kelihatan besar pada gambar anda.
- Untuk menjadikan benda kecil kelihatan lebih besar, gunakan lensa makro (dijual secara berasingan).
- Periksa lensa yang dipasangkan untuk jarak pemfokusan minimum dari subjek. Jarak pemfokusan minimum lensa diukur dari tanda [⊖] (satah fokus) pada bahagian atas kamera hingga subjek.



### Menangkap Subjek Bergerak (Sukan)

▶ Imej Pegun ▷ Filem

- Apabila menggunakan lensa dengan “STM” dalam namanya, kamera akan terus kekal memfokus ketika penangkapan berterusan. Dengan lensa lain, fokus dikunci di posisi/aras yang ditentukan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



### Menangkap Pemandangan Malam tanpa Menggunakan Tripod (Latar Malam Pegangan)

▶ Imej Pegun ▷ Filem

- Tangkapan pemandangan malam yang cantik atau potret dengan pemandangan malam sebagai latar belakang, tanpa perlu memegang kamera tanpa bergerak (seperti menggunakan tripod).
- Imej tunggal dicipta dengan menggabungkan tangkapan berterusan, mengurangkan goncangan kamera dan hingar imej.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

- Subjek kelihatan lebih besar dalam mod [ ] berbanding dengan mod lain.
- Dalam mod [ ] dan [ ], tangkapan mungkin kelihatan berbintik kerana kelajuan ISO (62) ditingkatkan untuk disesuaikan dengan keadaan penangkapan.
- Kerana kamera akan menangkap secara berterusan dalam mod [ ], pegang kamera dengan seimbang ketika menangkap.
- Dalam mod [ ], kekaburan pergerakan yang berlebihan atau keadaan penangkapan tertentu mungkin menghalang anda daripada memperoleh kesan yang diinginkan.

- Apabila anda menggunakan tripod untuk pemandangan malam, menangkap dalam mod [ ] dan bukan mod [ ] akan memberikan kesan yang lebih baik (35).

## Mengambil Gambar Makanan yang Terang (Makanan)

▶ Imej Pegun ▷ Filem

Sebarang hidangan boleh kelihatan seperti kelazatan yang cerah dan berwarna-warni.

**1 Pilih [ ].**

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam "Pemandangan Tertentu" (51) dan pilih [ ].



**2 Tukar ton warna.**

- Putar dail [ ] untuk menukar ton warna.

**3 Tangkap.**

- Mod ini boleh menghasilkan ton warna yang tidak sesuai untuk subjek manusia.
- Jika anda menggunakan denyar, tetapan Ton akan bertukar kepada standard.

# Kesan Imej (Penuras Kreatif)

Tambah pelbagai kesan pada imej apabila menangkap.



**1 Masuk ke mod [ ].**

- Tetapkan dail mod ke [ ].




**2 Pilih mod penangkapan.**

- Tekan butang [ ], pilih [HDR] dalam menu dan kemudian pilih mod penangkapan (31).

**3 Tangkap.**

## Menangkap Pemandangan Berkontras Tinggi (Julat Dinamik Tinggi)

▶ **Imej Pegun** ▶ Filem

Setiap kali anda menangkap, tiga imej berterusan ditangkap pada aras kecerahan berbeza dan kamera menggabungkan kawasan kecerahan optimum imej untuk mencipta imej tunggal. Mod ini boleh mengurangkan bahagian terang pudar dan kehilangan butiran dalam bayangan yang selalu berlaku dalam tangkapan berkontras tinggi.

**1 Pilih [HDR].**

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (52) dan pilih [HDR].



**2 Tangkap.**

- Pegang kamera dengan mantap semasa anda menangkap. Apabila anda menekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah, kamera akan menangkap tiga gambar dan menggabungkannya.

- Kekaburan pergerakan berlebihan atau keadaan penangkapan tertentu mungkin menghalang anda daripada memperoleh kesan diinginkan.

- Jika goncangan kamera berlebihan dan mengganggu penangkapan, pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera tetap stabil. Selain itu, anda harus mematikan penstabilan imej apabila menggunakan tripod atau langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (78).
- Sebarang pergerakan subjek akan menyebabkan imej kabur.
- Tangguhan akan berlaku sebelum anda boleh menangkap sekali lagi, kerana kamera akan memproses dan menggabungkan imej.

## Menambah Kesan Seni



- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (52) dan pilih [HDR].
- Putar dail [dail] untuk memilih aras kesan.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda apabila menggunakan kesan tersebut.

| | |
|---|---|
| Natural (Semula jadi) | Imej berwarna semula jadi dan organik. |
| Art Standard (Standard Seni) | Imej seperti lukisan dengan kurang kontras. |
| Art Vivid (Vivid Seni) | Imej seperti ilustrasi warna terang. |
| Art Bold (Nyata Seni) | Imej seperti cat minyak dengan pinggir tebal. |
| Art Embossed (Timbul Seni) | Imej seperti foto lama dengan pinggir tebal dan suasana gelap. |


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Menangkap dengan Kesan Lensa Mata Ikan (Kesan Mata Ikan)

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Tangkap dengan kesan herot lensa mata ikan.



**1 Pilih [ ].**

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (52) dan pilih [ ].

**2 Pilih aras kesan.**

- Putar dail [ ] untuk memilih aras kesan.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda apabila menggunakan kesan tersebut.

**3 Tangkap.**

> - Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.

## Menangkap Foto seperti Lukisan Cat Minyak (Kesan Seni Tebal)

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Menekankan bentuk tiga dimensi subjek untuk kesan seperti cat minyak.

**1 Pilih [ ].**

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (52) dan pilih [ ].



**2 Pilih aras kesan.**

- Putar dail [ ] untuk memilih aras kesan.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda apabila menggunakan kesan tersebut.

**3 Tangkap.**

## Menangkap Foto seperti Cat Air (Kesan Lukisan Cat Air)

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Anda boleh menangkap gambar dengan kesan cat air yang ringan dan lembut.

**1 Pilih [ ].**

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (52) dan pilih [ ].



**2 Pilih aras kesan.**

- Putar dail [ ] untuk memilih aras kesan.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda apabila menggunakan kesan tersebut.

**3 Tangkap.**

## Tangkapan seperti Model Miniatur (Kesan Miniatur)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Mencipta kesan model miniatur dengan mengaburkan kawasan imej di atas dan bawah kawasan pilihan anda.
Anda boleh juga membuat filem seperti pemandangan dari model miniatur dengan memilih kelajuan main balik sebelum filem dirakam. Orang dan objek dalam pemandangan ini akan bergerak dengan cepat semasa main balik. Sila ambil perhatian bahawa bunyi tidak dirakam.



**1 Pilih [ ].**

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (□52) dan pilih [ ].
- Bingkai putih dipaparkan, menunjukkan kawasan imej yang tidak akan dikaburkan.

**2 Pilih kawasan untuk dikekal dalam fokus.**

- Tekan butang [▲].
- Tekan butang [INFO.] untuk menukar saiz bingkai dan tekan butang [▲][▼] atau putarkan dail [ ] untuk menggerakkannya.

**3 Bagi filem, pilih kelajuan main balik filem.**

- Putar dail [ ] untuk memilih kelajuan.

**4 Kembali ke skrin penangkapan dan tangkap.**

- Tekan butang [SET] untuk kembali ke skrin penangkapan dan kemudian tangkap.

## Kelajuan Main Balik dan Anggaran Masa Main Balik (untuk Klip Satu Minit)

| Kelajuan | Masa Main balik |
|---|---|
| 5x | Kira-kira 12 saat |
| 10x | Kira-kira 6 saat |
| 20x | Kira-kira 3 saat |

- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.

- Untuk menukar orientasi bingkai kepada orientasi menegak, tekan butang [◀][▶] dalam langkah 2. Untuk menggerakkan bingkai, tekan butang [◀][▶] sekali lagi. Untuk mengembalikan bingkai kepada orientasi mendatar, tekan butang [▲][▼].
- Memegang kamera dengan menegak akan menukar orientasi bingkai.
- Kualiti filem bergantung pada format video (□139) dan nisbah bidang imej pegun (□45).
- Jika sistem video ditetapkan kepada [NTSC], kualiti adalah [HD 29.97P] untuk nisbah bidang [16:9] dan [VGA 29.97P] untuk nisbah bidang [4:3].
- Jika sistem video ditetapkan kepada [PAL], kualiti adalah [HD 25.00P] untuk nisbah bidang [16:9] dan [VGA 25.00P] untuk nisbah bidang [4:3].

- Anda juga boleh menggerakkan bingkai dengan menyentuh atau menyeret merentasi skrin.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Menangkap dengan Kesan Kamera Mainan (Kesan Kamera Mainan)

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Kesan ini menjadikan imej seperti tangkapan daripada kamera mainan dengan mengaburkan tepi (sudut imej kabur, lebih gelap) dan menukar warna keseluruhan.



**1 Pilih [ ].**

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam "Kesan Imej (Penuras Kreatif)" (52) dan pilih [ ].

**2 Pilih ton warna.**

- Putar dail [ ] untuk memilih ton warna.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda apabila menggunakan kesan tersebut.

**3 Tangkap.**

| | |
|---|---|
| Standard | Tangkapan seperti imej daripada kamera mainan. |
| Warm (Panas) | Imej mempunyai ton lebih panas daripada [Standard]. |
| Cool (Sejuk) | Imej mempunyai ton lebih sejuk daripada [Standard]. |

- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.

## Menangkap dengan Kesan Fokus Lembut

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Fungsi ini membenarkan anda menangkap imej seolah-olah penuras fokus lembut dipasang pada kamera. Anda boleh melaras aras kesan seperti yang diinginkan.



**1 Pilih [ ].**

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam "Kesan Imej (Penuras Kreatif)" (52) dan pilih [ ].

**2 Pilih aras kesan.**

- Putar dail [ ] untuk memilih aras kesan.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda apabila menggunakan kesan tersebut.

**3 Tangkap.**

- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Menangkap dalam Monokrom (Hitam/Putih Berbintik)

▶ Imej Pegun ▷ Filem

Anda boleh mengambil gambar dengan suasana monokrom kasar.



**1 Pilih [ ].**

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam "Kesan Imej (Penuras Kreatif)" (52) dan pilih [ ].

**2 Pilih aras kesan.**

- Putar dail [ ] untuk memilih aras kesan.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda apabila menggunakan kesan tersebut.

**3 Tangkap.**

# Merakam Filem dalam Mod Filem

▷ Imej Pegun ▶ Filem



**1 Masuk ke mod [ ].**

- Tetapkan dail mod ke [ ].
- Memaparkan bar hitam di hujung atas dan bawah skrin. Bar hitam menunjukkan kawasan imej yang tidak dirakam.
- Tekan butang [ ], pilih [ ] dalam menu dan kemudian pilih [ ] (31).

**2 Konfigurasikan tetapan untuk menyesuaikan filem (177).**

**3 Tangkap.**

- Tekan butang filem.
- Untuk menamatkan rakaman filem, tekan butang filem sekali lagi.

- Jika menggunakan lensa yang menyokong IS Dinamik (78), memilih mod [ ] akan melaraskan julat yang dipaparkan pada skrin untuk membuatkan subjek lebih besar.

- Sentuh butang [AF] sebelum atau semasa merakam untuk menunjukkan ikon [MF] dan menggunakan posisi fokus tetap.
- Sentuh [ SERVO AF] pada skrin sebelum atau semasa merakam untuk menukar antara kedudukan fokus automatik atau tetap semasa merakam. ([ ] pada sudut sebelah kiri bahagian atas ikon [ SERVO AF] bertukar hijau apabila menggunakan pelarasan kedudukan fokus automatik.) Ini tidak akan dipaparkan apabila [Movie Servo AF (AF Servo Filem)] (39) ditetapkan kepada [Disable (Lumpuh)] pada tab [ 5] dalam menu.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Menangkap Imej Pegun semasa Rakaman Filem

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Tangkap imej pegun semasa filem dirakam seperti berikut.



**1 Semasa merakam filem, fokus pada subjek.**

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk melaraskan fokus dan pendedahan. (Kamera tidak akan berbunyi bip.)
- Rakaman filem akan bersambung.

**2 Tangkap.**

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.
- Tangkapan anda akan dirakam.

> - Menangkap imej pegun semasa merakam filem mungkin tidak berfungsi apabila kelajuan kad memori perlahan atau apabila tiada ruang kosong yang mencukupi pada kad memori.
> - Bunyi pengatup akan terdengar dalam filem.
> - Bingkai AF jingga dipaparkan dengan [!] jika kamera tidak boleh memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Tiada gambar diambil, walaupun jika anda menekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.
> - Denyar tidak menyala.
> - Rakaman filem mungkin akan berhenti jika penangkapan imej pegun memenuhi memori dalaman.

> - Dalam menu (32), tetapkan [AF w/ shutter button during 🎥 (AF dengan butang pengatup semasa 🎥)] pada tab [📷5] kepada [Disable (Lumpuh)] untuk mematikan pemfokusan apabila butang pengatup ditekan separuh apabila merakam filem.
> - Dalam mod [FHD 29.97P], [FHD 23.98P], [HD 59.94P], [FHD 25.00P] dan [HD 50.00P] (nisbah bidang 16:9), foto pegun akan disimpan dalam nisbah bidang [16:9].
> - Dalam mod [VGA 29.97P] dan [VGA 25.00P] (nisbah bidang 4:3), foto pegun akan disimpan dalam nisbah bidang [4:3].

## Mengunci atau Menukar Kecerahan Imej

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Sebelum atau semasa merakam, anda boleh mengunci pendedahan atau menukarkannya dalam kenaikan hentian 1/3 antara julat -3 hingga +3.



- Tekan butang [*] untuk kunci pendedahan. Untuk membuka kunci pendedahan, tekan butang [*] sekali lagi.
- Putar dail pampasan pendedahan untuk melaraskan kecerahan sambil anda melihat skrin.

> - Anda boleh juga kunci dan buka pendedahan dengan menyentuh [*] pada skrin.
> - Semasa merakam, sentuh bar pampasan pendedahan di bahagian bawah skrin dan kemudian sentuh butang [◀][▶] untuk menukar pendedahan.
> - Pendedahan yang dilaraskan dengan menukar pembetulan pendedahan menggunakan skrin sentuh tidak akan menyediakan tetapan pembetulan pendedahan yang sama seperti semasa menggunakan dail pampasan pendedahan. Lihat skrin untuk mengesahkan pendedahan.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Tetapan Bunyi

▶ Imej Pegun ▶ Filem

## Melaraskan Volum Rakaman

Dalam [Auto], walaupun tahap rakaman (volum) dilaraskan secara automatik, anda boleh menetapkan tahap secara manual supaya sesuai dengan pemandangan tangkapan.




**1 Akses skrin [Sound recording (Rakaman bunyi)].**

- Tekan butang [MENU], pilih [Sound recording (Rakaman bunyi)] pada tab [📷5] dan tekan butang [SET] (📖32).

**2 Konfigurasikan tetapan.**

- Pilih [Sound recording (Rakaman bunyi)] dan tekan butang [SET]. Dalam skrin seterusnya, tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉] untuk memilih [Manual] dan kemudian tekan butang [SET].
- Tekan butang [▼] untuk memilih [Rec. level (Tahap rakaman)]. Tekan butang [SET]. Dalam skrin seterusnya, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◉] untuk menentukan tahap dan kemudian tekan butang [SET].
- Untuk memulih tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [Auto].

## Mematikan Tapisan Angin

Bunyi dihasilkan dari angin kuat boleh dikurangkan. Walau bagaimanapun, rakaman mungkin kedengaran luar biasa jika menggunakan pilihan ini apabila tiada angin. Anda boleh mematikan tapisan angin bagi keadaan ini.




- Ikuti langkah 1 dalam "Melaraskan Volum Rakaman" (📖59) untuk memaparkan skrin [Sound recording (Rakaman bunyi)].
- Pilih [Wind filter/Attenuator (Tapisan angin/Pengecil)] dan tekan butang [SET].
- Pilih [Wind Filter (Tapisan angin)] dan kemudian [Off (Mati)].

## Menggunakan Pengecil

Pengecil boleh membantu mengurangkan keratan bunyi dalam persekitaran yang bising. Walau bagaimanapun, ini mengurangkan volum rakaman bagi tangkapan pemandangan dalam persekitaran yang lebih senyap.




- Ikuti langkah 1 dalam "Melaraskan Volum Rakaman" (📖59) untuk memaparkan skrin [Sound recording (Rakaman bunyi)].
- Pilih [Wind filter/Attenuator (Tapisan angin/Pengecil)] dan tekan butang [SET].
- Pilih [Attenuator (Pengecil)], dan kemudian pilih [On (Hidup)].


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# 4

## Mod P

Tangkapan yang lebih bijak dalam gaya penangkapan kesukaan anda



- Arahan dalam bab ini adalah untuk kamera ini dengan dail mod ditetapkan kepada mod [P].
- [P]: AE Program; AE: Pendedahan Automatik
- Sebelum menggunakan fungsi yang diperkenalkan dalam bab ini dalam mod selain daripada [P], pastikan fungsi itu tersedia dalam mod tersebut (□177).

## Menangkap dalam AE Program (Mod [P])

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menyesuaikan pelbagai tetapan fungsi mengikut gaya penangkapan kesukaan anda.



**1 Masuk ke mod [P].**

- Tetapkan dail mod ke [P].

**2 Sesuaikan tetapan seperti yang diinginkan (□61 – □81) dan kemudian tangkap.**

- Jika pendedahan standard tidak diperoleh apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kelajuan pengatup dan nilai apertur dipaparkan dalam warna jingga. Dalam keadaan ini, cuba melaraskan kelajuan ISO (□62) atau mengaktifkan denyar (jika subjek gelap, □75), yang mungkin mengaktifkan pendedahan standard.
- Filem juga boleh dirakam dalam mod [P] dengan menekan butang filem. Walau bagaimanapun, sesetengah tetapan menu (□31, □32) mungkin dilaraskan secara automatik untuk rakaman filem.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Melaraskan Fungsi Penangkapan dari Skrin Tunggal

Skrin Kawalan Cepat INFO. membolehkan anda menyesuaikan pilihan dengan cepat menggunakan satu skrin fungsi.




**1 Akses skrin Kawalan Cepat INFO.**

- Tekan butang [INFO.] berulang kali untuk memaparkan skrin Kawalan Cepat INFO.

**2 Pilih fungsi untuk dilaraskan.**

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih fungsi dan paparkan penerangan.
- Anda juga boleh putarkan dail [ ][ ] untuk mengakses fungsi.

> - Fungsi yang boleh dilaraskan berbeza bergantung pada mod penangkapan.

> - Sesetengah fungsi membuka satu lagi skrin pilihan apabila anda memilihnya dan menekan butang [ ]. Pilihan yang dilabelkan dengan ikon [INFO.] dalam skrin kedua boleh dikonfigurasi dengan menekan butang [INFO.]. Tekan butang [ ] untuk kembali ke skrin Kawalan Cepat INFO.

> - Sentuh fungsi dalam skrin Kawalan Cepat INFO., dan kemudian sentuhnya semula untuk memasuki skrin pelarasan untuk fungsi tersebut. Sentuh [ ] untuk kembali ke skrin sebelumnya.
> - Sentuh [ ] di sebelah kanan bahagian atas penerangan fungsi untuk menutup paparan penerangan.

# Kecerahan Imej (Pendedahan)

## Melaraskan Kecerahan Imej (Pampasan Pendedahan)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Pendedahan standard ditetapkan oleh kamera boleh dilaraskan dalam kenaikan hentian 1/3, dalam julat -3 hingga +3.



- Sambil anda melihat skrin, putar dail pampasan pendedahan untuk melaras kecerahan.

## Mengunci Kecerahan / Pendedahan Imej (Kunci AE)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Sebelum menangkap, anda boleh mengunci pendedahan atau anda boleh menentukan fokus dan pendedahan secara berasingan.



**1 Kunci pendedahan.**

- Halakan kamera ke arah subjek untuk menangkap dengan pendedahan dikunci dan kemudian tekan butang [✱].
- [✱] dipaparkan dan pendedahan dikunci.
- Tekan butang [✱] sekali lagi untuk membatalkan dan membuang ikon [✱].

**2 Gubah tangkapan dan tangkap.**

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

- AE: Pendedahan Automatik
- Selepas pendedahan dikunci, anda boleh melaraskan gabungan kelajuan pengatup dan nilai apertur dengan memutar dail [ ] (Anjakan Program).

## Menukar Kaedah Pemeteran

**▶ Imej Pegun** ▷ Filem

Laraskan kaedah pemeteran (cara kecerahan diukur) supaya serasi dengan keadaan penangkapan seperti berikut.



- Tekan butang [SET], pilih [ ] dalam menu dan pilih pilihan yang diingini (31).
- Pilihan yang anda konfigurasikan kini dipaparkan.

| | |
|---|---|
| Penilaian | Untuk keadaan penangkapan yang biasa termasuk tangkapan cahaya belakang. Pendedahan standard dilaraskan secara automatik supaya sepadan dengan keadaan penangkapan. |
| Pemeteran separa | Berkesan apabila latar belakang jauh lebih cerah daripada subjek disebabkan oleh cahaya belakang dan lain-lain. Pemeteran adalah terhad dalam bingkai bulatan (bingkai Spot Titik AE) yang dipaparkan di pusat skrin. |
| Spot | Untuk pemeteran tempat tertentu subjek atau pemandangan. Pemeteran terhad dalam bingkai bulatan (bingkai Spot Titik AE), dipaparkan di pusat skrin. |
| Pusat-rata tertimbang | Menentukan purata kecerahan cahaya bagi keseluruhan kawasan imej, diukur dengan mengutamakan kecerahan kawasan pusat. |

- Dalam mod [ ], pendedahan dikunci apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Dalam mod [ ] [ ] [ ], pendedahan tidak dikunci apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan tidak ditentukan sehingga saat anda menangkap gambar.
- Ini boleh juga dilaraskan dengan memilih [Metering mode (Mod pemeteran)] pada tab [ 3] menu tersebut (32).

## Menukar Kelajuan ISO

**▶ Imej Pegun** ▷ Filem



- Tekan butang [▲], putar dail [ ] untuk memilih kelajuan ISO dan kemudian tekan butang [SET].
- Pilihan yang anda konfigurasikan kini dipaparkan.

| | |
|---|---|
| AUTO | Melaraskan kelajuan ISO secara automatik supaya serasi dengan keadaan dan mod penangkapan. |
| 100, 125, 160, 200 | Bagi menangkap di luar dalam cuaca yang baik. |
| 250, 320, 400, 500, 640, 800 | Bagi menangkap dalam keadaan mendung atau di waktu senja. |
| 1000, 1250, 1600, 2000, 2500, 3200, 4000, 5000, 6400, 8000, 10000, 12800 | Bagi menangkap dalam pemandangan malam atau dalam bilik gelap. |

Sensitiviti penangkapan meningkat apabila kelajuan ISO meningkat. Semakin rendah kelajuan, semakin rendah sensitiviti.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

- Untuk melihat kelajuan ISO yang ditentukan secara automatik apabila anda telah menetapkan kelajuan ISO kepada [AUTO], tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Walaupun memilih kelajuan ISO yang lebih rendah mungkin mengurangkan bintik imej, ia mungkin meningkatkan risiko goncangan subjek dan kamera dalam sesetengah keadaan penangkapan.
- Memilih kelajuan ISO yang lebih tinggi akan meningkatkan kelajuan pengatup yang mungkin mengurangkan goncangan subjek dan kamera serta menaikkan julat denyar. Walau bagaimanapun, tangkapan mungkin kelihatan berbintik.
- Ini boleh juga dilaraskan jika anda pergi ke [ISO speed (Kelajuan ISO)] pada tab [3] menu (32) dan memilih [ISO speed (Kelajuan ISO)].
- Jika anda ingin memilih kelajuan sehingga [H] (bersamaan dengan ISO 25600), pergi ke menu (32), pilih [C.Fn I:Exposure (Pendedahan)] dari tab [1] dan tetapkan [ISO expansion (Tambahan ISO)] kepada [1:On (Hidup)] (88).

## Melaraskan Tetapan Auto ISO

▶ Imej Pegun ▷ Filem

Anda boleh memilih kelajuan ISO maksimum yang digunakan apabila kelajuan ISO ditetapkan kepada [AUTO].

**1 Akses skrin tetapan.**

- Tekan butang [MENU], pilih [ISO speed (Kelajuan ISO)] pada tab [3], dan tekan butang [SET] (32).




**2 Konfigurasikan tetapan.**

- Pilih [ISO Auto (Auto ISO)] dan kemudian pilih pilihan (32).

## Braketing Pendedahan Auto (Penangkapan AEB)

▶ Imej Pegun ▷ Filem

Tiga imej berturutan ditangkap pada tahap pendedahan berbeza (pendedahan standard, kurang pendedahan dan kemudian lebih pendedahan) setiap kali anda menangkap. Anda boleh melaraskan jumlah lebih pendedahan dan kurang pendedahan (berbanding dengan pendedahan standard) daripada hentian –2 hingga +2 dalam kenaikan hentian 1/3.

**1 Akses skrin tetapan.**

- Tekan butang [MENU], pilih [AEB] pada tab [3] dan kemudian tekan butang [SET] (32).




**2 Konfigurasikan tetapan.**

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [] untuk melaraskan nilai.
- Untuk membatalkan fungsi AEB, ikuti langkah 1 – 2 bagi menetapkan nilai pembetulan AEB kepada 0.

- AEB tidak boleh digunakan apabila denyar tidak ditetapkan kepada [], Pengurangan Hingar Tangkapan Berbilang dihidupkan (80), atau apabila penangkapan berterusan atau mentol adalah aktif.

- Jika pampasan pendedahan sedang digunakan (61), nilai yang ditentukan untuk fungsi itu dianggap sebagai tahap pendedahan standard bagi fungsi ini. Dalam langkah 2, anda boleh memutar dail pampasan pendedahan pada skrin untuk melaraskan pembetulan.

## Pembetulan Auto Kecerahan dan Kontras (Pengoptimum Pencahayaan Auto)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Jika hasil imej adalah gelap atau kontras adalah rendah, kecerahan dan kontras boleh dibetulkan secara automatik.




- Tekan butang [SET], pilih [ ] dalam menu dan pilih pilihan yang diingini (31).

- Bergantung pada keadaan penangkapan, hingar mungkin bertambah.
- Apabila kesan Pengoptimum Pencahayaan Auto terlalu kuat dan imej menjadi terlalu terang, tetapkannya kepada [Low (Rendah)] atau [Disable (Lumpuh)].
- Jika tetapan selain daripada [Disable (Lumpuh)] ditetapkan dan anda menggunakan pampasan pendedahan atau pampasan pendedahan denyar untuk menggelapkan pendedahan, hasil imej mungkin masih terang atau kesan pampasan pendedahan berasaskan AEB mungkin dikurangkan. Jika anda inginkan pendedahan yang lebih gelap, tetapkan fungsi ini kepada [Disable (Lumpuh)].

- Pengoptimum Pencahayaan Auto juga boleh ditetapkan dengan pilihan [Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)] pada tab [ 3] menu (32).

## Penangkapan Subjek Cerah (Keutamaan Ton Sorotan)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Kamera boleh memperbaik pemeringkatan pada spektrum kecerahan tinggi untuk mengurangkan warna putih potongan pada subjek.




- Tekan butang [MENU], pilih [Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)] pada tab [ 3], dan pilih [D+] (32).

- Menetapkan ini kepada [D+] menjadikan kelajuan ISO yang kurang daripada 160 tidak tersedia. Pengoptimum Pencahayaan Auto juga akan ditetapkan kepada [Disable (Lumpuh)].

# Warna Imej

## Melaraskan White Balance

▶ **Imej Pegun** ▶ **Filem**

Dengan melaraskan white balance (WB), anda boleh menjadikan warna imej kelihatan lebih semula jadi bagi pemandangan yang sedang anda tangkap.



- Tekan butang [㊎], pilih [AWB] dalam menu dan pilih pilihan yang diingini (📖31).
- Pilihan yang anda konfigurasikan kini dipaparkan.

| | | |
|---|---|---|
| AWB | Auto | Tetapkan white balance optimum secara automatik untuk keadaan penangkapan. |
| | Cahaya siang | Bagi menangkap di luar dalam cuaca yang baik. |
| | Teduhan | Bagi menangkap dalam keadaan teduh. |
| | Mendung | Bagi menangkap dalam cuaca mendung atau di waktu senja. |
| | Lampu Tungsten | Tungsten |
| | Lampu pendarfluor putih | Bagi menangkap di bawah pencahayaan pendarfluor putih. |
| | Denyar | Bagi menangkap dengan denyar. |
| | Tersuai | Bagi menetapkan white balance tersuai secara manual. |

## White Balance Tersuai

Untuk warna imej yang kelihatan semula jadi di bawah pencahayaan dalam tangkapan anda, laraskan white balance supaya serasi dengan sumber cahaya di tempat anda sedang menangkap. Tetapkan white balance di bawah sumber cahaya sama yang akan menerangi tangkapan anda.

### 1 Tangkap objek berwarna putih.

- Penuhi skrin monitor LCD dengan sehelai kertas putih dan lain-lain.
- Fokus secara manual dan tangkap (📖74).




### 2 Pilih [Custom White Balance (White Balance Tersuai)].

- Pada tab [📷4], pilih [Custom White Balance (White Balance Tersuai)] dan kemudian tekan butang [㊎].
- Skrin pemilihan white balance tersuai akan muncul.




### 3 Muatkan data putih.

- Pilih imej yang ditangkap dalam langkah 1 dan kemudian tekan [㊎].
- Dalam skrin pengesahan, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◉] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [㊎].
- Tekan butang [MENU] untuk menutup menu.



### 4 Pilih [⛾].

- Ikuti langkah dalam “Melaraskan White Balance” (📖65) untuk memilih [⛾].

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

- Jika pendedahan yang diperolehi dalam langkah 1 terlalu terang atau gelap, white balance yang betul mungkin tidak dapat diperolehi.
- Data putih boleh diperolehi dengan menangkap subjek berwarna putih, tanpa mengambil kira tetapan white balance semasa.
- Mesej akan muncul jika imej yang digunakan dalam langkah 3 tidak sesuai untuk memuatkan data putih. Pilih [Cancel (Batal)] untuk memilih imej yang lain. Pilih [OK], dan imej yang dipilih akan digunakan untuk memuatkan data putih, tetapi ini mungkin tidak menghasilkan white balance yang sesuai.
- Jika anda melihat mesej [Unselectable image. (Imej tidak boleh dipilih)] dalam langkah 3, pilih [OK] untuk menutup mesej dan pilih imej yang lain.
- Jika anda melihat mesej [Set WB to “ ” (Tetapkan WB kepada “ ”)] dalam langkah 3, tekan butang [ ] untuk kembali ke skrin menu dan kemudian pilih [ ].

- Sebagai ganti objek putih, carta kelabu atau pemantul kelabu 18% (boleh didapati secara komersil) boleh menghasilkan white balance yang lebih tepat.
- Tetapan white balance semasa tidak penting apabila anda menangkap imej dalam langkah 1.

## Membetulkan White Balance secara Manual

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh membetulkan white balance secara manual. Pelarasan ini boleh sepadan dengan kesan menggunakan penuras penukaran suhu warna atau penuras pampasan warna yang boleh didapati secara komersil.



**1 Konfigurasikan tetapan.**

- Ikuti langkah dalam “Melaraskan White Balance” (65) untuk memilih pilihan white balance.
- Putar dail [ ] untuk melaraskan aras pembetulan antara B dan A.



**2 Konfigurasikan tetapan lanjutan.**

- Untuk mengkonfigurasi tetapan yang lebih lanjut, tekan butang [INFO.] dan laraskan aras pembetulan dengan memutarkan dail [ ][ ].
- Untuk menetapkan semula aras pembetulan, tekan butang [ ].
- Tekan butang [ ] untuk melengkapkan tetapan.

- Sebaik sahaja anda menetapkan nilai pembetulan, ia akan dikekalkan walaupun selepas menukarkan nilai white balance dalam langkah 1.

- B: biru; A: ambar; M: magenta; G: hijau
- Satu aras pembetulan biru/ambar adalah bersamaan dengan kira-kira 7 mired pada penuras penukaran suhu warna. (Mired: Unit suhu warna yang mewakili ketumpatan penuras penukaran suhu warna)
- Ini juga boleh dilaraskan dengan memasuki menu (32) dan memilih [WB Correction (Pembetulan WB)] pada tab [ 4].

- Anda juga boleh memilih aras pembetulan dengan menyentuh atau menyeret bar dalam langkah 1 atau bingkai dalam langkah 2.
- Anda juga boleh mengakses skrin dalam langkah 2 dengan menyentuh [INFO.] dalam langkah 1.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Menggunakan Warna Kesukaan Anda (Gaya Gambar)

▶ **Imej Pegun** ▶ **Filem**

Gaya Gambar membolehkan anda menggunakan rona warna pilihan anda dalam keadaan gambar dan subjek yang ditentukan. Terdapat 6 jenis Gaya Gambar dan kesemuanya boleh dilaraskan sepenuhnya.



- Tekan butang [SET], pilih [A] dalam menu dan pilih pilihan yang diingini (📖31).

| | |
|---|---|
| Auto | Ton warna akan dilaraskan secara automatik supaya sesuai dengan pemandangan. Warna akan kelihatan terang, terutamanya untuk langit biru, tumbuh-tumbuhan dan pemandangan matahari terbenam dalam alam semula jadi serta pemandangan luar. |
| Standard | Imej kelihatan terang, tajam, dan jelas. Sesuai untuk kebanyakan pemandangan. |
| Potret | Untuk warna kulit yang halus. Imej kelihatan lebih lembut. Sesuai untuk potret jarak dekat. Tukar [Color tone (Ton warna)] untuk melaraskan warna kulit (📖68). |
| Landskap | Untuk warna biru dan hijau yang terang, serta imej yang sangat tajam dan jelas. Berkesan untuk landskap yang menarik. |
| Neutral | Untuk imej yang akan diproses oleh komputer kemudian. Ton warna semula jadi dan kelihatan lembut. |
| Setia | Untuk imej yang akan diproses oleh komputer kemudian. Apabila subjek ditangkap di bawah suhu warna 5200K, warna dilaraskan secara kolorimetri supaya sepadan dengan warna subjek. Warna yang terang dihadkan untuk rupa yang lembut. |
| Monokrom | Mencipta imej hitam dan putih. |
| Tentuan Pengguna | Anda boleh menambah gaya asas seperti [Portrait (Potret)] atau [Landscape (Landskap)], fail Gaya Gambar dan lain-lain, serta laraskannya seperti yang diingini (📖67). |

- Jika tiada Gaya Gambar ditambah kepada [1], [2] atau [3], tetapan ini akan menjadi sama dengan tetapan lalai [Auto].
- Ini juga boleh dilaraskan dengan pergi ke menu (📖32) dan memilih [Picture Style (Gaya Gambar)] pada tab [📷4].


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Melaraskan Gaya Gambar

Tetapan berikut boleh dilaraskan untuk setiap Gaya Gambar.

| | |
|---|---|
| Ketajaman | Melaraskan ketajaman subjek. Nilai yang lebih rendah menghasilkan kesan yang lebih lembut (lebih kabur); nilai yang lebih tinggi menghasilkan keputusan yang lebih tajam. |
| Kontras | Melaraskan kontras. Nilai yang lebih rendah menghasilkan kontras yang lemah; nilai yang lebih tinggi menghasilkan kontras yang lebih kuat. |
| Penepuan*1 | Melaraskan penepuan warna dalam imej. Nilai yang lebih rendah menghasilkan warna yang lebih cetek; nilai yang lebih tinggi menghasilkan warna yang lebih dalam. |
| Ton warna*1 | Melaraskan ton warna kulit. Nilai yang lebih rendah menghasilkan warna kemerahan; nilai yang lebih tinggi menghasilkan warna yang lebih kekuningan. |
| Kesan penapis*2 | Menekankan awan putih dalam imej monokrom, atau hijau pokok.<br>N: Imej hitam dan putih normal tanpa kesan penapis.<br>Ye: Langit biru akan kelihatan lebih semula jadi dan awan putih akan kelihatan lebih jelas.<br>Or: Awan biru akan kelihatan sedikit gelap. Matahari terbenam akan kelihatan lebih berseri.<br>R: Awan biru akan kelihatan agak gelap. Daun musim luruh akan kelihatan lebih jelas dan cerah.<br>G: Warna kulit dan bibir akan kelihatan lembut. Daun pokok yang hijau akan kelihatan lebih jelas dan cerah. |
| Kesan pengetonan*2 | Warna monokrom berikut boleh dipilih: [N:None (Tiada)], [S:Sepia], [B:Blue (Biru)], [P:Purple (Ungu)] atau [G:Green (Hijau)]. |

*1 Tidak tersedia dalam mod [].
*2 Hanya tersedia dalam mod [].




### 1 Akses skrin tetapan.

- Ikuti langkah dalam “Menggunakan Warna Kesukaan Anda (Gaya Gambar)” (67) untuk memilih Gaya Gambar yang anda ingini.
- Tekan butang [INFO].

### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih item; kemudian, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [][] untuk memilih pilihan.
- Tekan butang [INFO] untuk membatalkan apa-apa perubahan.
- Apabila selesai, tekan butang [].

- Tekan butang [INFO] dalam langkah 2 untuk mengembalikan Gaya Gambar kepada tetapan lalainya.
- Meningkatkan [Contrast (Kontras)] akan menjadikan [Filter effect (Kesan penapis)] lebih ketara.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Menyimpan Gaya Gambar Tersuai

Gaya asas seperti [P] dan [L] boleh dilaraskan mengikut kesukaan anda dan disimpan untuk kemudian. Anda boleh menyimpan berbilang Gaya Gambar dengan tetapan yang berbeza untuk parameter seperti ketajaman dan kontras.




**1 Pilih Gaya Gambar untuk disimpan.**

- Ikuti langkah dalam “Menggunakan Warna Kesukaan Anda (Gaya Gambar)” (📖67) untuk memilih [1], [2] atau [3].




**2 Pilih Gaya Gambar asas.**

- Tekan butang [INFO].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⚙][⚙] untuk memilih Gaya Gambar yang akan berfungsi sebagai asas.

**3 Laraskan gaya.**

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih item yang hendak dilaraskan; kemudian, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⚙][⚙] untuk melaraskan item.
- Apabila selesai, tekan butang [SET].

- Dalam langkah 2, anda juga boleh memilih gaya yang ditambah kepada kamera menggunakan perisian EOS Utility (📖158).

# Julat Penangkapan dan Pemfokusan

## Memilih Kaedah AF

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menukar kaedah AF (autofokus) untuk digunakan mengikut keperluan pemandangan dan subjek anda.




- Tekan butang [SET], pilih [AF□] dalam menu dan pilih pilihan yang diingini (📖32).

- Apabila subjek adalah gelap atau tidak mempunyai kontras, dalam keadaan yang sangat cerah, atau dengan sesetengah lensa EF dan EF-S, ia mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk mencapai fokus, atau fokus yang betul tidak boleh dicapai. Untuk maklumat lanjut mengenai lensa, rujuk kepada laman web Canon.

- Ini juga boleh dilaraskan dengan memasuki menu (📖32) dan memilih [AF method (Kaedah AF)] pada tab [📷2].

### AF 1 Titik

- Fokus menggunakan bingkai tunggal. Berkesan untuk pemfokusan yang andal.
- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Apabila pemandangan berada dalam fokus, bingkai akan bertukar hijau.

- Anda boleh menukar kedudukan bingkai (□71). Untuk menggubah tangkapan supaya subjek berada di pinggir atau penjuru tanpa menukar kedudukan bingkai, halakan kamera terlebih dahulu untuk memastikan subjek berada dalam bingkai AF dan kemudian tahan butang pengatup separuh ke bawah. Sambil anda menahan butang pengatup separuh ke bawah, gubah semula imej seperti yang diinginkan dan kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah (Kunci Fokus).
- Ikuti langkah 2 – 4 dalam “Menangkap dalam Mod Fokus Manual” (□74) untuk membesarkan kedudukan bingkai AF. Pengatup sentuh tidak berfungsi dengan paparan yang dibesarkan.

## +Penjejakan

- Selepas anda mensasarkan kamera pada subjek, bingkai putih dipaparkan di sekeliling wajah orang yang ditentukan oleh kamera sebagai subjek utama. Anda juga boleh memilih subjek anda sendiri (□71).
- Apabila kamera mengesan pergerakan, bingkai-bingkai akan mengikuti subjek yang bergerak dalam satu julat tertentu.
- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Bingkai akan bertukar hijau apabila difokus.
- Jika tiada wajah ditemui, selepas anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, bingkai hijau dipaparkan di sekitar kawasan dalam fokus.

- Contoh-contoh wajah yang tidak boleh dikesan:
  - Subjek yang jauh atau terlalu dekat
  - Subjek yang gelap atau terang
  - Wajah dari profil, pada satu sudut atau sebahagiannya tersembunyi
- Kamera mungkin menyalahtafsirkan subjek bukan manusia sebagai wajah.
- Bingkai AF jingga dipaparkan dengan [!] jika kamera tidak boleh memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Bingkai kelabu dipaparkan pada wajah yang dikesan di pinggir skrin. Anda tidak boleh memfokus pada bingkai tersebut dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah.

- Bilangan maksimum bingkai yang dipaparkan bergantung pada nisbah bidang yang dipilih (□45).
  - [3:2] [4:3] [16:9]: 49 bingkai
  - [1:1]: 35 bingkai


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Memilih Subjek untuk Difokuskan (AF Sentuh)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menangkap selepas kamera memfokus pada subjek, wajah orang atau lokasi ditunjukkan pada skrin yang anda pilih.





**1 Pilih subjek, wajah orang atau lokasi untuk difokuskan.**

- Sentuh subjek atau orang pada skrin.
- Apabila mod bingkai AF ditetapkan kepada [AF□], bingkai AF dipaparkan di kawasan yang anda sentuh.
- Apabila mod bingkai AF ditetapkan kepada [AF⁝⁝], [ ] akan dipaparkan sebaik sahaja subjek dikenali (autofokus akan diteruskan walaupun subjek bergerak). Untuk membatalkan AF Sentuh, sentuh [⮌].



**2 Tangkap.**

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Selepas kamera fokus, [ ] berwarna hijau akan dipaparkan.
- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap.

- Jika anda lebih suka kamera tidak menangkap apabila anda menyentuh skrin, pastikan mod [Touch Shutter (Pengatup Sentuh)] dinyahaktifkan. Pergi ke menu (📖32), tetapkan [Touch Shutter (Pengatup Sentuh)] pada tab [📷1] dan kemudian pilih [Disable (Lumpuh)].
- Penjejakan mungkin tidak boleh dilakukan apabila subjek terlalu kecil atau bergerak terlalu cepat atau apabila kontras tidak cukup antara subjek dan latar.

- Anda boleh menekan butang [⊞] untuk memilih wajah orang atau menggerakkan bingkai AF.
  - Apabila mod bingkai AF ditetapkan kepada [AF□], selepas menekan butang [⊞], tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk menggerakkan bingkai dan kemudian tekan butang [SET] untuk kembali ke skrin penangkapan. Tahan butang [⊞] ke bawah sekurang-kurangnya selama dua saat untuk menetapkan semula bingkai ke pusat skrin penangkapan atau pelarasan bingkai.
  - Apabila mod bingkai AF ditetapkan kepada [AF⁝⁝], selepas menekan butang [⊞], [Face Select: On (Pilih Wajah: Hidup)] akan dipaparkan dan [ ] akan dipaparkan pada wajah yang ditentukan sebagai subjek utama. Untuk menukar bingkai wajah [ ] ke wajah lain yang dikesan, terus menekan butang [⊞]. Apabila anda telah melangkau semua wajah yang tersedia, [Face Select: Off (Pilih Wajah: Mati)] akan dipaparkan dan bingkai akan hilang.

## Menangkap dengan Kunci AF

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Fokus boleh dikunci. Selepas anda mengunci fokus, posisi fokus tidak akan bertukar walaupun apabila anda melepaskan jari anda dari butang pengatup.




**1 Kunci fokus.**

- Dengan butang pengatup ditekan separuh ke bawah, tekan butang [◀].
- Fokus kini dikunci dan [MF] dipaparkan.
- Untuk membuka kunci fokus, lepaskan butang pengatup dan tekan butang [◀] sekali lagi. Dalam keadaan ini, [MF] tidak dipaparkan lagi.

**2 Gubah tangkapan dan tangkap.**

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Menangkap dengan AF Servo

**▶ Imej Pegun** ▷ Filem

Mod ini membantu mengelakkan terlepas tangkapan subjek bergerak kerana kamera terus memfokus pada subjek dan melaraskan pendedahan selagi anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.




**1 Konfigurasikan tetapan.**

- Tekan butang [(SET)], pilih [ONE SHOT (Satu tangkapan)] dan kemudian pilih [SERVO] dalam menu (□32).



**2 Fokus.**

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Bingkai hijau AF akan dipaparkan.
- Sebaik sahaja gubahan gambar berubah atau subjek bergerak, bingkai AF bertukar biru dan melaraskan fokus. Apabila fokus dicapai, bingkai AF akan kembali ke hijau.

> - Kamera mungkin tidak dapat menangkap gambar ketika memfokus, walaupun jika anda menekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah. Terus menahan butang pengatup ke bawah ketika menjejaki subjek anda.
> - Jika fokus tidak dicapai, bingkai AF akan bertukar jingga.
> - Penangkapan kunci AF tidak tersedia.
> - Selain itu, jika anda menetapkan pemasa kendiri (□40) kepada sebarang tetapan selain [⏱OFF], ia ditetapkan kepada [ONE SHOT (Satu Tangkapan)].

> - Apabila ditetapkan kepada [SERVO AF (AF SERVO)], kamera memfokus pada bingkai di pusat skrin jika ia tidak dapat mengesan wajah apabila butang pengatup ditekan separuh ke bawah, walaupun jika [(L)+Tracking ((L)+Penjejakan)] diaktifkan (□70).
> - Apabila AF servo dihidupkan, pendedahan tidak dikunci apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan tidak ditentukan sehingga saat anda menangkap gambar, tanpa mengambil kira tetapan mod pemeteran (□62) semasa anda.
> - Jika anda memasang lensa dengan nama yang mengandungi “STM”, hidupkan AF servo untuk penangkapan berterusan (□42) dengan pelarasan fokus berterusan. Menggunakan ciri ini akan mengurangkan kelajuan penangkapan berterusan. Jika anda mengendalikan zum ketika penangkapan berterusan, fokus mungkin hilang.
> - Dengan lensa lain, fokus akan dikunci untuk bingkai kedua dan berikutnya ketika penangkapan berterusan, mengakibatkan penangkapan berterusan yang lebih perlahan.
> - Bergantung pada lensa yang digunakan, jarak ke subjek dan kelajuan subjek, kamera mungkin tidak dapat mencapai fokus yang betul.
> - Ini juga boleh dilaraskan dengan memasuki menu (□32) dan memilih [AF operation (Operasi AF)] pada tab [📷2].

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Menukar Tetapan Fokus

▶ Imej Pegun ▷ Filem

Anda boleh menukar operasi kamera lalai yang sentiasa memfokus pada subjek yang dihalakan walaupun apabila butang pengatup tidak ditekan. Sebaliknya, anda boleh mengehadkan pemfokusan kamera kepada detik anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.




- Tekan butang [MENU], pilih [Continuous AF (AF berterusan)] pada tab [📷2] dan kemudian pilih [On (Hidup)] (📖32).

| | |
|---|---|
| On (Hidup) | Membantu anda mengelak terlepas peluang menangkap foto yang datang secara tiba-tiba, kerana kamera sentiasa memfokus pada subjek sehingga anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. |
| Off (Mati) | Memelihara kuasa bateri, kerana kamera tidak memfokus secara berterusan. Walau bagaimanapun, ia mungkin mengambil masa yang lebih lama daripada biasa untuk memfokus pada subjek. |

## Penalaan halus fokus

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Jika lensa EF-M dipasang, anda boleh menggunakan gelang fokus lensa untuk menala halus fokus selepas autofokus selesai.

### 1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [MENU] , pilih [AF+MF] pada tab [📷2] dan kemudian pilih [On (Hidup)] (📖32).




### 2 Fokus.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk autofokus dan terus menekannya separuh ke bawah.

### 3 Menala fokus dengan halus.

- Putar gelang fokus lensa untuk melaraskan fokus.
- [MF] akan berkelip pada paparan.
- Alihkan jari anda dari butang pengatup untuk membatalkan.

### 4 Tangkap.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap.

- Tidak boleh digunakan dengan AF servo (📖72).
- Ciri ini tidak tersedia apabila lensa bukan EF-M dipasangkan.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Menangkap dalam Mod Fokus Manual

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Apabila fokus tidak boleh dilakukan dalam mod AF, gunakan fokus manual. Membesarkan paparan skrin akan memudahkan pemfokusan.






**1 Pilih [MF].**

- Tekan butang [◀] jika anda telah memasang lensa EF-M.
- Jika anda mempunyai lensa bukan EF-M, matikan kamera, tetapkan suis lensa kepada [MF] dan kemudian hidupkan kamera semula.
- [MF] dipaparkan.

**2 Paparkan bingkai pembesaran.**

- Tekan butang [⊡].
- Bingkai pembesaran akan muncul di pusat skrin. Di sebelah kanan bahagian bawah, anda akan melihat nisbah pembesaran dan kawasan yang sedang dibesarkan.



**3 Pilih kawasan untuk dibesarkan.**

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk menggerakkan bingkai dan pilih kawasan untuk dibesarkan.
- Tahan butang ke bawah [⊡] untuk sekurang-kurangnya dua saat untuk menetapkan semula bingkai ke pusat skrin.



**4 Gunakan paparan yang dibesarkan.**

- Tekan butang [⊡] atau putarkan dail [⚙][⚙] untuk menukar pembesaran keseluruhan antara 1x (tiada pembesaran), 5x atau 10x.

**5 Fokus.**

- Sambil melihat paparan yang dibesarkan, putarkan gelang fokus lensa untuk memfokus.

**6 Tangkap.**

- Jika [Continuous AF (AF Berterusan)] ditetapkan kepada [Off (Mati)], anda tidak perlu mematikan kamera apabila menukar kepada [MF] semasa menggunakan lensa bukan EF-M.

- Anda boleh menyeret bingkai dalam langkah 3 untuk menggerakkan paparan yang dibesarkan.
- Anda juga boleh menyentuh [🔍] di sebelah kanan bahagian bawah untuk menukar tahap pembesaran atau menyeret skrin untuk menukar kedudukan paparan yang dibesarkan.

## Mengenal pasti Kawasan Fokus dengan Mudah (Memuncak MF)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Pinggir subjek dalam fokus dipaparkan dengan warna untuk menjadikan pemfokusan manual lebih mudah. Anda boleh melaraskan warna-warna dan (aras) sensitiviti pengesanan pinggir seperti yang diperlukan.




**1 Akses skrin tetapan.**

- Tekan butang [MENU], pilih [MF Peaking Settings (Tetapan Memuncak MF)] pada tab [📷2] dan kemudian tetapkan [Peaking (Memuncak)] kepada [On (Hidup)] (📖32).

**2 Konfigurasikan tetapan.**

- Pilih satu item menu untuk dikonfigurasi dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖32).

- Warna yang dipaparkan bagi memuncak MF tidak dirakam dalam tangkapan anda.

# Denyar

## Menukar Mod Denyar

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Anda boleh menukar mod denyar supaya sepadan dengan pemandangan penangkapan. Untuk butiran tentang julat denyar, lihat “Panduan Julat Denyar Dalaman” (📖197).




**1 Naikkan denyar.**

- Gerakkan suis [⚡].

**2 Konfigurasikan tetapan.**

- Tekan butang [▶], tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◉] untuk memilih mod denyar dan kemudian tekan butang [SET].
- Pilihan yang anda konfigurasikan kini dipaparkan.

> **!**
> - Skrin tetapan tidak boleh diakses dengan menekan butang [▶] apabila denyar diturunkan. Gerakkan suis [⚡] untuk menaikkan denyar dan kemudian konfigurasikan tetapan.
> - Jika denyar menyala, kesan kabur tepi mungkin berlaku. Jika denyar menyala, kesan kabur tepi mungkin berlaku bergantung pada lensa yang sedang digunakan.

> - Apabila terdapat risiko pendedahan berlebihan, kamera melaraskan kelajuan pengatup atau kelajuan ISO secara automatik semasa tangkapan denyar untuk mengurangkan sorotan pudar dan menangkap pada pendedahan optimum. Oleh itu, apabila menangkap dengan denyar, kelajuan pengatup atau kelajuan ISO yang dipaparkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah mungkin tidak sepadan dengan tetapan penangkapan sebenar.
> - Ini juga boleh dikonfigurasi dengan memasuki menu (📖32), memilih tab [📷3] dan memilih [Flash firing (Penyalaan denyar)] dalam pilihan [Flash Control (Kawalan Denyar)].

### Auto

Bernyala secara automatik dalam keadaan cahaya malap.

### On (Hidup)

Bernyala bagi setiap tangkapan.

### Slow Synchro (Segerak Perlahan)

Bernyala untuk menerangi subjek utama (seperti orang) ketika menangkap pada kelajuan pengatup perlahan untuk menerangi latar belakang di luar julat denyar.

> **!**
> - Dalam mod [⚡], pasangkan kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera tetap stabil dan mengelakkan goncangan kamera. Selain itu, anda harus mematikan penstabilan imej apabila menggunakan tripod atau langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (📖78).
> - Dalam mod [⚡], walaupun selepas denyar menyala, pastikan bahawa subjek utama tidak bergerak sehingga bunyi pengatup selesai dimainkan.

### Off (Mati)

Bagi menangkap tanpa denyar.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Melaraskan Pampasan Pendedahan Denyar

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Seperti pampasan pendedahan biasa (📖61), anda boleh melaraskan pendedahan denyar daripada hentian –2 sehingga +2, dalam kenaikan hentian 1/3.




- Naikkan denyar, tekan butang [▶] dan segera putar dail [◎] untuk memilih aras pampasan dan kemudian tekan butang [㊗].
- Aras pembetulan yang anda tentukan kini dipaparkan.

> - Anda boleh mengkonfigurasi pampasan pendedahan denyar dengan mengakses MENU (📖32) dan memilih tab [📷3] > [Flash Control (Kawalan Denyar)] > [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)] > [⚡ exp. comp. (pampasan pendedahan ⚡)].
> - Anda juga boleh mengakses skrin [Flash Control (Kawalan Denyar)] (📖32) seperti berikut.
>   - Tekan dan tahan butang [▶] selama kira-kira satu saat.
>   - Apabila denyar dinaikkan, tekan butang [▶] dan tekan butang [MENU] dengan segera.

> - Anda juga boleh mengakses skrin [Flash Control (Kawalan Denyar)] (📖32) dengan menekan butang [▶] dan menyentuh [MENU].

## Menangkap dengan Kunci FE

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Seperti dengan kunci AE (📖61), anda boleh mengunci pendedahan untuk tangkapan denyar.

**1 Naikkan denyar dan tetapkan denyar kepada [⚡] (📖75).**

**2 Kunci pendedahan denyar.**

- Halakan kamera ke arah subjek untuk menangkap dengan pendedahan dikunci dan kemudian tekan butang [✱].
- Denyar menyala dan apabila [⚡*] dipaparkan, aras output denyar dikekalkan.
- Tekan butang [✱] sekali lagi untuk membatalkan dan membuang ikon [⚡*].

**3 Gubah tangkapan dan tangkap.**

> - FE: Pendedahan Denyar
> - Semasa dalam kunci FE, bulatan di pusat skrin menunjukkan julat pemeteran semasa.
> - Jika pendedahan standard tidak dicapai walaupun selepas denyar menyala dalam langkah 2, [⚡*] berkelip. Ikuti langkah 2 ketika subjek dalam julat denyar.

## Menukar Pemasaan Denyar

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Tukar pemasaan denyar dan pelepasan pengatup seperti berikut.




- Tekan butang [MENU], pilih [Flash Control (Kawalan Denyar)] pada tab [3], pilih [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)].
- Pilih [Shutter Sync. (Penyegerakan Pengatup)] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (32).

| | |
|---|---|
| 1st curtain (Tirai pertama) | Denyar menyala sejurus selepas pengatup terbuka. |
| 2nd curtain (Tirai kedua) | Denyar menyala sejurus sebelum pengatup tertutup. |

- Jika kelajuan pengatup ditetapkan kepada 1/100 atau lebih laju, denyar menyala pada [1st curtain (Tirai pertama)], walaupun jika [2nd curtain (Tirai kedua)] dipilih.

## Menukar Mod Pemeteran Denyar

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Apabila menangkap gambar dengan denyar, [Evaluative (Penilaian)] digunakan untuk pendedahan denyar standard. Kaedah pemeteran ini boleh ditukar kepada mod pemeteran denyar purata ke seluruh kawasan denyar, seperti apabila menggunakan denyar luaran bermeter.




- Tekan butang [MENU], pilih [Flash Control (Kawalan Denyar)] pada tab [3], pilih [E-TTL II meter. (Pemeteran E-TTL II)] dan kemudian pilih [Average (Purata)].

- Apabila menggunakan [Average (Purata)], laraskan pampasan pemeteran denyar anda untuk pemandangan yang akan ditangkap.

## Menetap semula Tetapan Denyar

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Anda boleh menetap semula tetapan denyar dalaman kepada tetapan lalai.

- Tekan butang [MENU], pilih [Flash Control (Kawalan Denyar)] pada tab [3], pilih [Clear settings (Hapuskan tetapan)].
- Pilih [Clear settings (Hapus tetapan denyar terbina dalam)] dan tekan butang [SET]. Dalam skrin seterusnya, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◉] untuk memilih [OK], dan kemudian tekan butang [SET].

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Tetapan Lain

## Menukar Tetapan Mod IS

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Jika anda mempunyai lensa EF-M dengan fungsi penstabilan imej, penstabilan imej boleh dilaraskan dalam menu.




**1 Akses skrin tetapan.**

- Tekan butang [MENU], pilih [IS Settings (Tetapan IS)] pada tab [📷2] dan kemudian tekan butang [SET] (📖32).

**2 Konfigurasikan tetapan.**

- Pilih [IS Mode (Mod IS)] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖32).

| | |
|---|---|
| On (Hidup) | Jika menggunakan lensa dengan penstabilan imej terbina dalam, kamera memampas untuk pergerakan kamera dan goncangan tangan untuk menstabilkan imej apabila menangkap. |
| Off (Mati) | Menyahaktifkan penstabilan imej. |

- Jika penstabilan imej tidak boleh mengelakkan goncangan kamera, pasangkan kamera pada tripod atau gunakan cara lain untuk memastikan kestabilan kamera. Dalam keadaan ini, tetapkan [IS Mode (Mod IS)] kepada [Off (Mati)].
- [IS Mode (Mod IS)] tidak dipaparkan apabila lensa bukan EF-M dipasangkan. Sebaliknya, gunakan suis penstabilan imej pada lensa (📖22).
- Jangan gunakan penstabilan imej untuk pendedahan mentol. Melakukan sedemikian mungkin menyebabkan kelakuan penstabilan imej yang salah.

- Lensa dengan penstabilan imej terbina dalam mempunyai “IS” dalam namanya. IS ialah singkatan untuk Image Stabilizer (Penstabil Imej).

## Merakam Filem dengan Subjek Bersaiz Sama seperti Dipaparkan sebelum Rakaman

▷ Imej Pegun ▶ Filem

Biasanya, sebaik sahaja rakaman filem bermula, kawasan paparan imej bertukar dan subjek dibesarkan untuk membenarkan pembetulan bagi goncangan kamera yang kuat. Untuk merakam subjek pada saiz sama seperti yang ditunjukkan sebelum merakam, anda boleh memilih untuk tidak mengurangkan goncangan kamera yang kuat.




- Ikuti langkah dalam “Menukar Tetapan Mod IS” (📖78) untuk mengakses skrin [IS Settings (Tetapan IS)].
- Pilih [Dynamic IS (IS Dinamik)] dan kemudian pilih [2] (📖32).

- [Dynamic IS (IS Dinamik)] dipaparkan hanya apabila menggunakan lensa yang menyokong penstabilan imej dinamik.

- Anda juga boleh menetapkan [IS Mode (Mod IS)] kepada [Off (Mati)] supaya subjek dirakam pada saiz yang sama seperti yang ditunjukkan sebelum merakam.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Pembetulan Pencahayaan Persisian/Pembetulan Aberasi Kromatik Lensa

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Ciri unik lensa mungkin menyebabkan kesan kabur tepi atau jujuhan warna sekitar garis bentuk subjek. Fenomena ini boleh dibetulkan. Kamera dibekalkan dengan data pembetulan pencahayaan persisian/aberasi kromatik yang setara dengan 35 lensa. Gunakan perisian EOS Utility untuk melihat tetapan lensa yang tersedia; jika kamera anda tidak mempunyai data untuk lensa anda, anda boleh menambahkannya ke kamera. Untuk butiran, rujuk kepada manual arahan EOS Utility (📖158).

* Anda tidak perlu menambah data untuk lensa EF-M.




**1 Pilih [Lens aberration correction (Pembetulan aberasi lensa)].**

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Lens aberration correction (Pembetulan aberasi lensa)] pada tab [📷2], serta pilih pilihan (📖32).

**2 Semak jika data pembetulan tersedia.**

- Sahkan bahawa [Correction data available (Data pembetulan tersedia)] dipaparkan untuk lensa yang dipasang.

**3 Pilih tetapan yang diingini.**

- Pilih pilihan yang diingini dan tekan butang [SET] untuk menetapkan (📖31).

- Pembetulan pencahayaan persisian dan pembetulan aberasi kromatik tidak boleh digunakan pada imej JPEG yang telah diambil.
- Apabila menggunakan lensa bukan Canon, menetapkan pembetulan kepada [Disable (Lumpuh)] adalah disarankan, walaupun jika [Correction data available (Data pembetulan tersedia)] dipaparkan.
- Imej RAW boleh dibetulkan dengan perisian Digital Photo Professional (📖158).
- Menetapkan [Peripheral illumin. (Pencahayaan persisian)] kepada [Enable (Aktif)] mungkin mengakibatkan hingar di persisian imej, bergantung pada keadaan penangkapan.
- Kesan pembetulan aberasi kromatik tidak boleh dilihat pada imej RAW dengan kamera. Sebaliknya, gunakan perisian Digital Photo Professional (📖158) untuk melihat pembetulan.

- Tetapan anda akan dikekalkan walaupun selepas menukar lensa, tetapi pembetulan tidak berlaku jika data pembetulan tidak ditambah untuk lensa baharu. Jika [Correction data not available (Data pembetulan tidak tersedia)] dipaparkan dalam langkah 2, gunakan perisian EOS Utility (📖158) untuk menambah data pembetulan lensa kepada kamera.
- Jika kesan pembetulan tidak kelihatan, besarkan imej dan semak sekali lagi.
- Pembetulan juga digunakan apabila Penyambung atau Penukar Saiz Sebenar dipasangkan.
- Jika lensa tidak mempunyai maklumat jarak, jumlah pembetulan akan lebih rendah.
- Jumlah pembetulan yang digunakan dengan [Peripheral illumin. (Pencahayaan persisian)] akan lebih rendah sedikit berbanding dengan jumlah pembetulan maksimum yang boleh ditetapkan dengan perisian Digital Photo Professional.
- Semakin tinggi kelajuan ISO, semakin rendah nilai pembetulan pencahayaan persisian.

## Menukar Tahap Pengurangan Hingar

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Anda boleh pilih daripada 3 aras pengurangan hingar: [Standard], [High (Tinggi)], [Low (Rendah)]. Ianya berkesan khususnya apabila menangkap pada kelajuan ISO yang tinggi.




- Tekan butang [MENU], pilih [High ISO speed NR (Pengurangan hingar kelajuan ISO tinggi)] pada tab [📷4], dan kemudian pilih pilihan yang diingini (📖32).

## Menggunakan Pengurangan Hingar Tangkapan Berbilang

Kamera boleh secara automatik menangkap empat gambar dalam satu tangkapan dan menggabungkan imej untuk memberikan pengurangan hingar berkualiti tinggi, lebih baik daripada pilihan [High (Tinggi)] untuk [High ISO speed NR (Pengurangan hingar kelajuan ISO tinggi)].

**1 Pilih [NR].**

- Ikuti langkah dalam “Menukar Tahap Pengurangan Hingar” untuk memilih [NR].

**2 Tangkap.**

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah. Kamera akan mengambil empat gambar dan menggabungkannya, oleh itu pastikan tangan anda seimbang semasa menangkap.

- Hasil yang tidak dijangka mungkin berlaku jika terdapat kesalahan jajaran yang ketara dalam imej akibat goncangan kamera. Memasang kamera dengan kukuh menggunakan tripod atau cara lain adalah disarankan.
- Jika anda menangkap subjek bergerak, pergerakan subjek mungkin menghasilkan imej tinggal atau kawasan sekeliling subjek mungkin menjadi gelap.
- Bergantung pada keadaan penangkapan, hingar mungkin muncul pada persisian imej.
- Ini tidak boleh digunakan dengan AEB, [Long exp. noise reduction (Pengurangan hingar pendedahan lama)], ketika penangkapan imej RAW atau penangkapan mentol. Jika sebarang daripada tetapan tersebut sedang digunakan, [Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Tangkapan Berbilang)] tidak akan tersedia.
- Penangkapan denyar tidak boleh dilakukan.
- Merekod imej pada kad akan mengambil masa lebih lama berbanding dengan penangkapan biasa. Anda tidak boleh mengambil gambar lain sehingga pemprosesan selesai.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Mengurangkan Hingar pada Kelajuan Pengatup Perlahan

▶ **Imej Pegun** ▶ Filem

Kamera boleh mengurangkan hingar semasa pendedahan yang lama pada kelajuan pengatup 1 saat atau lebih perlahan.




- Tekan butang [MENU], pilih [Long exp. noise reduction (Pengurangan hingar pendedahan lama)] pada tab [4] dan kemudian pilih pilihan yang diingini (32).

| | |
|---|---|
| OFF (Lumpuh) | Jangan melaksanakan pengurangan hingar semasa pendedahan lama. |
| AUTO | Melaksanakan pengurangan hingar apabila hingar yang dikesan adalah khusus untuk pendedahan lama pada kelajuan pengatup daripada 1 saat atau lebih perlahan. |
| ON (Aktif) | Sentiasa melaksanakan pengurangan hingar pada kelajuan pengatup 1 saat atau lebih perlahan. |

- Tangguhan mungkin akan berlaku sebelum anda boleh menangkap lagi, kerana kamera memproses imej untuk mengurangkan hingar.
- Menangkap gambar pada kelajuan ISO1600 atau lebih tinggi dengan pilihan ini ditetapkan kepada [ON (Hidup)] mungkin mengakibatkan imej yang lebih berbintik daripada menetapkan pilihan tersebut kepada [OFF (Mati)] atau [AUTO].

5

# Mod Tv, Av, M dan C

Ambil tangkapan yang lebih bijak dan canggih serta sesuaikan kamera mengikut gaya penangkapan anda




- Arahan dalam bab ini sesuai untuk kamera yang ditetapkan kepada mod masing-masing.

## Kelajuan Pengatup Tertentu (Mod [Tv])

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Tetapkan kelajuan pengatup yang diinginkan sebelum menangkap seperti berikut. Kamera melaraskan nilai apertur secara automatik supaya sesuai dengan kelajuan pengatup anda.
Untuk butiran mengenai kelajuan pengatup tersedia, lihat "Pengatup" (📖191).



**1 Masuk ke mod [Tv].**

- Tetapkan dail mod ke [Tv].

**2 Tetapkan kelajuan pengatup.**

- Putar dail [ ] untuk menetapkan kelajuan pengatup.

- Jika [Long exp. noise reduction (Pengurangan hingar pendedahan lama)] ditetapkan kepada [ON (Hidup)] atau [AUTO] dan penangkapan dilakukan dengan kelajuan pengatup 1 saat atau lebih perlahan, tangguhan mungkin berlaku sebelum pengambilan gambar seterusnya akibat pemprosesan pengurangan hingar selepas tangkapan.
- Apabila menangkap pada kelajuan pengatup perlahan pada tripod, anda patut mematikan penstabilan imej (📖78).
- Kelajuan pengatup maksimum dengan denyar adalah 1/200 saat. Jika anda menentukan kelajuan yang lebih cepat, kamera akan menetapkan semula kelajuan kepada 1/200 saat secara automatik sebelum menangkap.
- Paparan nilai apertur yang berwarna jingga apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah menunjukkan bahawa tetapan berbeza dengan pendedahan standard. Laraskan kelajuan pengatup sehingga nilai apertur dipaparkan dalam warna putih atau gunakan anjakan keselamatan (📖88).

- [Tv]: Nilai masa


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Nilai Apertur Tertentu (Mod [Av])

**Imej Pegun** Filem

Tetapkan nilai apertur yang diinginkan sebelum menangkap seperti berikut. Kamera melaraskan kelajuan pengatup secara automatik supaya sesuai dengan nilai apertur anda.
Nilai apertur yang dibenarkan berbeza bergantung pada lensa.



**1 Masuk ke mod [Av].**

- Tetapkan dail mod ke [Av].

**2 Tetapkan nilai apertur.**

- Putar dail [ ] untuk menetapkan nilai apertur.

> - Paparan kelajuan pengatup yang berwarna jingga apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah menunjukkan bahawa tetapan berbeza dengan pendedahan standard. Laraskan nilai apertur sehingga kelajuan pengatup dipaparkan dalam warna putih atau gunakan anjakan keselamatan (88).
> - Kelajuan pengatup maksimum dengan denyar adalah 1/200 saat. Apabila menangkap dengan denyar, kamera mungkin menukar nilai apertur yang ditentukan secara automatik untuk memastikan kelajuan pengatup tidak lebih laju daripada 1/200 saat.

> - [Av]: Nilai apertur (saiz bukaan diafragma dalam lensa)

## Pratonton Kedalaman Medan

Apertur terbuka apabila anda tidak menangkap dengan kamera. Saiznya berubah hanya pada saat gambar diambil. Hasilnya, medan kedalaman mungkin kelihatan lebih sempit (lebih cetek) apabila dilihat dalam monitor. Tambah [ ] (Pratonton kedalaman medan) pada butang (89) dan tekan butang yang ditetapkan untuk pratonton kedalaman medan.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Kelajuan Pengatup dan Nilai Apertur Tertentu (Mod [M])

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Ikuti langkah ini sebelum penangkapan untuk menetapkan kelajuan pengatup dan nilai apertur untuk memperoleh pendedahan yang diinginkan. Untuk butiran mengenai kelajuan pengatup tersedia, lihat “Pengatup” (📖191). Nilai apertur yang dibenarkan akan berbeza bergantung pada lensa.




## 1 Masuk ke mod [M].

- Tetapkan dail mod ke [M].

## 2 Konfigurasikan tetapan.

- Putar dail [ ] untuk menetapkan kelajuan pengatup (1).
- Tekan butang [▲] untuk memilih nilai apertur (2) atau kelajuan ISO (3) dan putar dail [ ] untuk menentukan nilai.
- Jika kelajuan ISO terkunci, tanda tahap pendedahan (5) berdasarkan nilai yang ditentukan anda ditunjukkan pada penunjuk tahap pendedahan untuk perbandingan dengan tahap pendedahan standard (4). Jika sisihan dari tahap pendedahan standard melebihi dua hentian, penunjuk tahap pendedahan bertukar menjadi [◀] atau [▶].
- Jika kelajuan ISO ditetapkan kepada [AUTO], menekan butang pengatup separuh ke bawah akan mengunci kelajuan ISO dan menukar kecerahan skrin. Jika pendedahan standard tidak dapat diperoleh dengan kelajuan pengatup dan nilai apertur yang ditentukan, kelajuan ISO dipaparkan dalam warna jingga.

- Selepas anda menetapkan kelajuan pengatup dan nilai apertur, tahap pendedahan mungkin berubah jika anda melaraskan zum atau menggubah semula tangkapan.
- Apabila kelajuan ISO dikunci, kecerahan skrin mungkin bertukar bergantung pada kelajuan pengatup atau nilai apertur yang anda tentukan. Walau bagaimanapun, kecerahan skrin kekal sama apabila denyar dinaikkan dan mod ditetapkan kepada [ϟ].
- Jika kelajuan ISO ditetapkan kepada [AUTO], kelajuan ISO bertukar supaya sesuai dengan kelajuan pengatup dan apertur untuk memperolehi pendedahan standard. Hasilnya, anda mungkin tidak memperoleh kesan pendedahan yang diingini.
- Pengoptimum Pencahayaan Auto (📖64) mungkin menukar kecerahan imej. Tekan butang [INFO] dalam skrin tetapan Pengoptimum Pencahayaan Auto dan tambahkan [✓] pada pilihan [Disable during man expo (Lumpuh ketika pendedahan manual)] untuk memastikan Pengoptimum Pencahayaan Auto dalam mod [M] tetap sebagai [Disable (Lumpuh)].

- [M]: Manual
- Pengiraan pendedahan standard berdasarkan kaedah pemeteran yang ditentukan (📖62).
- Anda boleh sesuaikan operasi kamera supaya memutarkan dail [ ] melaraskan kelajuan pengatup dan memutar dail [ ] melaraskan nilai apertur (📖89).
- Tindakan berikut tersedia apabila kelajuan ISO ditetapkan kepada [AUTO].
  - Gunakan dail pampasan pendedahan untuk melaraskan pendedahan.
  - Tekan butang [✱] untuk mengunci kelajuan ISO dan melaraskan kecerahan skrin.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Pendedahan (Mentol) Lama

Pendedahan mentol memastikan pengatup kekal terbuka selagi anda menahan butang pengatup ke bawah.

**1 Aktifkan penangkapan mentol.**

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kelajuan Pengatup dan Nilai Apertur Tertentu (Mod [M])” (📖84) dan tetapkan kelajuan pengatup kepada [BULB (Mentol)].

**2 Tangkap.**

- Pendedahan akan berterusan selagi butang pengatup ditekan. Masa pendedahan yang berlalu akan dipaparkan pada monitor LCD ketika penangkapan.

> - Pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera tetap stabil dan mengelakkan goncangan kamera. Selain itu, anda harus mematikan penstabilan imej apabila menggunakan tripod atau langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (📖78).
> - Oleh kerana pendedahan mentol menghasilkan lebih banyak hingar daripada biasa, imej mungkin kelihatan berbintik. Terdapat cara untuk mengurangkan hingar dalam pendedahan lama apabila [Pengurangan hingar pendedahan lama] ditetapkan kepada [AUTO] atau [ON (Hidup)] (📖80).

> - Anda juga boleh menggunakan Alat Kawalan Jauh (dijual berasingan) untuk pendedahan mentol (📖152).

> - Jika [Touch Shutter (Pengatup Sentuh)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)], menyentuh skrin akan memulakan pendedahan. Sentuh skrin sekali lagi untuk menamatkan pendedahan. Berhati-hati supaya tidak menggoncangkan kamera apabila mengetik skrin.

# Melaraskan Output Denyar

▶ Imej Pegun ▷ Filem

Pilih daripada tiga aras denyar dalam mod [Tv], [Av] dan [M].

**1 Tetapkan mod denyar kepada [Manual flash (Denyar manual)].**

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Flash Control (Kawalan Denyar)] pada tab [📷3]. Pilih [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)] dan tetapkan [Flash Mode (Mod Denyar)] kepada [Manual flash (Denyar manual)] (📖32).




**2 Konfigurasikan tetapan.**

- Naikkan denyar, tekan butang [▶] dan dengan segera putar dail [ ] untuk memilih aras denyar dan kemudian tekan butang [SET].
- Sebaik sahaja tetapan selesai, aras output denyar dipaparkan. [ ]: Minimum, [ ]: Sederhana, [ ]: Maksimum

> - Tahap denyar juga boleh dikonfigurasi dengan memasuki menu (📖32), memilih tab [📷3], memilih [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)] dalam pilihan [Flash Control (Kawalan Denyar)] dan memilih [ flash output (output denyar )].
> - Anda juga boleh mengakses skrin [Flash Control (Kawalan Denyar)] (📖32) seperti berikut.
>   - Tekan dan tahan butang [▶] selama kira-kira satu saat.
>   - Apabila denyar dinaikkan, tekan butang [▶] dan tekan butang [MENU] dengan segera.

> - Anda juga boleh mengakses skrin [Flash Control (Kawalan Denyar)] (📖32) dengan menekan butang [▶] dan menyentuh [MENU].

# Kelajuan Pengatup dan Nilai Apertur Tertentu

▶ Imej Pegun ▶ **Filem**

Ikuti langkah ini untuk menetapkan kelajuan pengatup, nilai apertur dan kelajuan ISO kesukaan anda. Untuk butiran mengenai kelajuan pengatup tersedia, lihat “Pengatup” (191). Nilai apertur yang dibenarkan berbeza bergantung pada lensa.

### 1 Masuk ke mod [ ].

- Tetapkan dail mod ke [ ].
- Tekan butang [ ], pilih [ ] dalam menu dan kemudian pilih [ ] (31).



### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Putar dail [ ] untuk menetapkan kelajuan pengatup.
- Untuk menetapkan nilai apertur dan kelajuan ISO, tekan [▲], pilih pilihan keinginan anda dan kemudian putar dail [ ] untuk melaraskan tetapan.

- Anda mungkin akan melihat kelipan imej ketika menangkap di bawah pencahayaan pendarfluor atau LED, bergantung pada kelajuan pengatup.
- Dengan nilai apertur besar, ia mungkin mengambil masa lebih lama untuk mencapai fokus, atau fokus yang betul mungkin tidak dapat dicapai.

- Jika kelajuan ISO terkunci, tanda tahap pendedahan berdasarkan nilai yang ditentukan anda ditunjukkan pada penunjuk tahap pendedahan untuk perbandingan dengan tahap pendedahan standard. Jika sisihan dari tahap pendedahan standard melebihi dua hentian, penunjuk tahap pendedahan bertukar menjadi [◀] atau [▶].
- Jika kelajuan ISO ditetapkan kepada [AUTO], anda boleh menekan butang pengatup separuh ke bawah untuk melihat kelajuan ISO semasa. Jika pendedahan standard tidak dapat diperoleh dengan kelajuan pengatup dan nilai apertur yang ditentukan, tanda tahap pendedahan bergerak untuk menunjukkan sisihan. Tanda tahap pendedahan bertukar menjadi [◀] atau [▶] apabila sisihan daripada tahap pendedahan standard melebihi dua hentian.
- Kelajuan ISO yang dibenarkan akan berbeza bergantung pada kualiti imej. ISO 100 – ISO 3200 dengan [FHD 29.97P], [FHD 23.98P] atau [FHD 25.00P], ISO 100 – ISO 6400 dengan [HD 59.94P], [HD 50.00P], [VGA 29.97P] atau [VGA 25.00P].

- Sentuh pilihan di bahagian bawah skrin dan kemudian sentuh [◀][▶] untuk melaraskan tetapannya.
- Sentuh [AF] untuk mengunci kedudukan fokus. [MF] akan ditunjukkan pada skrin.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Menyesuaikan Kawalan dan Paparan

## Menyesuaikan Maklumat Paparan

Anda boleh menentukan skrin yang akan dipaparkan apabila butang [INFO] ditekan dalam skrin penangkapan. Anda juga boleh menyesuaikan data yang dipaparkan oleh skrin.

### 1 Akses skrin tetapan.

- Pilih tab [📷1], pilih [Shooting information display (Paparan maklumat penangkapan)] dan kemudian pilih [Display switching (Penukaran paparan)] dan tekan butang [SET] (📖31).




### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih skrin yang tidak ingin anda paparkan dan kemudian tekan butang [SET] untuk membuang [✓]. Tekan butang [SET] sekali lagi untuk menambah [✓].
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].

- Gunakan sampel paparan di sebelah kiri skrin untuk melihat rupa bagi kesan yang anda pilih dalam langkah 2.
- Anda tidak boleh membuang semua [✓] atau menambah hanya [✓] kepada [INFO. Quick Control (Kawalan Cepat INFO)].

## Menyesuaikan Data yang Dipaparkan




- Ikuti langkah 1 – 2 dalam "Menyesuaikan Maklumat Paparan" (📖87) untuk memilih [Custom display 1 (Paparan tersuai 1)] atau [Custom display 2 (Paparan tersuai 2)] dan kemudian tekan butang [INFO].
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih maklumat untuk dipaparkan dan kemudian tekan butang [SET] untuk menambah [✓].
- Tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin [Display switching (Penukaran paparan)] dan semak hasil paparan.

- Pergi ke [Shooting information display (Paparan maklumat penangkapan)] pada tab [📷1] dan pilih [Grid display (Paparan grid)] untuk menukar kepada grid yang lebih halus.
- Pergi ke [Shooting information display (Paparan maklumat penangkapan)] pada tab [📷1] dan pilih [Histogram] untuk menukar histogram yang dipaparkan daripada histogram kecerahan kepada histogram RGB.

## Menyediakan Fungsi Kamera Lanjutan

Tab [1] menu (32) membolehkan anda menyesuaikan pelbagai fungsi kamera supaya sesuai dengan kegemaran anda semasa mengambil gambar. Fungsi yang kerap digunakan juga boleh ditambah pada dail depan, dail kawalan dan butang.




**1 Pilih jenis fungsi.**

- Tekan butang [MENU] dan pilih tab [1] (32).
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [] untuk memilih jenis fungsi (Pendedahan, AF, Lain) dan kemudian tekan butang [SET].




**2 Pilih fungsi yang diingini.**

- Jika anda memilih Pendedahan atau Lain, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [][] untuk memilih fungsi dan kemudian tekan butang [SET].




**3 Pilih pilihan.**

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [] untuk memilih pilihan.
- Tekan butang [SET] untuk kembali ke skrin menu.

| Jenis fungsi | Fungsi | Penerangan |
|---|---|---|
| Exposure (Pendedahan) | ISO expansion (Tambahan ISO) | Apabila ditetapkan kepada [1:On (Hidup)], kelajuan ISO [H] tersedia untuk pemilihan. Dalam mod [] bersamaan dengan ISO 25600, [H] adalah setara dengan ISO 6400 ([FHD 29.97P], [FHD 23.98P] atau [FHD 25.00P]) atau ISO 12800 ([HD 59.94P], [HD 50.00P] [VGA 29.97P] atau [HD 25.00P]). |
| | Safety shift (Anjakan keselamatan) | Apabila ditetapkan kepada [1:On (Hidup)], jika pendedahan standard tidak dapat diperolehi dengan kelajuan pengatup dan nilai apertur yang ditentukan dalam mod [Tv] atau [Av], kamera akan mengubah kelajuan pengatup dan nilai apertur secara automatik supaya lebih hampir dengan pendedahan standard. |
| Autofocus (Autofokus) | AF-assist beam (LED) firing (Penyalaan (LED) lampu bantuan AF) | Apabila ditetapkan kepada [1:Disable (Lumpuh)], lampu bantuan AF tidak akan menyala. |
| Others (Lain) | Custom Controls (Kawalan Tersuai) | Tambah fungsi yang kerap digunakan pada dail depan, dail kawalan dan butang (89). |
| | Release shutter w/o lens (Lepaskan pengatup tanpa lensa) | Apabila ditetapkan kepada [1:Enable (Aktif)], anda boleh menekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah atau tekan butang filem untuk merakam imej, walaupun jika lensa tidak dipasangkan pada kamera. |
| | Retract lens on power off (Tarik balik lensa apabila dimatikan) | Tentukan sama ada lensa akan ditarik balik secara automatik apabila kamera dimatikan. |

- Pilih [Clear All Custom Func. (C.Fn) (Hapus Semua Fungsi Tersuai)] dalam langkah 1 dan tekan butang [SET] untuk membuang semua fungsi yang ditukar pada tab [1] dan pulihkannya kepada tetapan lalai.
- Walaupun dengan [ISO expansion (Tambahan ISO)] ditetapkan kepada [1:On (Hidup)], [H] tidak boleh dipilih jika [Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)] ditetapkan kepada [D+] (📖64).
- Anjakan keselamatan dilumpuhkan apabila denyar menyala.
- Lampu bantuan AF ialah cahaya daripada lampu (depan) yang hidup apabila butang pengatup ditekan separuh ke bawah di kawasan gelap untuk membantu pemfokusan.
- [Retract lens on power off (Tarik balik lensa apabila dimatikan)] disokong oleh lensa berikut.
  - EF 40mm f/2.8 STM
  - EF-S 24mm f/2.8 STM

## Menambah Fungsi pada Butang dan Dail

Anda boleh menukar fungsi butang pengatup / [✱] atau dail [dail] / [dail], serta menambah fungsi yang kerap digunakan pada butang [M-Fn], [▼] ([🗑]) dan filem.

### 1 Akses skrin penetapan fungsi.

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Menyediakan Fungsi Kamera Lanjutan” (📖88) dan pilih [Custom Controls (Kawalan Tersuai)] dari [Other (Lain)].




### 2 Tetapkan fungsi pada kawalan.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] atau putar dail [dail][dail] untuk memilih dail atau butang yang ingin ditetapkan fungsinya dan kemudian tekan butang [SET].
- Jika anda ingin menukar fungsi butang pengatup / [✱] atau dail [dail] / [dail], tekan butang [▲][▼] atau putar dail [dail] untuk memilih fungsi.
- Jika anda ingin menambah fungsi pada butang [M-Fn], butang [▼] (butang [🗑]) atau filem, tekan butang [▲][▼][◀][▶] atau putar dail [dail][dail] untuk memilih fungsi.
- Tekan butang [SET] untuk kembali ke skrin menu sebelumnya.

| | |
|---|---|
| Butang pengatup / butang [✱] | Tetapkan kepada [AE/AF, no AE lock (AE/AF, tiada kunci AE)] dan anda boleh menekan butang [✱] untuk memfokus. Dalam keadaan ini, kunci AE tidak digunakan apabila butang [✱] ditekan. Apabila menggunakan pengatup sentuh, kamera mengambil gambar tanpa memfokus. |
| Dail [dail] / [dail] | Tetapkan kepada [Tv/Av] dan anda boleh menggunakan dail [dail] untuk melaraskan kelajuan pengatup dan dail [dail] untuk melaraskan nilai apertur dalam mod [M]. |
| Butang [M-Fn] | Menekan butang tersebut akan mencetuskan tindakan yang ditetapkan. |
| [▼] (Butang [🗑]) | |
| Butang filem | |

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

- Untuk memulihkan butang [M-Fn], butang [▼]([🗑]) dan butang filem kepada tetapan lalainya, pilih [M✕], [🗑✕] dan [🎥✕] masing-masing.
- Jika anda tidak ingin menambah fungsi pada butang [M-Fn], butang [▼]([🗑]) dan butang filem, pilih [M✕], [🗑✕] dan [🎥✕] masing-masing.
- Ikon yang dilabel dengan [⃠] pada skrin penetapan butang [M-Fn], [▼]([🗑]) dan butang filem menunjukkan bahawa fungsi tidak tersedia dalam mod penangkapan semasa atau di bawah keadaan fungsi semasa.
- Tetapkan [RAW+JPEG] pada butang dan setiap kali butang tersebut ditekan, kamera akan menukar antara menyimpan atau tidak menyimpan imej RAW serentak.
- Tetapkan [⚙] pada butang dan kamera akan menggunakan nilai apertur yang ditentukan semasa butang ditekan, membolehkan anda pratonton kedalaman medan.
- Tetapkan [ᶻᶻ] pada butang dan paparan skrin akan hilang apabila butang ditekan. Lakukan salah satu tindakan berikut untuk memulihkan paparan.
  - Tekan butang selain butang kuasa
  - Putar dail pampasan pendedahan, dail mod atau dail [⚙][⚙]
  - Tukar orientasi menegak/mendatar kamera
  - Buka atau tutup denyar
  - Buka monitor LCD dan putarnya sepenuh ke atas, atau tutup monitor LCD apabila diputar sepenuhnya ke atas.

# Menyimpan Tetapan Penangkapan (Mod [C])

▶ Imej Pegun ▷ Filem

Simpan mod penangkapan yang selalu digunakan dan tetapan fungsi yang anda konfigurasi untuk penggunaan semula. Untuk mengakses tetapan yang disimpan kemudian, hanya putar dail mod ke [C]. Tetapan yang biasanya dihapus apabila anda menukar mod penangkapan atau mematikan kamera (seperti tetapan pemasa kendiri) juga boleh dikekalkan dalam cara ini.

## Tetapan yang boleh disimpan

- Mod penangkapan ([P], [Tv], [Av] dan [M])
- Item yang ditetapkan dalam mod [P], [Tv], [Av] dan [M] (📖61 – 📖84)
- Tetapan menu penangkapan
- Tetapan Menu Saya (📖91)

**1 Masuk ke mod penangkapan dengan tetapan yang anda ingin simpan dan tukar tetapan seperti yang diinginkan.**




**2 Akses skrin Daftar Tetapan.**

- Tekan butang [MENU], pilih [Custom shooting mode (C) (Mod penangkapan tersuai (C))] pada tab [🔧4] dan kemudian tekan butang [SET].




**3 Daftar.**

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [⚙] untuk memilih [Register settings (Daftar tetapan)] dan kemudian tekan butang [SET].

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

- Skrin pengesahan akan muncul. Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◎] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [SET].

- Untuk mengedit tetapan tersimpan (kecuali mod penangkapan), pilih [C], tukar tetapan dan ulangi langkah 2 – 3. Butiran tetapan ini tidak akan digunakan dalam mod penangkapan lain.

- Untuk menetapkan semula tetapan disimpan kepada tetapan lalai, pilih [Clear settings (Hapus tetapan)] dalam langkah 2, tekan butang [SET] dan kemudian pilih [OK] serta tekan butang [SET].

## Menyimpan Item Menu Penangkapan yang Biasa Digunakan (Menu Saya)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh simpan sehingga enam item menu penangkapan yang biasanya digunakan pada tab [★1]. Dengan menyesuaikan tab [★1], anda boleh mengakses item ini dengan cepat dari skrin tunggal.




### 1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih [My Menu settings (Tetapan Menu Saya)] pada tab [★1] dan kemudian tekan butang [SET] (📖32).




### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih [Select items (Pilih item)] dan kemudian tekan butang [SET].
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih item menu untuk disimpan (enam item maksimum) dan kemudian tekan butang [SET] untuk menyimpannya.
- [✓] dipaparkan.
- Untuk membatalkan penyimpanan, tekan butang [SET]. [✓] tidak dipaparkan lagi.
- Tekan butang [MENU].


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks




### 3 Atur semula item menu mengikut keperluan.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉] untuk memilih [Sort (Isih)] dan kemudian tekan butang [SET].
- Pilih item menu untuk digerakkan (sama ada tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉]) dan kemudian tekan butang [SET].
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉] untuk menukar urutan dan kemudian tekan butang [SET].
- Tekan butang [MENU].

- Item yang dikelabukan dalam langkah 2 juga boleh ditentukan, tetapi mereka mungkin tidak tersedia dalam beberapa mod penangkapan.

- Untuk menjadikan Menu Saya boleh diakses segera dengan menekan butang [MENU] dalam mod Penangkapan, pilih [Set default view (Tetapkan paparan lalai)] untuk memilih [Yes (Ya)].

- Pada skrin [Select items (Pilih item)] untuk menyimpan atau menghapus item, anda juga boleh sentuh item untuk memilih ia.
- Pada skrin [Sort (Isih)], anda juga boleh seret item untuk menukar urutan paparan.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

6

# Mod Main Balik

Nikmati hasil tangkapan anda dan semak lalu atau edit imej dengan pelbagai cara

- Bagi menyediakan kamera untuk operasi ini, tekan butang [▶] untuk masuk ke mod Main Balik.

> ! • Imej yang telah dinamakan semula atau telah diedit dalam komputer atau imej dari kamera lain mungkin tidak boleh dimain balik atau diedit.

## Melihat

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Selepas menangkap imej atau merakam filem, anda boleh melihatnya pada skrin seperti berikut.



**1 Masuk ke mod Main Balik.**

- Tekan butang [▶].
- Tangkapan terakhir anda dipaparkan.




**2 Pilih imej.**

- Untuk melihat imej sebelumnya, tekan butang [◀] atau putar dail [◉] melawan arah jam. Untuk melihat imej berikutnya, tekan butang [▶] atau putar dail [◉] mengikut arah jam.
- Tekan dan tahan butang [◀][▶] untuk menyemak lalu imej dengan cepat.






- Untuk mengakses skrin ini (Mod Paparan Tatal), putar dail [◉] dengan cepat. Dalam mod ini, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◉] untuk menyemak lalu imej.
- Tekan butang [Q/SET] untuk kembali ke paparan imej tunggal.
- Untuk menyemak lalu imej yang dikumpulkan berdasarkan tarikh penangkapan, tekan butang [▲][▼] dalam mod Paparan Tatal.
- Filem dikenal pasti dengan ikon [SET ▶]. Untuk memainkan filem, pergi ke langkah 3.




Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks




### 3 Main filem.

- Untuk mula main balik, tekan butang [⊛], tekan butang [▲][▼] untuk memilih [▶] dan kemudian tekan butang [⊛] sekali lagi.



(1)

### 4 Laraskan volum.

- Tekan butang [▲][▼] untuk melaras volum.
- Untuk melaras volum apabila penunjuk volum (1) tidak lagi dipaparkan, tekan butang [▲][▼].

### 5 Jeda main balik.

- Untuk menjeda atau menyambung semula main balik, tekan butang [⊛].
- Selepas filem tamat, [SET ▶] dipaparkan.

> - Untuk menukar kepada mod Penangkapan daripada mod Main Balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah.
> - Untuk menyahaktifkan Paparan Tatal, pilih MENU (📖32) > tab [▶3] > [Scroll Display (Paparan Tatal)] > [Off (Mati)].
> - Untuk tangkapan terkini dipaparkan ketika anda masuk ke mod Main Balik, pilih MENU (📖32) > tab [▶3] > [Resume (Sambung)] > [Last shot (Tangkapan terakhir)].
> - Untuk menukar peralihan yang ditunjukkan antara imej, akses MENU (📖32) dan pilih kesan yang diingini pada tab [▶3] > [Transition Effect (Kesan Transisi)].

## Operasi Skrin Sentuh



- Untuk melihat imej berikutnya, seret ke kiri pada skrin dan untuk melihat imej sebelumnya, seret ke kanan.




- Untuk mengakses mod Paparan Tatal, seret ke kiri atau ke kanan dengan cepat berulang kali.
- Anda juga boleh memilih imej dalam mod Paparan Tatal dengan menyeret ke kiri atau ke kanan.
- Menyentuh imej di tengah akan mengembalikan paparan imej tunggal.
- Untuk menyemak lalu imej yang dikumpulkan berdasarkan tarikh penangkapan dalam mod Paparan Tatal, seret ke atas atau bawah.
- Untuk memulakan main balik filem, sentuh [▶] dalam langkah 3 dalam “Melihat” (📖94).
- Untuk melaras volum ketika main balik filem, seret ke atas atau ke bawah dengan cepat melintasi skrin.




- Untuk menghentikan main balik, sentuh skrin. Skrin ini dipaparkan dan kamera bersedia untuk operasi seterusnya.
  - Sentuh [🔊] untuk memaparkan panel volum dan sentuh [▲][▼] untuk melaraskan volum.
  - Untuk menukar bingkai, sentuh bar tatal atau seret ke kiri atau kanan.
  - Untuk menyambung semula main balik, sentuh [▶].
  - Sentuh [⮌] untuk kembali ke skrin dalam langkah 2 dalam "Melihat" (📖93).

## Menukar Mod Paparan

Tekan butang [INFO] dalam mod main balik untuk menukar antara tiada paparan maklumat, paparan maklumat 1 (maklumat asas) dan paparan maklumat 2 (butiran).

- Menukar mod paparan tidak boleh dilakukan ketika kamera bersambung melalui Wi-Fi ke peranti selain pencetak.

## Menentukan Data Penangkapan yang Dipaparkan

Anda boleh menetapkan skrin untuk memaparkan maklumat yang diingini. Untuk butiran tentang maklumat yang dipaparkan pada setiap skrin, lihat "Main Balik" (📖175).




**1 Akses skrin tetapan.**

- Pilih [Playback information display (Paparan maklumat main balik)] pada tab [▶4] dan tekan butang [SET].




**2 Pilih maklumat untuk dipaparkan.**

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉] untuk memilih maklumat yang ingin anda paparkan dan kemudian tekan butang [SET] untuk menambah [✓].
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].

- Gunakan sampel paparan di sebelah kiri skrin untuk melihat rupa bagi kesan yang anda pilih dalam langkah 2.
- Letakkan [✓] pada [Info display 2 (Paparan maklumat 2)] untuk memaparkan maklumat tetapan daripada mod [★]. Apabila anda menekan butang [INFO], anda akan melihat tetapan [★], diikuti dengan [Info Display 2 (Paparan Maklumat 2)].

## Amaran Pendedahan Berlebihan (untuk Sorotan Imej)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Bahagian sorotan pudar pada imej berkelip pada skrin dalam paparan maklumat terperinci (📖95).

## Histogram Kecerahan

▶ Imej Pegun ▶ Filem



- Jika peniup masih gagal untuk membersihkan pengesan imej, pembersihan pengesan oleh Pusat Perkhidmatan Canon disarankan.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Memeriksa Logo Pensijilan

Sesetengah logo untuk keperluan pensijilan yang dipatuhi oleh kamera dapat dilihat pada skrin. Logo pensijilan yang lain dicetak dalam panduan ini, pada pakej kamera atau pada badan kamera.




- Pilih [Certification Logo Display (Paparan Logo Pensijilan)] pada tab [🔧4] dan kemudian tekan butang [SET].

## Menetapkan Maklumat Hak Cipta untuk Direkod dalam Imej

Untuk merekod nama pengarang dan butiran hak cipta dalam imej, tetapkan maklumat ini terlebih dahulu seperti berikut.




- Pilih [Copyright Info (Maklumat Hak Cipta)] pada tab [🔧4] dan kemudian tekan butang [SET].
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉] untuk memilih [Enter Author's Name (Masuk Nama Pengarang)] atau [Enter Copyright Details (Masuk Butiran Hak Cipta)]. Tekan butang [SET] untuk akses papan kekunci, dan masukkan nama (📖33).
- Tekan butang [MENU], dan [Accept changes? (Terima Perubahan?)] dipaparkan. Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◉] untuk memilih [Yes (Ya)] dan kemudian tekan butang [SET].
- Maklumat yang ditetapkan di sini kini akan direkod dalam imej.

- Untuk memeriksa maklumat yang dimasukkan, pilih [Display Copyright Info (Papar Maklumat Hak Cipta)] pada bahagian atas skrin dan kemudian tekan butang [SET].
- Anda juga boleh menggunakan perisian Utiliti EOS (📖158) untuk memasukkan, menukar dan memadamkan maklumat hak cipta. Sesetengah aksara yang dimasukkan menggunakan perisian mungkin tidak boleh dipaparkan pada kamera tetapi akan direkod dalam imej dengan betul.
- Anda boleh memeriksa maklumat hak cipta yang direkod dalam imej menggunakan perisian sebaik sahaja anda menyimpan imej ke komputer.

## Memadamkan Semua Maklumat Hak Cipta

Anda boleh memadam nama pengarang dan butiran hak cipta pada masa yang sama seperti berikut.




- Ikuti langkah dalam "Menetapkan Maklumat Hak Cipta untuk Direkod dalam Imej" (📖144) dan pilih [Delete Copyright Info (Padam Maklumat Hak Cipta)].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◉] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [SET].

- Maklumat hak cipta yang telah direkod dalam imej tidak akan dipadam.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Melaraskan Tetapan Lain

Fungsi berikut juga tersedia untuk penggunaan.

- [Wi-Fi Settings (Tetapan Wi-Fi)] (tab[4]) (115)
- [Custom shooting mode (C) (Mod penangkapan tersuai (C))] (tab [4]) (90)
- [ firmware ver.: *.*.* (Versi perisian tegar: *.*.*)] (tab [4]) (digunakan untuk mengemas kini perisian tegar)

> - Semasa mengemas kini perisian tegar, skrin sentuh akan dilumpuhkan untuk mengelakkan operasi tidak sengaja.

## Memulihkan Tetapan Lalai

Jika anda menukar sesuatu tetapan secara tidak sengaja, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera.




**1 Akses skrin [Clear all camera settings (Hapuskan semua tetapan kamera)].**

- Pilih [Clear all camera settings (Hapuskan semua tetapan kamera)] pada tab [4] dan kemudian tekan butang [].

**2 Pulihkan tetapan lalai.**

- Tekan butang [][] atau putar dail [] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [].
- Tetapan lalai kini dipulihkan.

> - Fungsi berikut tidak dipulihkan ke tetapan lalai.
>   - [Video system (Sistem video)] pada tab [1] (139)
>   - [Time Zone (Zon Masa)] (141), [Date/Time (Tarikh/Masa)] (141) dan [Language (Bahasa )] (141) pada tab [2]
>   - [External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)] atau [External flash C.Fn setting (Tetapan fungsi tersuai denyar luaran)] dalam [Flash Control (Kawalan Denyar)] pada tab [3]
>   - Tab [1]
>   - Tetapan pampasan pendedahan (61)
>   - Mod penangkapan (51)
>   - Tetapan Wi-Fi (115)
>   - Nilai ditentukur untuk aras elektronik (139)
>   - Maklumat hak cipta (144)


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

9

# Aksesori

Nikmati kamera melalui lebih banyak cara dengan aksesori pilihan Canon dan aksesori serasi lain yang dijual berasingan

**Penggunaan aksesori Canon yang tulen adalah disarankan.**

Produk ini direka bentuk untuk mencapai prestasi yang cemerlang apabila digunakan bersama aksesori Canon yang tulen.
Canon tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan produk dan/atau kemalangan seperti api, dll yang disebabkan oleh kepincangan aksesori Canon yang bukan tulen (mis., kebocoran dan/atau letupan pek bateri). Sila ambil perhatian bahawa jaminan tidak termasuk pembaikan yang timbul akibat kepincangan aksesori Canon yang bukan tulen, tetapi anda boleh meminta pembaikan demikian dengan bayaran.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

# Peta Sistem




*1 Bergantung pada lensa yang dipasangkan, penggunaan Kord Shoe Luar Kamera OC-E3 (dijual berasingan) mungkin diperlukan.

*2 Juga tersedia untuk pembelian berasingan.

# Aksesori Pilihan

Aksesori kamera berikut dijual berasingan. Sila ambil perhatian bahawa ketersediaan berbeza mengikut kawasan dan sesetengah aksesori mungkin sudah tidak tersedia lagi.

## Lensa

### Lensa EF-M, lensa EF, lensa EF-S

- Pilih daripada pelbagai jenis lensa untuk menyokong apa jua sasaran atau ekspresi yang anda inginkan. Penyesuai Cagak EF-EOS M diperlukan untuk memasang lensa EF dan EF-S.



### Penyesuai Cagak EF-EOS M

- Gunakan penyesuai cagak ini untuk memasangkan lensa EF atau EF-S pada kamera anda.

## Bekalan Kuasa



### Pek Bateri LP-E17

- Bateri litium-ion yang boleh dicas semula.

### Pengecas Bateri LC-E17E

- Pengecas bagi Pek Bateri LP-E17

- Mesej [Battery communication error (Ralat komunikasi bateri)] dipaparkan jika anda menggunakan pek bateri Canon yang tidak asli dan respons pengguna diperlukan. Ambil perhatian bahawa Canon tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan disebabkan oleh kemalangan, seperti kepincangan atau kebakaran, yang berlaku akibat daripada penggunaan pek bateri Canon yang tidak asli.

- Pek bateri disertakan dengan penutup mudah yang boleh dipasangkan supaya ▲ kelihatan pada pek bateri yang dicas penuh dan pasangkannya supaya ▲ tidak kelihatan pada pek bateri yang tidak dicaskan.



### Kit Penyesuai AC ACK-E17

- Untuk membekalkan kuasa kepada kamera menggunakan kuasa rumah. Disarankan apabila menggunakan kamera untuk jangka masa yang lama atau apabila menyambungkan kamera ke pencetak atau komputer. Tidak boleh digunakan untuk mengecas pek bateri dalam kamera.

- Pengecas bateri dan kit penyesuai AC boleh digunakan di kawasan dengan kuasa sebesar 100 – 240 V AC (50/60 Hz).
- Bagi saluran keluar kuasa dalam format lain, gunakan penyesuai yang tersedia secara komersil untuk palam. Jangan gunakan transformer elektrik yang direka untuk pelancongan, kerana ia mungkin merosakkan pek bateri.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Denyar



### Speedlite 600EX-RT/600EX/430EX II/ 320EX/270EX II/90EX

- Unit denyar dengan cagakan shoe yang membolehkan banyak gaya fotografi denyar. Speedlite 580EX II, 580EX, 550EX, 430EX, 420EX, 380EX, 270EX dan 220EX juga disokong.



### Penghantar Speedlite ST-E3-RT/ST-E2

- Membolehkan kawalan wayarles unit denyar Speedlite bantu (kecuali Speedlite 220EX/270EX).
- Kord Shoe Luar Kamera OC-E3 mungkin diperlukan apabila menggunakan ST-E2 dengan sesetengah lensa.



### Macro Twin Lite MT-24EX<br>Macro Ring Lite MR-14EX II/MR-14EX

- Unit denyar makro luaran yang membolehkan banyak gaya fotografi denyar makro.



### Kord Shoe Luar Kamera OC-E3

- Kord sambungan untuk menggunakan Speedlite jauh dari kamera.

## Aksesori Lain



### Pemidang Tilik Elektronik EVF-DC1

- Menjadikannya lebih mudah untuk mendapatkan tangkapan yang anda inginkan.



### Alat Kawalan Jauh RC-6

- Membolehkan anda menangkap menggunakan kamera tetap daripada jarak yang jauh.



### Jaket Badan EH27-CJ

- Melindungi kamera daripada debu dan calar. Jaga dengan baik untuk menghalang kelunturan warna kulit.



### Tali Sandang EM-E2

- Tali yang diperbuat daripada bahan kulit yang sama seperti Jaket Badan EH27-CJ. Jaga dengan baik untuk mengelakkan kelunturan warna.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks



### Kabel Antara muka IFC-400PCU

- Untuk menyambungkan kamera ke komputer atau pencetak.
- IFC-200U dan IFC-500U juga serasi.



### Kabel HDMI HTC-100

- Untuk menyambungkan kamera ke input HDMI bagi TV definisi tinggi.

## Pencetak



### Pencetak Serasi PictBridge Jenama Canon

- Mencetak imej tanpa komputer boleh dilakukan dengan menyambungkan kamera secara langsung ke pencetak. Untuk butiran, lawati peruncit Canon yang terdekat dengan anda.

# Menggunakan Aksesori Pilihan

▶ Imej Pegun ▶ Filem

## Main Balik pada TV

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Menyambungkan kamera ke HDTV dengan Kabel HDMI HTC-100 (dijual berasingan) membolehkan anda melihat tangkapan anda pada skrin TV yang lebih besar. Filem yang dirakam pada kualiti imej [FHD 29.97P], [FHD 23.98P], [HD 59.94P], [FHD 25.00P] atau [HD 50.00P] boleh ditonton dalam definisi tinggi.
Untuk butiran mengenai sambungan atau cara menukar input, rujuk kepada manual TV.

**1 Pastikan kamera dan TV dimatikan.**

**2 Sambungkan kamera ke TV.**



- Pada TV, masukkan palam kabel sepenuhnya ke dalam input HDMI seperti yang ditunjukkan.



- Pada kamera, buka penutup terminal dan masukkan palam kabel sepenuhnya ke dalam terminal kamera.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## 3 Hidupkan TV dan tukar ke input luaran.

- Tukar input TV ke input luaran yang anda sambungkan kabel padanya dalam langkah 2.

## 4 Hidupkan kamera.

- Tekan butang [▶] untuk menghidupkan kamera.
- Imej daripada kamera kini dipaparkan pada TV. (Skrin kamera tidak memaparkan apa-apa.)
- Setelah selesai, matikan kamera dan TV sebelum mencabut kabel.

> - Operasi skrin sentuh tidak disokong ketika kamera disambungkan ke televisyen.

> - Apabila kamera dan TV bersambung, anda juga boleh menangkap sambil melihat tangkapan pada skrin TV yang lebih besar. Untuk menangkap, ikuti langkah yang sama seperti apabila menggunakan skrin kamera. Namun, pembesaran imej (📖100) tidak tersedia.
> - Kamera tidak akan berbunyi bip.

# Membekalkan Kuasa Kamera dengan Kuasa Rumah

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Membekalkan kuasa kamera dengan Kit Penyesuai AC ACK-E17 (dijual berasingan) menyingkirkan keperluan untuk memantau baki aras kuasa bateri.

## 1 Pastikan kamera dimatikan.




## 2 Masukkan pengganding.

- Ikuti langkah 1 dalam “Memasukkan Pek Bateri dan Kad Memori” (📖17) untuk membuka penutup.
- Memegang pengganding dengan terminal (1) menghadap arah yang ditunjukkan, masukkan pengganding sama seperti anda memasukkan pek bateri (ikuti langkah 2 dalam “Memasukkan Pek Bateri dan Kad Memori” (📖17)).
- Ikuti langkah 4 dalam “Memasukkan Pek Bateri dan Kad Memori” (📖18) untuk menutup penutup.

## 3 Sambungkan penyesuai ke pengganding.




- Buka penutup dan masukkan palam penyesuai sepenuhnya ke dalam pengganding.

## 4 Sambungkan kord kuasa.



- Masukkan salah satu hujung kord kuasa ke dalam penyesuai kuasa padat dan kemudian masukkan hujung lain ke dalam saluran keluar kuasa.
- Hidupkan kamera dan gunakannya mengikut keinginan.
- Setelah selesai, matikan kamera dan cabut kord kuasa dari saluran keluar kuasa.

- Jangan putuskan sambungan penyesuai atau cabut kord kuasa ketika kamera masih hidup. Ini mungkin akan memadamkan tangkapan anda atau merosakkan kamera.
- Jangan pasangkan penyesuai atau kord penyesuai ke objek lain. Hal ini mungkin menyebabkan kepincangan atau kerosakan produk.

## Penangkapan Kawalan Jauh

Gunakan Alat Kawalan Jauh RC-6 (dijual berasingan) untuk menangkap gambar sehingga kira-kira 5 meter (16 kaki) dari hadapan kamera.



- Ikuti langkah 1 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (40) dan pilih .
- Halakan Alat Kawalan Jauh ke arah pengesan kawalan jauh kamera dan tekan butang hantar untuk menangkap.

- Gambar tidak diambil sehingga fokus dicapai.
- Pencahayaan pendarfluor atau LED mungkin menyebabkan operasi kamera yang salah dengan mencetuskan pengatup secara tidak sengaja. Cuba jauhkan kamera daripada sumber cahaya yang sedemikian.
- Jika anda menghalakan kawalan jauh untuk set TV ke arah kamera dan mengoperasikannya, ia mungkin menyebabkan pengoperasian kamera yang salah dengan mencetuskan pengatup secara tidak sengaja.

- Alat Kawalan Jauh juga boleh digunakan untuk merakam filem (58).

## Menggunakan Hot Shoe

Hot shoe digunakan untuk memasang pemidang tilik elektronik dan denyar luaran (dijual berasingan).



### 1 Keluarkan penutup hot shoe.

- Tarik keluar penutup mengikut arah yang ditunjukkan oleh anak panah.
- Bagi mengelakkan kehilangan penutup tersebut, letakkannya dalam selongsong yang digunakan untuk pemidang tilik elektronik atau denyar luaran anda.



### 2 Pasang penutup hot shoe.

- Selepas menanggalkan denyar luaran atau pemidang tilik, pasangkan semula penutup untuk melindungi hot shoe.
- Masukkan penutup mengikut arah yang ditunjukkan oleh anak panah.

- Jangan naikkan denyar dalaman apabila aksesori selain daripada Pemidang tilik Elektronik EVF-DC1 terpasang pada hot shoe. Denyar mungkin akan terkena pada aksesori. Denyar tidak akan bernyala pada masa ini.

- Jangan membuka monitor LCD menghala ke atas apabila aksesori seperti pemidang tilik elektronik atau denyar luaran dipasangkan pada hot shoe. Monitor mungkin terkena pada pemidang tilik atau denyar.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Menggunakan Pemidang Tilik Elektronik (Dijual Berasingan)

▶ **Imej Pegun** ▶ **Filem**

Gunakan pemidang tilik elektronik (dijual berasingan) supaya subjek sentiasa berada dalam pemerhatian anda dan membuatkan penangkapan menjadi lebih mudah.
Apabila menggunakan pemidang tilik elektronik, masa penangkapan dan bilangan gambar berkurang berbanding dengan menggunakan skrin belakang kamera (Monitor LCD).







**1 Pastikan kamera dimatikan.**

**2 Pasangkan pemidang tilik elektronik pada hot shoe.**

- Tanggalkan penutup pemidang tilik elektronik.
- Masukkan pemidang tilik elektronik ke dalam hot shoe (📖152) seperti yang ditunjukkan sehingga ia klik ke tempatnya.

**3 Laraskan sudut pemidang tilik elektronik.**

- Laraskan sudut pemidang tilik elektronik sehingga kira-kira 90 darjah, mengikut keperluan pemandangan atau sasaran anda.

**4 Hidupkan kamera dan tukar kepada paparan kamera atau pemidang tilik elektronik.**

- Dekatkan mata anda dengan pemidang tilik elektronik dan skrin kamera akan terpadam.
- Jauhkan mata anda dan kamera akan memadamkan paparan pemidang tilik dan menghidupkan semula skrin kamera.



**5 Laraskan paparan.**

- Putar dail sehingga anda boleh melihat paparan pemidang tilik elektronik dengan jelas.



**6 Tanggalkan dari kamera.**

- Sebaik sahaja anda selesai, matikan kamera dan tekan butang [UNLOCK] pemidang tilik elektronik sambil anda menanggalkannya.
- Tanggalkan pemidang tilik elektronik dari kamera dan simpan di tempat yang selamat apabila tidak digunakan.

> **!**
> - Paparan skrin kamera dan pemidang tilik elektronik tidak boleh diaktifkan pada masa yang sama.
> - Kawalan skrin sentuh kamera tidak tersedia dalam mod paparan pemidang tilik elektronik.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

- Walaupun pemidang tilik elektronik dihasilkan dalam keadaan pembuatan ketepatan yang sangat tinggi dan lebih daripada 99.99% piksel memenuhi spesifikasi reka bentuk, dalam kes terpencil, sesetengah piksel mungkin rosak atau kelihatan seperti titik merah atau hitam. Ini bukan kepincangan. Ia tidak mempengaruhi imej yang direkod.
- Bar hitam menegak atau mendatar mungkin dipaparkan bergantung pada nisbah bidang yang dipilih (45). Bar hitam menunjukkan kawasan imej yang tidak dirakam.
- Tekan butang [] pada pemidang tilik elektronik untuk menukar skrin yang dipaparkan.
- Dalam menu (32), tetapkan pilihan [Display Control (Kawalan Paparan)] pada tab [1] kepada [Manual] supaya skrin kamera tidak dihidupkan walaupun apabila anda mengalihkan mata anda daripada pemidang tilik. Tekan butang [] pada pemidang tilik elektronik untuk mengembalikan paparan kamera dalam mod ini.
- Menggunakan pemidang tilik elektronik dalam mod [], [P], [Av], [Tv] dan [M] akan menghasilkan paparan yang lebih lancar dalam kedua-dua skrin pemidang tilik dan kamera. Dalam menu (32), tetapkan pilihan [Display Mode (Mod Paparan)] pada tab [1] kepada [Power Saving (Jimat kuasa)] untuk kembali ke paparan biasa dan menjimatkan kuasa bateri.
- Jika paparan skrin Wi-Fi (115) atau papan kekunci (33) dikembalikan dalam mod pemidang tilik elektronik, paparan akan bertukar kembali ke skrin kamera.
- Tetapan kecerahan yang berbeza (140) boleh ditetapkan untuk skrin pemidang tilik elektronik dan kamera.

## Menggunakan Denyar Luaran (Dijual Berasingan)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Fotografi denyar yang lebih canggih boleh dilakukan dengan denyar Speedlite siri EX pilihan. Untuk rakaman filem yang menggunakan lampu LED, denyar Speedlite 320EX pilihan adalah tersedia.

- Unit denyar Canon bukan siri EX mungkin tidak menyala dengan betul atau tidak menyala langsung, dalam keadaan tertentu.
- Penggunaan unit denyar bukan Canon (khususnya unit denyar dengan voltan tinggi) atau aksesori denyar mungkin menghalang operasi kamera biasa dan mungkin merosakkan kamera.

- Rujuk kepada manual Speedlite siri EX untuk maklumat tambahan. Kamera ini ialah Jenis A yang boleh menggunakan semua ciri Speedlite siri EX.

**1 Pasangkan denyar.**

- Pastikan bahawa kamera sudah dimatikan sebelum memasang denyar.

**2 Hidupkan denyar dan kemudian hidupkan kamera.**

- Satu ikon [] merah kini dipaparkan.
- Lampu panduan denyar akan menyala apabila denyar bersedia.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

### 3 Pilih mod penangkapan [P], [Tv], [Av] atau [M].

- Tetapan denyar hanya boleh dikonfigurasi dalam mod-mod tersebut. Dalam mod lain, denyar dilaraskan dan bernyala secara automatik mengikut keperluan.

### 4 Konfigurasikan denyar luaran. (155)

- Pastikan kord (dari macro ring lite atau macro twin lite dan juga kord shoe luar kamera) berada jauh dari kepala denyar.
- Apabila menggunakan tripod, laraskan posisi kaki untuk menghalang kepala denyar dari bersentuhan dengan kaki.
- Bergantung pada posisi dimana anda telah memasangkan kawalan denyar, ia mungkin akan bersentuh dengan monitor LCD. Untuk mengelakkan hal ini, laraskan kedudukan pemasangan atau orientasi pengawal atau laraskan sudut monitor.

- Tetapan bagi denyar terbina dalam tidak boleh dikonfigurasi ketika denyar Speedlite siri EX terpasang, kerana skrin tetapan tersebut tidak boleh diakses lagi.
- Anda juga boleh mengakses skrin tetapan dengan menekan butang [▶] selama kira-kira satu saat.
- Hanya 320EX: Pencahayaan LED auto hanya tersedia dalam rakaman filem cahaya rendah atau dalam mod Filem. Dalam kes ini, ikon [ ] ditunjukkan.
- Lampu bantuan AF pada denyar luaran tidak akan bernyala. Jika menggunakan Speedlite 320EX (dijual berasingan), cahaya LED mungkin dihidupkan untuk berfungsi sebagai lampu bantuan AF.

## Menetapkan Fungsi Denyar Luaran

Apabila denyar luaran dipasangkan, pergi ke [Flash Control (Kawalan Denyar)] pada tab [3] menu (32) untuk melaraskan tetapan yang berikut:

- Penyalaan Denyar (75)
- Pemeteran E-TTL II (77)
- Pengurangan Mata merah (47)
- Tetapan Fungsi Denyar Luaran (155)
- Tetapan Fungsi Tersuai Denyar Luaran (157)
- Set semula (157)




- Pilih [External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)] dan tekan butang [SET] untuk memaparkan skrin di sebelah kiri.
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih pilihan dan tekan butang [SET]. Pada skrin seterusnya, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [ ] untuk memilih tetapan dan kemudian tekan butang [SET] untuk melaraskannya.

| Pilihan | Penerangan |
|---|---|
| Flash Mode (Mod Denyar) | Anda boleh memilih mod denyar supaya sesuai dengan penangkapan denyar yang anda inginkan.<br>• [E-TTL II flash metering (Pemeteran denyar E-TTL II)] adalah mod standard Speedlite siri EX untuk penangkapan denyar automatik.<br>• Mod [Manual flash (Denyar manual)] adalah untuk menetapkan [Flash output level (Tahap output denyar)] Speedlite dengan diri anda.<br>• Untuk maklumat mengenai mod denyar yang lain, rujuk kepada manual arahan Speedlite yang serasi. |

| Pilihan | Penerangan |
|---|---|
| Wireless Func. (Fungsi Wayarles) | Penangkapan denyar wayarles (berbilang) tersedia. Apabila menangkap dengan berbilang denyar, anda juga boleh menetapkan saluran radio, saluran optik dan nyalaan denyar induk. Untuk maklumat lanjut mengenai denyar wayarles, rujuk kepada manual arahan Speedlite yang serasi dengan denyar wayarles. |
| Flash zoom (Flash coverage) (Zum denyar (Liputan denyar)) | Dengan Speedlite yang mempunyai kepala denyar pengezuman, anda boleh menetapkan liputan denyar. Biasanya, tetapkan ini kepada [AUTO] supaya kamera akan menetapkan liputan denyar secara automatik untuk memadankan dengan jarak fokus lensa. |
| Shutter synchronization (Penyegerakan pengatup) | Tukar pemasaan denyar dan pelepasan pengatup seperti berikut.<br>● [ ] akan menyalakan denyar sejurus selepas pengatup terbuka.<br>● [ ] akan menyalakan denyar sejurus sebelum tirai kedua tertutup. Jika kelajuan pengatup adalah 1/30 saat atau lebih cepat, penyegerakan tirai pertama akan digunakan secara automatik walaupun jika [Second-curtain synchronization (Penyegerakan tirai kedua)] ditetapkan.<br>● [ H] membenarkan anda menggunakan denyar pada semua kelajuan pengatup. Ini berkesan terutamanya untuk potret yang menggunakan denyar tokok apabila anda ingin mengutamakan tetapan apertur. |
| Flash Exp. Comp (Pampasan Pendedahan Denyar) | Ini membolehkan anda melaraskan pampasan pendedahan apabila denyar menyala. Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada manual arahan untuk denyar tersebut. Jika pampasan pendedahan denyar ditetapkan pada Speedlite, anda tidak dapat menetapkannya pada kamera. Jika ia ditetapkan pada kedua-dua kamera dan denyar, tetapan denyar akan mengatasi tetapan kamera. |

| Pilihan | Penerangan |
|---|---|
| Flash output level (Tahap output denyar) | Tentukan kuasa output denyar. Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada manual arahan untuk denyar tersebut. Jika ia ditentukan pada kedua-dua kamera dan denyar, tetapan denyar akan mengatasi tetapan kamera. |
| Flash exposure bracketing (Braketing pendedahan denyar) | Mengaktifkan FEB (Flash Exposure Bracketing (Braketing Pendedahan Denyar)), mengambil tiga tangkapan sambil menukar output denyar secara automatik. Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada manual arahan denyar serasi FEB anda. |
| Flash count, Flash frequency (Kiraan denyar, Kekerapan denyar) | Menetapkan kiraan dan kekerapan denyar apabila [Flash Mode (Mod Denyar)] ditetapkan kepada [MULTI (Berbilang)]. |
| Ratio control (Kawalan nisbah) | Menetapkan aras output denyar apabila menggunakan penangkapan wayarles (berbilang denyar) atau MR-14EX II. |

- Skrin [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)] tidak boleh diakses apabila denyar luaran terpasang.
- Pada skrin, fungsi yang boleh ditetap dan paparan akan berbeza bergantung pada Speedlite, mod denyar semasa, tetapan Fungsi Tersuai denyar, dll. Untuk maklumat lanjut mengenai fungsi denyar Speedlite, rujuk kepada manual arahan Speedlite (dijual berasingan).
- Dengan Speedlite siri EX yang tidak serasi dengan tetapan fungsi denyar, hanya [Flash Exp. Comp (Pampasan Pendedahan Denyar)] boleh dilaraskan. ([Shutter synchronization (Penyegerakan pengatup)] juga boleh ditetapkan dengan Speedlite siri EX yang tertentu.)

## Menetapkan Fungsi Tersuai Denyar Luaran

Untuk maklumat lanjut mengenai Fungsi Tersuai Speedlite, rujuk kepada manual arahan Speedlite (dijual berasingan).




- Tekan butang [MENU], pilih [External flash C.Fn setting (Tetapan Fungsi Tersuai denyar luaran)] (dalam [Flash Control (Kawalan Denyar)] pada tab [📷3]) dan kemudian tekan butang [(SET)].
- Tekan butang [◄][►] atau putar dail [◎] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [(SET)]. Pada skrin seterusnya, tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih tetapan dan kemudian tekan butang [(SET)] untuk melaraskannya.

- Tetapkan [Flash metering mode (Mod pemeteran denyar)] kepada [1:TTL] (pemeteran denyar automatik) dalam [External flash C.Fn setting (Tetapan Fungsi Tersuai denyar luaran)] untuk menyalakan denyar dengan sepenuhnya apabila menangkap.

## Menetapkan semula Fungsi Denyar Luaran

Anda boleh menetapkan semula pilihan dalam skrin [External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)] dan [External flash C.Fn setting (Tetapan Fungsi Tersuai denyar luaran)] kepada tetapan lalai masing-masing.




- Tekan butang [MENU], pilih [Clear settings (Hapus tetapan)] (dalam [Flash Control (Kawalan Denyar)] pada tab [📷3]) dan kemudian tekan butang [(SET)].
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [(SET)]. Pada skrin seterusnya, tekan butang [◄][►] atau putar dail [◎] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [(SET)].

- [Clear built-in flash set. (Hapus tetapan denyar terbina dalam)] tidak boleh diakses apabila denyar luaran terpasang.

## Menggunakan Mikrofon Luaran

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Sambungkan mikrofon yang dilengkapi dengan palam mini (3.5 mm diameter) yang boleh didapati secara komersil kepada terminal IN mikrofon luaran (📖3). Bunyi akan dirakam menggunakan mikrofon luaran. Mikrofon dalaman tidak akan digunakan apabila mikrofon luaran disambungkan.




- Buka penutup dan sambungkan mikrofon luaran.

- Tetapan akan digunakan pada mikrofon luaran dan juga apabila pengecil didayakan (📖59).
- Apabila menggunakan mikrofon luaran, [Wind Filter (Tapisan Angin)] (📖59) sentiasa ditetapkan kepada [Off (Mati)].

# Menggunakan Perisian

Perisian yang tersedia untuk dimuat turun dari laman web Canon diperkenalkan di bawah, dengan arahan untuk pemasangan dan penyimpanan imej ke komputer.

## Perisian

Selepas memuat turun perisian dari laman web Canon dan memasangnya, anda boleh melakukan yang berikut pada komputer anda.

- EOS Utility
  - Import imej dan menukar tetapan kamera
- Digital Photo Professional
  - Semak lalu, proses dan edit imej RAW
- Picture Style Editor
  - Edit Gaya Gambar dan cipta serta simpan fail Gaya Gambar yang asal
- Image Transfer Utility
  - Sediakan Penyegerakan Imej (📖131) dan terima imej

- Untuk melihat atau mengedit filem pada komputer anda, gunakan perisian yang menyokong filem yang dirakam dengan kamera anda (mis. perisian yang dipasang sebagai standard pada komputer anda atau perisian yang tersedia secara umum).

### Manual Arahan Perisian

Muat turun manual arahan perisian dari laman web Canon.



- Dengan komputer yang disambungkan ke Internet, pergi ke "http://www.canon.com/icpd/".
- Akses laman untuk negara atau rantau anda.

## Memeriksa Persekitaran Komputer Anda

Perisian ini boleh digunakan pada komputer berikut. Untuk keperluan sistem dan maklumat keserasian yang terperinci, termasuk sokongan dalam sistem pengendalian yang baharu, lawati laman web Canon.

| | Windows | Mac OS |
|---|---|---|
| Sistem Operasi | Windows 8/8.1<br>Windows 7 SP1 | Mac OS X 10.9<br>Mac OS X 10.8 |

- Periksa laman Web Canon untuk keperluan sistem terbaharu, termasuk versi OS yang disokong.

## Memasangkan Perisian

**1 Muat turun perisian.**

- Dengan komputer yang disambungkan ke Internet, pergi ke "http://www.canon.com/icpd/".
- Akses laman untuk negara atau rantau anda.
- Muat turun perisian.

**2 Klik [Easy Installation] dan ikuti arahan pada skrin.**

- Dwiklik pada fail yang dimuat turun dan kemudian klik pada [Easy Installation].
- Ikuti arahan pada skrin untuk melengkapkan proses pemasangan.
- Pemasangan mungkin mengambil sedikit masa, bergantung pada prestasi komputer dan sambungan Internet.
- Klik [Finish] atau [Restart] pada skrin selepas pemasangan.

## Menyimpan Imej ke Komputer

Gunakan kabel antara muka (2) untuk menyambungkan kamera anda dan menyimpan imej ke komputer peribadi.
Windows 7 dan Mac OS X 10.8 digunakan di sini untuk tujuan ilustrasi sahaja.





### 1 Sambungkan kamera ke komputer.

- Dengan kamera dimatikan, buka penutup (1). Dengan palam kabel yang lebih kecil mengikut orientasi yang ditunjukkan, masukkan palam sepenuhnya ke dalam terminal kamera (2).
- Masukkan palam kabel yang lebih besar ke dalam port USB komputer. Untuk butiran mengenai sambungan USB pada komputer, rujuk kepada manual pengguna komputer.



### 2 Hidupkan kamera dan buka EOS Utility.

- Tekan butang [▶] untuk menghidupkan kamera.
- Pada Windows, dwiklik ikon EOS Utility pada desktop.
- Pada Mac OS, klik ikon EOS Utility dalam Dock (bar di bahagian bawah skrin desktop).
- Pada sambungan yang seterusnya, EOS Utility akan bermula secara automatik apabila anda menyambungkan kamera ke komputer dan menghidupkan kamera.

### 3 Import imej.

- Klik pada [Download images to computer], kemudian [Start automatic download].
- Imej akan dimuat ke dalam komputer dan disimpan ke folder Pictures, dalam fail berasingan yang dinamakan mengikut tarikh. Kemudian, Digital Photo Professional akan bermula secara automatik dan memaparkan imej yang dimuatkan.
- Selepas proses pemuatan imej selesai, tutup EOS Utility, tekan butang [▶] untuk mematikan kamera dan menanggalkan kabel.
- Untuk melihat imej yang dimuatkan ke dalam komputer anda, gunakan Digital Photo Professional; untuk melihat filem yang diimport ke komputer anda, gunakan perisian yang menyokong filem yang dirakam dengan kamera anda (mis. perisian yang dipasang sebagai standard pada komputer anda atau perisian yang tersedia secara umum).

- Kali pertama anda menyambungkan kamera ke komputer, pemacu akan dipasang, jadi ini mungkin mengambil masa beberapa minit sehingga imej dalam kamera boleh diakses.
- Walaupun anda boleh menyimpan imej ke komputer hanya dengan menyambungkan kamera anda ke komputer tanpa menggunakan perisian, batasan berikut dikenakan.
  - Selepas anda menyambungkan kamera ke komputer, ia mungkin mengambil masa beberapa minit hingga imej dalam kamera boleh diakses.
  - Imej yang ditangkap dalam orientasi menegak mungkin akan disimpan dalam orientasi mendatar.
  - Imej RAW (atau imej JPEG yang dirakam dengan imej RAW) mungkin tidak disimpan.
  - Tetapan perlindungan imej mungkin dipadamkan daripada imej yang disimpan dalam komputer.
  - Sesetengah masalah mungkin berlaku apabila menyimpan imej atau maklumat imej, bergantung pada versi sistem pengendalian, perisian yang sedang digunakan atau saiz fail imej.

# Mencetak Imej

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Tangkapan anda boleh dicetak dengan mudah dengan menyambungkan kamera ke pencetak. Pada kamera, anda boleh menentukan imej untuk menyediakan pencetakan berkelompok, menyiapkan pesanan untuk perkhidmatan pencucian foto dan menyiapkan pesanan atau mencetak imej untuk buku foto.
Pencetak foto padat siri SELPHY CP Canon digunakan di sini untuk tujuan ilustrasi sahaja. Skrin yang dipaparkan dan fungsi yang tersedia berbeza mengikut pencetak. Rujuk kepada manual pencetak untuk maklumat tambahan.

## Pencetakan Mudah

▶ Imej Pegun ▷ Filem

Cetak tangkapan anda dengan mudah dengan menyambungkan kamera ke pencetak serasi PictBridge (dijual berasingan) menggunakan kabel antara muka (📖2).

**1 Pastikan kamera dan pencetak dimatikan.**

**2 Sambungkan kamera ke pencetak.**





- Buka penutup terminal. Dengan memegang palam kabel yang kecil dalam orientasi seperti yang ditunjukkan, masukkan palam sepenuhnya ke dalam terminal kamera.
- Sambungkan palam kabel yang lebih besar ke pencetak. Untuk butiran sambungan yang lain, rujuk kepada manual pencetak.


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

**3** **Hidupkan pencetak.**



**4** **Hidupkan kamera.**

- Tekan butang [▶] untuk menghidupkan kamera.

**5** **Pilih imej.**

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◎] untuk memilih imej.




**6** **Akses skrin pencetakan.**

- Tekan butang [SET], pilih [⎙] dan tekan [SET] sekali lagi.




**7** **Cetak imej tersebut.**

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih [Print (Cetak)] dan kemudian tekan butang [SET].
- Pencetakan kini bermula.
- Untuk mencetak imej lain, ulangi prosedur di atas bermula dari langkah 5 setelah pencetakan selesai.
- Apabila anda sudah selesai mencetak, matikan kamera dan pencetak dan putuskan sambungan kabel.

> - Untuk pencetak serasi PictBridge jenama Canon (dijual berasingan), lihat "Pencetak" (📖150).

## Mengkonfigurasikan Tetapan Pencetakan

▶ Imej Pegun ▷ Filem




**1** **Akses skrin pencetakan.**

- Ikuti langkah 1 – 6 dalam "Cetak Mudah" (📖160) untuk mengakses skrin ini.

**2** **Konfigurasikan tetapan.**

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih pilihan. Tekan butang [SET] dan pada skrin seterusnya, tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk melaraskan pilihan. Tekan butang [SET] untuk kembali ke skrin pencetakan.

| | | |
|---|---|---|
| | Default (Tetapan lalai) | Padan dengan tetapan pencetak semasa. |
| | Date (Tarikh) | Mencetak imej dengan penambahan tarikh. |
| | File No. (Nombor Fail) | Mencetak imej dengan penambahan nombor fail. |
| | Both (Kedua-dua) | Mencetak imej dengan penambahan tarikh dan nombor fail. |
| | Off (Mati) | – |
| | Default (Tetapan lalai) | Padan dengan tetapan pencetak semasa. |
| | Off (Mati) | – |
| | On (Hidup) | Menggunakan maklumat dari waktu penangkapan untuk mencetak dengan tetapan yang optimum. |
| | Red-Eye 1 (Mata Merah 1) | Membetulkan mata merah. |
| | Copies (Salinan) | Pilih jumlah helaian yang akan dicetak. |
| Cropping (Pemotongan) | – | Menentukan kawasan imej yang ingin dicetak (📖162). |
| Paper Settings (Tetapan Kertas) | – | Tentukan saiz, tataletak dan butiran lain bagi kertas (📖162). |


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Memotong Imej sebelum Mencetak

▶ Imej Pegun ▷ Filem

Dengan memotong imej sebelum mencetak, anda boleh mencetak kawasan imej yang diinginkan sahaja, bukan keseluruhan imej.




**1** **Pilih [Cropping (Pemotongan)].**

- Selepas mengikuti langkah 1 dalam “Mengkonfigurasikan Tetapan Pencetakan” (📖161) untuk mengakses skrin pencetakan, pilih [Cropping (Pemotongan)] dan tekan butang [SET].
- Bingkai pemotongan kini dipaparkan, menunjukkan kawasan imej untuk dicetak.




**2** **Laraskan bingkai pemotongan mengikut keperluan.**

- Untuk menukar saiz bingkai, tekan butang [🔍] atau [⊞] atau putar dail [◎].
- Untuk menggerakkan bingkai, tekan butang [▲][▼][◀][▶].
- Untuk memutar bingkai, tekan butang [INFO.].
- Apabila selesai, tekan butang [SET].

**3** **Cetak imej tersebut.**

- Ikuti langkah 7 dalam “Pencetakan Mudah” (📖160) untuk mencetak.

> ❗ • Pemotongan mungkin tidak boleh dilakukan pada saiz imej kecil atau pada sesetengah nisbah bidang.

## Memilih Saiz Kertas dan Tataletak sebelum Mencetak

▶ Imej Pegun ▷ Filem




**1** **Pilih [Paper Settings (Tetapan Kertas)].**

- Selepas mengikuti langkah 1 dalam “Mengkonfigurasikan Tetapan Pencetakan” (📖161) untuk mengakses skrin pencetakan, pilih [Paper Settings (Tetapan Kertas)] dan tekan butang [SET].




**2** **Pilih saiz kertas.**

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [SET].




**3** **Pilih jenis kertas.**

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [SET].




**4** **Pilih tataletak.**

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [SET].
- Apabila memilih [N-up (N imej)], tekan butang [SET]. Pada skrin seterusnya, tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih bilangan imej untuk dicetak dan kemudian tekan butang [SET].

**5** **Cetak imej tersebut.**


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Pilihan Tataletak Tersedia

| | |
|---|---|
| Default (Tetapan lalai) | Padan dengan tetapan pencetak semasa. |
| Bordered (Berbingkai) | Mencetak dengan ruang kosong di keliling imej. |
| Borderless (Tanpa bingkai) | Tanpa bingkai, pencetakan pinggir-ke-pinggir. |
| N-up (N imej) | Pilih jumlah imej untuk dicetak pada setiap helaian. |
| ID Photo (Gambar ID) | Mencetak imej untuk tujuan pengenalan.<br>Hanya tersedia untuk imej dengan tetapan piksel L dan nisbah bidang 3:2. |
| Fixed Size (Saiz Tetap) | Pilih saiz cetak.<br>Pilih dari 3.5 x 5 inci, poskad atau pencetakan format lebar. |

## Mencetak Gambar ID

▶ Imej Pegun ▷ Filem




### 1 Pilih [ID Photo (Gambar ID)].

- Ikuti langkah 1 – 4 dalam “Memilih Saiz Kertas dan Tataletak sebelum Mencetak” (📖162), pilih [ID Photo (Gambar ID)] dan tekan butang [SET].

### 2 Pilih kepanjangan sisi panjang dan sisi pendek.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉] untuk memilih pilihan. Tekan butang [SET] dan pada skrin seterusnya, tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉] untuk memilih panjang dan kemudian tekan [SET].




### 3 Pilih kawasan cetakan.

- Ikuti langkah 2 dalam “Memotong Imej sebelum Mencetak” (📖162) untuk memilih kawasan pencetakan.

### 4 Cetak imej tersebut.

## Mencetak Adegan Filem

▷ Imej Pegun ▶ Filem




### 1 Akses skrin pencetakan.

- Ikuti langkah 1 – 6 dalam “Pencetakan Mudah” (📖160) untuk memilih filem. Skrin ini dipaparkan.

### 2 Pilih kaedah pencetakan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [ ]. Tekan butang [SET] dan pada skrin seterusnya, tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉] untuk memilih kaedah pencetakan dan kemudian tekan butang [SET] untuk kembali ke skrin pencetakan.

### 3 Cetak imej tersebut.

## Pilihan Pencetakan Filem

| | |
|---|---|
| Single (Tunggal) | Mencetak adegan semasa sebagai imej pegun. |
| Sequence (Urutan) | Mencetak satu siri adegan, terpisah dengan selang tertentu, pada sehelai kertas. Anda juga boleh mencetak nombor folder, nombor fail dan waktu yang telah berlalu untuk bingkai dengan menetapkan [Caption (Penerangan)] kepada [On (Hidup)]. |


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

- Untuk membatalkan pencetakan yang sedang dijalankan, tekan butang [(SET)], pilih [OK], dan kemudian tekan butang [(SET)] sekali lagi.
- [ID Photo (Gambar ID)] dan [Sequence (Urutan)] tidak boleh dipilih pada pencetak serasi PictBridge jenama Canon daripada CP720/CP730 dan model yang lebih awal.

## Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)

**Imej Pegun** Filem

Pencetakan berkelompok (166) dan memesan pencetakan daripada perkhidmatan pencucian foto boleh disediakan dalam kamera. Pilih sehingga 998 imej pada kad memori dan konfigurasikan tetapan yang berkaitan, seperti jumlah salinan, seperti berikut. Maklumat pencetakan yang anda sediakan dengan cara ini akan memenuhi standard DPOF (Digital Print Order Format).

- Imej RAW tidak boleh disertakan dalam senarai cetak.

### Mengkonfigurasikan Tetapan Pencetakan

**Imej Pegun** Filem

Tentukan format pencetakan, jika anda ingin menambahkan tarikh atau nombor fail dan tetapan lain seperti berikut. Tetapan ini digunakan untuk semua imej dalam senarai cetak.




- Tekan butang, [MENU] pilih [Print settings (Tetapan Pencetakan)] pada tab [▶2] dan kemudian tekan butang [(SET)].
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◉] untuk memilih [Print settings (Tetapan Pencetakan)]. Tekan butang [(SET)], dan pada skrin seterusnya, laraskan tetapan yang diingini (32).

| | | |
|---|---|---|
| Print Type (Jenis Cetak) | Standard | Satu imej dicetak untuk setiap helaian. |
| | Index (Indeks) | Versi lebih kecil bagi berbilang imej dicetak untuk setiap helaian. |
| | Both (Kedua-dua) | Kedua-dua format indeks dan standard dicetak. |
| Date (Tarikh) | On (Hidup) | Imej dicetak dengan tarikh penangkapan. |
| | Off (Mati) | – |
| File No. (Nombor Fail) | On (Hidup) | Imej dicetak dengan nombor fail. |
| | Off (Mati) | – |
| Clear DPOF data (Hapus data DPOF) | On (Hidup) | Semua tetapan senarai cetak imej dipadam selepas pencetakan. |
| | Off (Mati) | – |

- Dalam sesetengah kes, bukan semua tetapan DPOF anda akan digunakan dalam pencetakan oleh pencetak atau perkhidmatan pencucian foto.
- [!] mungkin dipaparkan pada kamera untuk memberi amaran bahawa kad memori mempunyai tetapan pencetakan yang dikonfigurasi pada kamera lain. Menukar tetapan pencetakan menggunakan kamera ini mungkin menulis ganti semua tetapan sebelumnya.
- Menetapkan [Date (Tarikh)] ke [On (Hidup)] mungkin menyebabkan sesetengah pencetak mencetak tarikh dua kali.

- Menentukan [Index (Indeks)] akan menghalang anda daripada memilih [On (Hidup)] untuk [Date (Tarikh)] dan [File No. (Nombor Fail)] pada masa yang sama.
- Pencetakan indeks tidak tersedia pada sesetengah pencetak serasi PictBridge jenama Canon (dijual berasingan).
- Tarikh dicetak dalam format yang sepadan dengan butiran tetapan dalam [Date/Time (Tarikh/Masa)] pada tab [🔧2] (18) menu (32).

## Menyediakan Pencetakan untuk Imej Individu

▶ Imej Pegun ▷ Filem




**1 Pilih [Select Images & Qty. (Pilih Imej & Kuantiti)].**

- Tekan butang [MENU], pilih [Print settings (Tetapan Pencetakan)] pada tab [▶2] dan kemudian tekan butang [SET].
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk memilih [Select Images & Qty. (Pilih Imej & Kuantiti)] dan kemudian tekan butang [SET] (📖32).

**2 Pilih imej.**

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◎] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [SET].
- Sekarang anda boleh menentukan jumlah salinan.
- Jika anda menentukan pencetakan indeks untuk imej, ia dilabelkan dengan ikon [✓]. Untuk membatalkan pencetakan indeks bagi imej, tekan butang [SET] sekali lagi. [✓] tidak dipaparkan lagi.




**3 Tentukan jumlah pencetakan.**

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [◎] untuk menentukan jumlah pencetakan (sehingga 99).
- Untuk menyediakan pencetakan bagi imej lain dan menentukan jumlah pencetakan, ulangi langkah 2 – 3.
- Kuantiti pencetakan tidak boleh ditentukan untuk pencetakan indeks. Anda hanya boleh memilih gambar mana yang akan dicetak, dengan mengikuti langkah 2.

- Setelah selesai, tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin menu.

## Menyediakan Pencetakan untuk Julat Imej

▶ Imej Pegun ▷ Filem




- Ikuti langkah 1 dalam “Menyediakan Pencetakan untuk Imej Berasingan” (📖165), pilih [Select Range (Pilih Julat)] dan tekan butang [SET].
- Ikuti langkah 2 – 3 dalam “Memilih Julat” (📖103) untuk menentukan imej.
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Order (Pesan)] dan kemudian tekan butang [SET].

## Menyediakan Pencetakan untuk Semua Imej

▶ Imej Pegun ▷ Filem




- Ikuti langkah 1 dalam “Menyediakan Pencetakan untuk Imej Berasingan” (📖165), pilih [Select All Images (Pilih Semua Imej)] dan tekan butang [SET].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◎] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [SET].

## Memadam Semua Imej daripada Senarai Cetak




- Ikuti langkah 1 dalam “Menyediakan Pencetakan untuk Imej Berasingan” (📖165), pilih [Clear All Selections (Hapus Semua Pilihan)] dan tekan butang [SET].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◎] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [SET].

## Menambah Imej ke Buku Foto

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem

Buku foto boleh disediakan pada kamera dengan memilih hingga 998 imej pada kad memori dan mengimport imej tersebut ke perisian pada komputer anda, di mana imej tersebut akan disimpan dalam folder tersendiri. Ini akan memudahkan anda apabila memesan cetakan buku foto dalam talian atau mencetak buku foto dengan pencetak anda sendiri.

### Memilih Kaedah Pemilihan




- Tekan butang [MENU], pilih [Photobook Set-up (Persediaan Buku foto)] pada tab [▶2] dan kemudian pilih cara anda akan memilih imej.

> (!) • [(!)] mungkin dipaparkan pada kamera untuk memberi amaran bahawa kad memori mempunyai tetapan pencetakan yang dikonfigurasi pada kamera lain. Menukar tetapan pencetakan menggunakan kamera ini mungkin menulis ganti semua tetapan sebelumnya.

### Menambah Imej Secara Individu

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem




**1 Pilih [Select (Pilih)].**

- Ikuti prosedur dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖166), pilih [Select (Pilih)] dan tekan butang [SET].




**2 Pilih imej.**

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◎] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [SET].
- [✓] dipaparkan.
- Untuk memadamkan imej daripada buku foto, tekan butang [SET] sekali lagi. [✓] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.
- Setelah selesai, tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin menu.

### Menambah Semua Imej ke Buku Foto

▶ **Imej Pegun** ▷ Filem




- Ikuti prosedur dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖166), pilih [Select All Images (Pilih Semua Imej)] dan tekan butang [SET].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [◎] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [SET].

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Tv, Av, M dan C
6 Mod Main Balik
7 Fungsi Wi-Fi
8 Menu Persediaan
9 Aksesori
10 Lampiran
Indeks

## Memadam Semua Imej dari Buku Foto

▶ Imej Pegun ▷ Filem




- Ikuti prosedur dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (166), pilih [Clear All Selections (Hapus Semua Pilihan)] dan tekan butang [SET].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [●] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [SET].

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
